

Mingguan Amanah

UNTUK AHLI SAHAJA

LANGGAN
MINGGUAN
AMANAH
SEGERA!
**PERCUMA
T-SHIRT**

untuk urusan Langganan
011 3233 4322

Gagasan Sejahtera
pecah, calon Berjasa
lawan Pas



→ ms2

Sarawak Report:
Mahkamah London tetap bicara penuh



→ ms2



Husam
anak butir
sebenar
Tok Guru
Nik Aziz,
kata Nik
Omar

→ ms8

“ Kalau Tun Mahathir hasilkan gelombang sokongan di kalangan Melayu luar bandar, Nik Omar hasilkan gelombang sokongan di kalangan Melayu yang pro Islam dan menggegar Pas ”



PENYERTAAN Nik Omar sebagai calon Pakatan Harapan seolah-olah meletakkan logo 'halal' kepada AMANAH di kalangan pengundi pro Islam. Beliau kini menjadi tumpuan media.


NIK OMAR GEGAR PAS

GELOMBANG sokongan terhadap Pakatan Harapan yang dihasilkan oleh Tun Dr Mahathir Mohamad kini ditambah lagi oleh gelombang yang dihasilkan oleh anak Tok Guru Nik Aziz, Nik Omar. Kalau Tun Mahathir hasilkan gelombang sokongan di kalangan Melayu luar bandar, Nik Omar hasilkan gelombang sokongan di kalangan Melayu yang pro Islam dan menggegar Pas, kata pengkaji politik, Dr Mazlan Ali.

→ Laporan penuh
muka 9

**MEMENUHI HARAPAN
MEMBINA NEGARA**

PAKATAN HARAPAN MEREALISASIKAN IMPIAN RAKYAT MALAYSIA



Kajian Invoke: Undi Melayu BN jatuh merudum

KAJI selidik terbaru Invoke mendapati Undi Melayu Barisan Nasional (BN) jatuh merudum dari 41.1% (Disember) kepada hanya 18.1% (April) dan ia membayangkan berlaku peralihan besar pengundi Melayu.

Ekoran itu, undi Melayu dalam kalangan pengundi yang telah membuat keputusan di antara BN, Pakatan Harapan (PH) dan Pas hampir sama.

50.7% responden pula memberikan jawapan "tidak pasti" atau "undi rahsia" yang membayangkan bahawa mereka adalah pengundi atas pagar.

Demikian kata Rafizi Ramli bagi pihak Invoke dalam kenyataan medianya 30 April lepas, kira-kira 10 sebelum rakyat negara ini

membuang undi.

Manakala Undi Cina kepada BN juga jatuh merudum ke paras 9.3% dalam bulan April 2018.

"66.3% pengundi Cina menyatakan mereka 'atas pagar' walaupun besar kemungkinan mereka penyokong PH.

"Pola sokongan yang sama ditunjukkan oleh pengundi Cina: tahap sokongan kepada BN jatuh merudum sebanyak 50% dalam tempoh lima bulan," kata beliau.

Sokongan pengundi India kepada BN pula jelas Rafizi, merudum ke paras 18.7% berbanding sokongan kepada PH (32.9%).

Ini kali pertama sejak Invoke menjelaki tahap sokongan pengundi bermula Januari 2017 yang menyaksikan sokongan pengundi

di India kepada PH lebih tinggi berbanding sokongan kepada BN, jelasnya.

"Angka menunjukkan peralihan undi yang besar kepada PH dalam kalangan pengundi India berbanding sokongan kepada BN di saat-saat akhir, yang akan membawa kesan besar kepada banyak kerusi-kerusi marginal.

"Jumlah pengundi atas pagar meningkat mendadak dua minggu sebelum pilihan raya, membayangkan peralihan pengundi setiap kaum lari dari BN

"Pecahan pengundi atas pagar mengikut kaum: Melayu (50.7%), Cina (66.3%) dan India (46.9%)," kata beliau lagi.

Menurut Rafizi, hanya 32.6% daripada pengundi Pas adalah penyokong tegar Pas. Selebihnya, sebanyak 32.1% ada potensi

akan mengundi PH dalam senyap.

"Kesimpulannya, perbezaan sokongan antara BN, PH dan PAS dalam kalangan pengundi Melayu yang telah membuat keputusan adalah tidak besar iaitu sekira 1% ke 3% sahaja.

"Undi Melayu BN telah jatuh merudum berbanding enam (6) bulan lalu dan kini berada dalam lingkungan undi Melayu PH.

"Dalam kalangan pengundi semua kaum, pilihan Perdana Menteri yang paling atas adalah Tun Mahathir/PH (29.9%) mengatasi Najib Razak ni BN (23.8%).

"Majoriti pengundi (40.5%) yakin kerajaan persekutuan akan bertukar tangan, berbanding hanya 27.6% yang percaya BN akan kembali berkuasa," kata beliau.

Sarawak Report: Mahkamah London tetap bicara penuh 1-12 April 2019

MAHKAMAH Tinggi London pada 30 April menetapkan tarikh 1 hingga 12 April 2019 bagi perbicaraan penuh saman Presiden Pas Datuk Seri Abdul Hadi Awang terhadap Sarawak Report.

Mahkamah menolak permohonan dalam permohonan (Interloktori) dari Sarawak Report (SR) untuk mengenepikan saman itu dengan menetapkan perbicaraan penuh.

(Permohonan interlokutori dibuat untuk meringkaskan perbicaraan apabila sesuatu pihak yakin dengan kes itu. Namun hakim jarang membenarkannya untuk memastikan keadilan terjamin dengan perbicaraan penuh)

Ekoran itu, mahkamah meminta Sarawak Report membayar kos sebanyak RM156,000 (£28,900) selepas menolak permohonan itu.

Dengan arahan ini, sehingga kini SR telah membayar kos sebanyak RM1.078 juta (£200,000).

Peguam Carter Rock pula mem-

beritahu mahkamah, sehingga kini Abdul Hadi telah membayar RM1.646 juta (£305,250) sebelum perbicaraan bermula.

Hakim Dingemans berkata, terlalu banyak isu yang berkaitan dan bertindih dalam kes ini yang memerlukan perbicaraan penuh.

Antaranya isu kepentingan awam berkaitan dengan laporan SR, hak untuk melaporkan isu politik yang menentukan samada Abdul Hadi berhak atau tidak menyaman SR.

Di England, sebuah parti politik tidak boleh menyaman.

Ekoran itu SR telah membuat petisyen bagi momohon satu perbicaraan awal untuk menentukan apakah Abdul Hadi atau Pas sebagai sebuah parti politik yang cuba menutup mulut SR dari melaporkan pengaliran wang dari Umno kepada parti politik lain.

Ia bertujuan untuk menjimatkan kos perbicaraan yang akan melibatkan beberapa juta ringgit

kerana kos saman sivil di England sangat mahal.

Namun Hadi membantahnya dan hakim pula bersetuju bahawa tuntutan balas SR atas gangguan yang dibuat oleh Pas juga rumit untuk dibicarakan dengan cepat.

Antaranya termasuklah permohonan SR untuk menyekat pihak yang berkaitan dengan Hadi dari mengugut saksi di Malaysia.

Ekoran itu, mahkamah telah menetapkan perbicaraan penuh untuk kes ini April tahun 2019, iaitu setahun dari sekarang dan memerintah SR membayar kos permohonan interlokotori itu.

Peguam SR telah memaklumkan, antara bahan bukti yang akan dikemukakan ke mahkamah adalah audio yang dikatakan suara Nik Mohamad Abduh yang mengaku pemimpin Pas termasuk beliau dan Hadi telah menerima duit dari Umno.

Audio itu kini sedang dalam proses akhir untuk ditentukan

kesahihannya.

Pas telah mengambil Carter Ruckis, antara syarikat guaman

yang termahal di London untuk mewakili Hadi dalam tindakan saman ini.

Gagasan Sejahtera pecah, calon Berjasa lawan Pas

CALON Berjasa yang selama ini berada dalam Gagasan Sejahtera yang dibentuk Pas kini bertanding melawan calon Pas.

Untuk pilihan raya umum ke-14 (PRU14) ini, sekurang-kurangnya dua kerusi calon Pas bertembung dengan calon Berjasa, satu kerusi Dun dan satu kerusi Parlimen.

Melalui semakan senarai calon PRU14, didapati untuk kerusi P.078 Parlimen Cameron Highland, Pahang, calon Pas Cikgu Wan Mahazir akan bertembung dengan calon Berjasa Ustaz Tahir, selain dua calon lain daripada PKR dan Barisan Nasional (BN) bagi pertandingan empat penjuru.


Bagi kerusi Dun N.07 Batu Kurau, Perak, calon Pas, Ustaz Shahir Hassan bertembung dengan calon Berjasa, Zainal Abidin Hj. Abd Rahman, selain dua calon lain daripada PKR dan BN untuk pertandingan yang juga empat penjuru.

Calon PKR adalah Muhamad Aiman Aizuddin, manakala calon BN adalah Datuk Dr. Muhammad Amin Zakaria.

Sementara itu, tidak diketahui apakah rakan utama dalam GS, Ikatan ada meletakkan calon dalam pilihan raya ini.

Ini kerana, Ikatan telah menolak kerusi Langkawi yang diperuntukkan kepada mereka.

Presiden Ikatan, Tan Sri Kadir Sheikh Fadhil berkata, partinya telah menolak untuk meletakkan calon di kerusi itu.



Calon Pas bertembung dengan calon Berjasa. Apakah Gagasan Sejahtera sudah pecah.

PRU14 paling bersejarah, kata Kit Siang

Oleh AKMAL HAZIQ

BATU PAHAT: Calon Parlimen Iskandar Puteri, Lim Kit Siang memberikan tiga hujah mengapa pilihan raya umum ke-14 (PRU14) yang akan berlangsung 9 Mei nanti bakal mencipta sejarah.

Pertama, kata Kit Siang adalah transformasi Johor daripada sebuah negeri 'simpanan tetap' Umno-BN kepada sebuah negeri di barisan depan bagi perubahan politik dan pembaharuan nasional pada PRU14.

Jelasnya, sehingga pilihan raya umum 2008, Johor adalah sebuah negeri Umno-BN yang tidak dapat ditembusi dan kebal, sehingga pemimpin-pemimpin Umno-BN dengan bongkak mendakwa negeri itu adalah negeri sifar pembangkang dalam PRU12 pada 2008.

Bagaimanapun tambah beliau, lanskap politik di Johor telah berubah secara drastik dalam PRU12 dan

PRU13 dan politik Johor tidak akan menjadi seperti dahulu lagi berbanding lima dekad pertama selepas merdeka dalam 1957.

"Dalam PRU12 dan PRU13, (parti) pembangkang berjaya membuat 'lompatan besar' ke hadapan di negeri Johor dengan wakilnya di Dewan Undangan Negeri (Dun) meningkat daripada enam kepada 18 kerusi.

"Dan dengan penubuhan Bersatu (PPBM) yang mempunyai seorang wakil rakyat dalam Dun Johor, Umno-BN untuk pertama kali hilang majoriti dua pertiga di Dun Johor sejak merdeka pada 1957.

"Bahkan sekiranya berlaku perempatan semula yang adil dan demokratik berasaskan 'satu orang satu undi' dalam PRU13, pembangkang boleh menang lagi lapan kerusi, menjadikan 26 daripada 56 kerusi Dun di Johor kerana mendapat 46 peratus jumlah undi bagi kerusi negeri," kata beliau dalam ucapannya

sewaktu penamaan calon, 28 April lalu.

Sekarang tambahnya, Johor adalah salah satu negeri yang menjadi harapan Pakatan Harapan (PH) untuk di-menangi pada PRU14, sebagai laluan untuk menawan kuasa Persekutuan di Putrajaya.

Kedua jelasnya, ini bukanlah pilihan raya umum untuk memilih Ahli Parlimen dan Adun bagi daerah tersebut sahaja.

"Walaupun pilihan raya umum di Malaysia diadakan sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh lima tahun, PRU14 ini adalah berbeza daripada PRU sebelumnya kerana pada PRU ini ia juga akan menentukan siapakah yang akan menjadi Perdana Menteri Malaysia yang baharu ≠ Najib atau Mahathir.

"PRU14 dilihat sebagai pilihan raya bagi menentukan siapakah akan dijadikan Perdana Menteri, sesuatu yang belum pernah berlaku kepada

rakyat Malaysia sejak lama," kata beliau.

Kata Kit Siang, jika pada 9 Mei dua tahun lalu rakyat Filipina boleh menukar presidennya, dan pada tarikh sama tahun lalu Korea Selatan juga boleh menukar presiden mereka, soalannya sekarang pada 9 Mei nanti bolehkah rakyat Malaysia menukar perdana menteri.

Ketiga-tambahnya, yang paling penting, PRU14 adalah peluang keemasan untuk pertama kali dalam sejarah 61 tahun negara, untuk rakyat "menekan brek dan mengubah haluan" ≠ berhenti membawa negara ini menjadi sebuah negara kleptokrat yang gagal, sebaliknya menjadikannya sebuah negara impian semua rakyat.

"Biar saya simpulkan, objektif PRU14 ini adalah untuk Bebaskan Malaysia ≠ daripada korupsi, penyalahgunaan kuasa, ketidakadilan dan sebarang bentuk eksploitasi," kata beliau.

Saidina Abu Bakar tidak bunuh bapa, Mohd Amar ditegur

Oleh ARIF ATAN

KUALA LUMPUR: Pendakwah Wan Ji Wan Hussin berpendapat Naib Presiden Pas yang juga calon Dun Panchor, Mohd Amar Nik Abdullah memfitnah Saidina Abu Bakar Al-Siddiq dengan mendakwa sahabat Rasullullah itu membunuh bapanya.

Beliau menyifatkan fitnah Mohd Amar itu menambah senarai pemimpin Pas yang terkenal membawa hadis palsu seperti calon Dun Kota Anggerik, Selangor Ahmad Dusuki Abd Rani dan calon Dun Penanti, Pulau Pinang Fawwaz Mad Jan.

Mohd Amar ketika berucap selepas penamaan calon 28 April lalu dipetik sebagai berkata, "Saidina Abu Bakar (al-Siddiq) bunuh ayah dia sendiri, (iaitu) dalam peperangan Badar."

Mengulas dakwaan itu, Wan

Ji menerangkan dalam sirah Islam, bapa Abu Bakar al-Siddiq bernama Osman bin 'Amir al-Taimi, yang lebih dikenali dengan panggilan Abu Qahafa.

"Menurut Al-Hakim al-Naisaburi, diriwayatkan dalam kitab Al-Mustadrak bahawa Abu Qahafa memeluk Islam pada tahun pembukaan kota Makkah.

"Malahan dalam kajian sejarah membuktikan bahawa Abu Qahafa meninggal dunia pada zaman pemerintahan Saidina Umar bin al-Khattab ketika berumur 97 tahun.

"Jelas dakwaan pemimpin tertinggi Pas itu terdapat dua fitnah kepada Sahabat besar itu; iaitu (a) fitnah mengatakan Abu Bakar Al-Siddiq bunuh bapanya, dan (b) mendakwa bapanya dibunuh dalam peperangan Badar," jelasnya.

Wan Ji yang juga Pegawai Penerangan di Pejabat Ketua

Menteri Pulau Pinang dipetik berkata demikian dalam artikel bertajuk, 'Nik Amar fitnah Saidina Abu Bakar bunuh bapanya' di blog Khabar Siyasah.

Sehubungan itu, beliau menegaskan kesalahan fakta yang melahirkan imej buruk pada sahabat Nabi itu tidak boleh dimaafkan kecuali pemimpin Pas berkenaan menarik balik maklumat tersebut secara terbuka.

Pada masa sama, petikan rakaman ucapan Mohd Amar berdurasi dua minit yang dimuatkan di Facebook miliknya, 'Dato' Nik Amar' tular apabila mengundang kritikan masyarakat Islam tetapi dipersepsi penyokong taksub Pas.

Rata-rata menganggap perbandingan Timbalan Menteri Besar Kelantan tentang usaha menentang parti lain dengan kesanggupan membunuh kelu-

arga sendiri itu sebagai analogi yang berbahaya.

Lebih ekstrem apabila 'amanat' Mohd Amar itu dilihat merujuk kepada tindakan anak kedua kepada bekas Mursyidul Am Pas, Allahyarham Tuan Guru Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat iaitu Nik Omar yang bertanding menentang Pas.

Nik Omar yang menyertai AMANAH dan menjadi calon Pakatan Harapan (PH) bagi kerusi Dun Chempaka (N06) di Kelantan akan berdepan dengan calon Pas, Ahmad Fathan Mahmood dan Fareez Noor Amran dari BN.

"Walaupun yang bertanding melawan kita ini keluarga Tok Guru kita tetap sokongan kita pada perjuangan Islam.

"Kita tidak hirau siapa dia pun. Jangan fikir dia anak Tok Guru, keluarga Tok Guru menyebabkan kita jadi was-was.

Kita ni terima keluarga ialah bila duduk dengan perjuangan Islam.

"Kalau Rasulullah s.a.w. dalam perang Badar, perang dengan pak saudara dia, perang dengan sepupu dia, Saidina Abu Bakar bunuh ayah dia sendiri dalam peperangan Badar, maka kita pun kena ambil pendirian itu," kata Mohd Amar.

Selepas menerima kecaman banyak pihak, Mohd Amar kemudiannya meminta maaf atas apa yang dianggapnya sebagai "kesilapan fakta yang tidak sengaja tentang Abu Bakar membunuh bapanya".

"Mengikut riwayat sahabat yang membunuh ayahnya ialah Abu Ubaidah. Saya mengucapkan terima kasih kepada semua sahabat yang cakna tentang isu ini. Semoga Allah meraحماتi kita," katanya di Facebook semalam.

Mahathir bagi lima tips kekal sihat

PANDAN: Penggerusi Pakatan Harapan (PH) Tun Dr Mahathir Mohamad berkongsi cerita bagaimana beliau boleh kekal sihat ketika ceramah di Desa Pandan, 1 Mei lalu.

Bekas perdana menteri 22 tahun yang kini berusia 93 tahun itu memberikan lima tips untuk kekal sihat

setelah ditanya oleh pengacara majlis.

"Jangan minum arak. Jangan hisap rokok. Bila makan waktu sedap berhenti sebab jika makan waktu sedap, jadi gemuk. Gemuk (obesiti) tidak sihat.

"Jangan makan banyak gula," ujarnya ketika ditanya oleh penggerusi majlis bagaimana beliau boleh kekal sihat.

Tun Mahathir yang melalui pengalaman dua kali melakukan pembedahan jantung tidak menafikan kadang kala beliau juga berasa tidak sihat.

"Ada juga saya tidak sihat, belah jantung dua kali. Kesian jantung kita mula pam dalam perut mak lagi.

"Pam saya sudah jalan 93 tahun tak

berhenti tetapi ketika pembedahan mereka (doktor) berhentikan paru-paru dan jantung saya," ujarnya.

Beliau sebelum itu bergurau dengan penyokong meminta membayarnya pengeras (upah) kerana pengacara memintanya menceritakan rahsia beliau kekal sihat.

Minda Pengarang

Pertarungan PRU14 bermula, AMANAH cemerlang

DENGAN berlangsungnya hari penamaan calon Sabtu lalu dengan pelbagai peristiwa yang berlaku, bermula 'pertarungan' sebenar PRU14. Ia dianggap sebagai pilihan raya yang sangat luar biasa, 'ibu segala pilihan raya' dan pelbagai makna lagi.

Ia bukan saja pertarungan antara parti yang memerintah dengan parti-parti politik lain, tetapi ia juga adalah pertarungan – secara demokrasi – antara seorang perdana menteri dari parti yang berkuasa, dengan seorang bekas perdana menteri yang mengetuai Pakatan Harapan, gabungan mega pembangkang.

Uniknya jika Pakatan Harapan menang dalam PRU14 kali ini, maka gabungan pembangkang itu akan mengemukakan calon perdana menterinya. Tak lain dan tak bukan ialah Tun Dr Mahathir Muhamad.

Sementara itu, pada hari penamaan calon itu, parti AMANAH telah menunjukkan prestasi cemerlangnya. Iaitu semua calon yang dinamakan oleh AMANAH untuk bertanding telah lulus cemerlang apabila kesemua pencalonan mereka telah diterima.

Pemangku kerja Setiausaha Agung AMANAH, Abang Ahmad Kerdee Abang Masagus berkata, sehingga tamat tempoh sesi penamaan calon pada hari ini, semua calon Pakatan Harapan dari Parti Amanah Negara (AMANAH) diistiharkan sebagai calon yang sah.

Seuja calon AMANAH di Semenanjung Malaysia bertanding menggunakan lambang Parti Keadilan Rakyat (KEADILAN) sebagaimana yang telah diputuskan oleh Majlis Presiden Pakatan Harapan sebelum ini.

Di Sarawak, enam (6) calon AMANAH juga turut bertanding menggunakan lambang KEADILAN. Manakala di Sabah, AMANAH bertanding menggunakan lambangnya sendiri di satu (1) Parlimen iaitu P.185 Batu Sapi dan satu (1) DUN iaitu N.58 Merotai.

Prestasi cemerlang calon AMANAH hingga semuanya pencalonan mereka diterima adalah gambaran keseriusan bekerja dan merancang dengan cemerlang akan dan teliti hingga menghasilkan kecermerlangan ini.

Fasa yang seterusnya akan lebih mencabar dan menuntut semua pihak dalam Pakatan Harapan untuk bekerja lebih kuat dan bersistematis berpaksikan kepada semangat Muafakat Pakatan Harapan untuk memenangi PRU14 ini. Cabaran tentunya lebih getir lagi, terutamanya kemungkinan pelbagai bentuk penipuan. Ini memerlukan kewaspadaan yang tinggi, kesabaran, strategi yang tepat dan mesej yang wajib sampai kepada rakyat.

Dari pada gambaran di hari penamaan calon tempoh hari itu, semakin jelas sokongan rakyat pelbagai kaum dan agama terhadap Pakatan Harapan. Tentunya kita mengharapkan PRU14 ini berjalan dalam suasana tenang, aman supaya demokrasi dapat berungsi sepenuhnya.

Bagi AMANAH, kecermerlangannya di hari penamaan calon itu, memberikan isyarat bahawa ia sangat mementingkan integriti, dihormai dan diyakini oleh rakyat sesuai dengan konsepnya peduli rakyat pelbagai kaum dan agama.

Mengundi Pakatan Harapan dari perspektif Siasah Syar'iyyah (Bahagian 2)

Maksud Siasah Syar'iyyah:

Sebelum ini pernah dijelaskan bahawa :

"Politik atau pengurusan berdasarkan Islam lumrah dipanggil sebagai "Siasah Syar'iyyah. Ia merujuk kepada kebijaksanaan mengurus tadbir dan berpolitik berlandaskan dalil dalil syara' seperti nas Quran, Hadith, ijma', qias Masaleh Mursalah, Istihsan, dan sebagainya berpandukan *maqasid syar'iyyah*, *Fiqh Awlawiyat*, *fiqh al Muwazanat*, *Fiqh Al Waqi'* dan sebagainya. Pertimbangan tersebut juga mengambil kira *Qawa'id Fiqhiyah* dan tuntutan kebijaksanaan pengurusan isu atau kes."

Untuk menekuni siasah syar'iyyah dari sudut teori dan amali dalam masyarakat demokrasi umat dan rakyat perlu dilengkapkan dengan kesedaran, pengetahuan dan budaya berpolitik secara sihat dan berdasarkan siasah syar'iyyah untuk menghindarkan masyarakat dari konflik berdarah kerana salah laku dan pecah amanah golongan politik yang membawa penderitaan berpanjangan kepada seluruh jalur dan kelompok masyarakat.

Untuk menghadapi realiti politik Malaysia yang begitu buruk rakyat dan parti-parti yang berperanan memperkasa demokrasi dan memulihkan kedaulatan rakyat perlu menyebarkan kefaaman yang betul tentang pilihanraya dari perspektif Islam. Ini kerana kita yakin bahawa kefaamanan dan komitmen keagamaan yang tinggi sahaja boleh menjana kesedaran moral yang kukuh untuk mengatasi kelemahan batin dan jiwa manusia yang kerap terjebak melakukan pengkhianatan dan penipuan dalam mengurus pilihanraya dan memerintah negara.

Bertolak dari huraian di atas maka politik berdasarkan syara' etika dan nilai moral perlu difahami dan diamalkan. Ini bermakna politik mesti berlandaskan Maqasid Syariah, Kaedah, Syar'iyyah, Pengutamaan yang betul dan tindakan kebijaksanaan politik yang menepati tuntutan nas, kehendak semasa dan berlandaskan ilmu politik masa kini.

Senario Politik Malaysia

Amalan demokrasi di Malaysia telah diperaktikkan sejak dari tarikh kemerdekaan lagi, namun perlaksanaannya masih mengalami pelbagai tindakan herot merot



yang boleh dipertikaikan. Malah banyak daripada amalan tersebut yang agak lari dari garis yang sepatutnya.

Menurut Dr Zulkifli Hasan :

"Sehingga kini, budaya dan amalan politik di Malaysia masih berteraskan kepada sentimen perkauman, peribadi dan melibatkan isu sensitiviti masyarakat yang mampu mengganggu gugat kesejahteraan dan keamanan.

Bagi menjamin demokrasi yang lebih baik dan bertepatan dengan prinsip Islam, Malaysia memerlukan transformasi politik yang berpaksikan ilmu dan etika. Sekiranya budaya dan amalan demokrasi sedia ada di Malaysia ini tidak dihijrahkan atau ditransformasikan, maka kita hanya akan terus-terusan mewarisi dan mengamalkan sistem demokrasi yang kurang upaya dan nati-jahnya ialah implikasi keburukan itu pasti mengatas apa sahaja kebaikan yang ada. Oleh kerana sistem demokrasi ini berpaksikan kepada kuasa rakyat, maka rakyat yang bijak dan mahukan perubahan perlu mempengaruhi semua pemain demokrasi ini ke arah amalan demokrasi yang berakhlik dan beretika."

Hampir sepakat para ilmuan sains politik, agama, dan tokoh tokoh politik Malaysia yang berpengalaman bahawa situasi politik dan pengurusan politik di Malaysia sangat sarat dengan tindakan yang bakal menjemurkan negara kepada kemasuhan total. Dari kes 1MDB, pecah amanah dan pencurian harta awam yang diperkatakan oleh media dunia sebagai kleptokrasi,

pembaziran, pencurian harta dan tanah FELDA, hingga kepada pemborosan Wang Tabung Haji, Tabung KWSP, GST, amalan menjual aset penting kepada negara seperti Cina Komunis, kejatuhan mata wang, hutang negara yang tenat dan sebagainya.

Ertinya Dharar atau mudharat terbesar sekarang ialah berterusannya pemerintah yang paling buruk sejak kemerdekaan Malaysia dan berterusannya BN memerintah negara. Sebab itu

keutamaan dan prioriti syara' dalam konteks ini ialah menjatuhkan dahulu regim bobrok ini dan mengantikannya dengan suatu kuasa politik reformis yang lebih mampu, layak dan berpotensi untuk

mendapat sokongan rakyat dan berpengalaman untuk menyelesaikan kerumitan yang sedang dihadapi oleh negara kini.

Namun perjuangan untuk menghadapi regim yang sekian lama memerintah dan menyalahgunakan pelbagai jentera dan institusi negara termasuk SPR dan lain-lain bukan suatu yang mudah.

Sikap dan tindakan sesetengah pimpinan Pas yang memboikot dan memutuskan hubungan silaturrahim antara sesama umat yang berlainan parti khasnya kepada mereka yang telah meninggalkan parti Pas dan menganggotai Parti AMANAH atau PKR sangat keterlaluan dan songsang.

Menuduh orang lain yang tidak sependapat dan sehaluan dengan mereka sebagai sesat, penghianat, sebagai orang yang sudah mati, kafir dan sebagainya adalah suatu yang bercanggah dengan nas Quran Surah al Hujurat ayat 11, serta hadith Rasul yang melarang perbuatan tersebut, juga bertentangan dengan sifat rahmah dan kasih sayang sesama orang yang beriman seperti yang dianjurkan oleh Islam.

"Kehadiran AMANAH dan PH adalah suatu penyelesaian terhadap krisis politik dalam PAS dan PR Yang kemudiannya bertukar kepada PH." Apa yang membezakan parti ini dengan parti sejarah (Pas) adalah ia sebagai satu komponen penting dalam Pakatan Harapan yang boleh menyatukan suara rakyat untuk mengantik kerajaan yang korup dan merompak wang rakyat. Ia manifestasi istiqamah untuk terus memperjuangkan cita-cita wadah politik sebelumnya untuk terus menentang kezaliman, menerajui pemerintahan melalui kerjasama dan permuafakatan politik yang rasional, bertenggang-rasa serta dengan pendekatan merahmati semua kalangan masyarakat yang berbagai bangsa dan agama."

BERSAMBUNG KE MUKA 21



Meneruskan legasi ayahanda dalam suasana berbeza

Zaman berbeza, suasana berbeza dan generasi berbeza, tetapi sama sekali tidak menghalang anak-anak putera terbaik pemimpin besar ini – Tuan Guru Haji Yusuff Rawa, Tuan Guru Haji Nik Abd Aziz dan Ustz Fadhil Mohd Nor – meneruskan wawasan perjuangan ayah mereka.

Itulah istimewa dan bertuahnya ayahanda mereka dapat mewariskan kesinambungan pejuangan mereka walaupun zaman dan keadaan berbeza. Ini suatu sejarah yang unik bagi negara ini.

Pada hari penamaan calon bagi PRU14 Sabtu lalu, kita menyaksikan tiga orang anak bekas pimpinan utama Pas menjadi calon Pakatan Harapan (PH).

Ustaz Nik Omar bin Nik Abdul Aziz, anak lelaki Almarhum Tuan Guru Datuk Bentara Setia Haji Nik Aziz Nik Mat, bekas Mursyidul Am Pas, menjadi calon PH di DUN Cempaka, dalam Parlimen Pengkalan Chepa.

Sementara Datuk Dr Mujahid bin Hj Yusuf, anak Almarhum Tua Guru Haji Yusuf Rawa, Presiden PAS



yang kelima (1982 – 1989 dan juga bekas Mursyidul Am Pas menjadi calon di Parlimen Parit Buntar.

Sementara Faiz Fadzil anak keenam Almarhum Datuk Ustaz Fadzil Mohd Noor, Presiden Pas yang keenam (1989 – 2002) menjadi calon DUN Permatang Pasir, Pulau Pinang.

Ketiga-tiga mereka adalah anak yang mendapat didikan langsung daripada bapa mereka dan membesar dengan merasai perjuangan ayahanda mereka di masa lalu. Ketiga-tiga putera terbaik ini kini mendukung perjuangan AMANAH dan bertanding di bawah Pakatan Harapan.

Presiden AMANAH, Mohamad Sabu ketika berucap selepas beliau disahkan sebagai calon parlimen Kota Raja berkata, penyertaan

mereka bertiga amat memberangsangkan untuk AMANAH dan PH.

“Oleh itu, tidak ada sebab untuk orang Melayu takut untuk memberikan kepercayaan kepada PH dalam pilihan raya ini kerana anak ulama besar kini bersama AMANAH,” kata Mohd Sabu.

Meskipun tidak mengambil bahagian dalam politik ketika almarhum Tuan Guru Nik Abdul Aziz, Nik Omar berkata, beliau sentiasa mengikuti kegiatan politik ayahandanya.

Menurutnya, dalam konteks politik semasa, bersama Pakatan Harapan (PH) adalah lebih serasi dengan pendekatan politik arwah Tuan Guru Nik Abdul Aziz.

Nik Omar menganggap Pengurus HARAPAN negeri, Husam Musa sebagai anak butir (anak emas) kepada bapanya. Ini, katanya,

terbukti dengan pendekatan yang dilakukan Husam menyamai pendekatan ayahandanya.

“Asasnya kalau kita ikut perkembangan, Tok Guru pernah sebut secara terbuka bahawa Husam



dicipta Allah bukan hanya untuk negeri Kelantan, tetapi juga untuk negara Malaysia. Itu satu bukti dan betapa kehadiran Husam ini banyak memberi manfaat dari sudut kewangan, ekonomi dan ambo memang tak terlibat dengan politik tetapi mengikuti perkembangan,” katanya.

“Jadi ambo perhati pendekatan yang dibawa Husam memang sama, anak butir kita panggil

dengan apa yang dibawa oleh Tok Guru,” katanya ketika ditemui media selepas majlis pembentangan tawaran HARAPAN Kelantan bagi pilihan raya umum ke-14 di Kota Bharu, bru-baru ini.

Nik Omar yang juga Pengetua Maahad Darul Anwar itu yakin, bagi memastikan negara ditadbir urus dengan lebih baik adalah melalui strategi politik semasa melalui Pakatan Harapan.

Sementara itu, kehadiran Dr. Mujahid Yusuf Rawa, Faiz Ustaz Fadzil Mohd Noor dalam perjuangan politik AMANAH, memberikan dimensi yang kuat terhadap parti yang mendukung konsep ‘Rahmatan Lil-Alamin’.

Ketiga-tiga putera terbaik ini berada dalam suasana yang berbeza dengan zaman perjuangan ayahanda mereka. Namun inti dari semua perjuangan mereka adalah sama – memikul amanah, menegakkan keadilan, menentang kezaliman dalam apa bentukpun yang puncaknya ialah mencapai keredhaan Ilahi.

Sisi nyata wakil rakyat DAP

Oleh MASTURA MOHD SALEH

Beliau adalah Dr. Ong Kian Ming, bekas ahli Parlimen Kawasan Saya (Parlimen Serdang). Sudah tentu dari parti Roket.

Saya bermukim di kawasan di mana majoriti penduduk adalah kaum Cina (Dun Balakong). Jadi, adalah sesuatu yang tidak wajar untuk meletakkan idealisme perkauman apatah menjadi ultra-Melayu bila saya hidup dalam kelompok ini. Jiran saya ada yang namanya Ah Piu, Ah Ping, tauke kedai perabot naik Merc, apek yang selalu jogging malam, nenek yang selalu jalan ‘slow’ pergi kedai. Saya tak tau pun nama betul dia orang, tapi itu ‘description’ saya bila berbual dengan suami.

Ok. Berbalik pada Dr. Ong Kian Ming tadi. Saya kenal mukanya sebagai ahli parlimen dalam majlis-majlis di surau taman. Saban tahun, ketika majlis berbuka puasa dan sambutan raya, pasti ada muka dia dan YB Eddie (Ng Tien Chee). Beliau juga banyak memudahkan urusan bantuan kewangan berkaitan surau taman. Tanpa banyak karenah dan birokrasi, pakai whatsapp saja pun boleh jadi ‘kick-off’ permohonan bantuan.



Ketika kawasan Balakong teruk dengan isu ketiadaan air suatu masa dulu, beliau dengan sabar melayan hentaman-hentaman penduduk dalam WhatsApp. Hentaman dari kaum beliau sendiri yang banyak. Selalu bagi respon dan update apa hasil tindakan beliau untuk atasi masalah penduduk. Pendek kata beliau adalah ahli parlimen yang ‘boleh harap’lah.

Di acara fun-run 6km Pesta Balakong pun kami pernah berselisih. Dia beratur di belakang saya untuk acara tamat larian. Nak ajak selfie tapi malu la pulak (bukan kaki selfie pun).

Jadi, untuk saya melihat dakyah-dakyah yang mengatakan DAP adalah parti anti-Islam yang perlu dibenci adalah susah untuk saya terima. Ana tahu... eh, saya tahu, banyak edaran kenyataan individu-individu parti itu berke-

naan Islam yang disebarluaskan. Ada yang mungkin betul, ada yang pasti salah, ada yang silap faham konteks. Namun bagi saya ia adalah hasil daripada kegalan umat Islam sendiri yang mempamerkan sisi negatif diri mereka yang memberi gambaran buruk terhadap Islam: keras, tiada karisma, tidak berjiwa besar, suka bergaduh benda remeh-temeh.

Seperti mana sesetengah pemimpin parti yang tegas dengan dasar dan prinsip perjuangan. Maka begitu juga DAP yang mewakili kebanyakan kaum mereka teguh dengan dasar sekularisme serta mendokong hak-hak yang digariskan dan dijamin oleh Perlembagaan Malaysia. Jadi, apakah solusi terbaik bagi pertembungan dua kaum dan dua dasar langit dan bumi ini? Dua-dua duduk di tanah yang sama ini?

Saya sebagai individu yang

duduk di tengah-tengah kaum bukan muslim akan cenderung memilih pemimpin yang boleh menyatukan perbezaan ini. Saya suka pemimpin yang boleh mencabar diri mendepani realiti dakwah dan berusaha menjadikan mereka relevan untuk memimpin masyarakat majmuk Malaysia.

Bagi yang tidak sudi meneruskan misi ini, tidak mengapa... tetapi

jangan dikecam dan direndahkan pemimpin yang ingin mencuba meluaskan paradigma Islam. Haluan dan cara siyasah kini mungkin berbeza tetapi matlamat Islam itu tetap sama. Cara siapa yang paling tepat dan mulia? Allah sahaja yang tahu. Alangkah main bola pun ada pelbagai strategi dan formasi, tujuannya untuk? Gol dan menang. Apatah lagi berpolitik untuk memimpin negara.

Saya bersetuju dengan pandangan seorang tokoh politik (tak ingat nama-tengok video temuramah)(penyayarah Universiti Utara Malaysia, Dr Atory Hussein - editor), DAP telah hilang banyak sikap ultra-Chinese sejak bersama Pas ketika di dalam Pakatan Rakyat dahulu. Mereka juga banyak cuba menyempurnakan hak orang Melayu Islam ketika memimpin Pulau Pinang (berdasarkan fakta belanjawan

negeri). Mereka berpeluang untuk belajar memimpin pelbagai kaum dan agama. Pas wajar mendapat kredit atas usaha ini. Terima kasih. Perjalanan dakwah masih jauh dan pemimpin AMANAH kini menggalas tugas yang ditinggalkan kepada mereka.

Besar harapan saya untuk melihat perubahan kepimpinan Malaysia menerusi PRU kali ini:

1. Barisan Nasional pula belajar menjadi pembangkang sebagai sesi muhasabah atas puluhan tahun memerintah dengan cara yang anda maklum.

2. Malaysia dipimpin oleh pemimpin yang berintegriti, berpandangan jauh dan mampu membawa Islam di dalam ruang lingkup yang harmoni dan saling menghormati. Terlalu banyak kerosakan persepsi yang berlaku sepanjang tempoh sebelum PRU kali ini dan semua ini perlu diperbaiki.

3. Menghapuskan idea perkauman yang sentiasa membahar dalam masyarakat. Asal nak pilihan raya, idea ini disemarakkan merata-rata. Saya tidak mahu generasi muda akan datang hidup dengan ideologi yang sempit ini.

Sekian dari saya,
RAKYAT BALAKONG
(Mengundi di Kajang) - fb

Semua calon AMANAH lulus cemerlang

Oleh ARIF ATAN

KUALA LUMPUR: Semua calon yang dinamakan AMANAH lulus cemerlang apabila pencalonan mereka diterima pada hari penamaan calon 28 April lalu.

Pemangku kerja Setiausaha Agung AMANAH, Abang Ahmad Kerdee Abang Masagus berkata, sehingga tamat tempoh sesi penamaan calon, semua calon Pakatan Harapan daripada AMANAH diisyiharkan sebagai calon yang sah.

"Mereka terdiri daripada 34 Parlimen dan 110 Dewan Undangan Negeri (Dun) telah secara rasmi diumum dan diisyiharkan sebagai calon-calon yang akan bertanding dalam pilihan raya umum ke-14 (PRU14) kali ini," katanya.

Menurut beliau, kesemua calon AMANAH di Semenanjung bertanding menggunakan lambang Parti Keadilan Rakyat (Keadilan) sebagaimana yang telah diputuskan oleh Majlis Presiden Pakatan Harapan sebelum ini.

Di Sarawak, enam (6) Calon AMANAH

juga turut bertanding menggunakan lambang Keadilan.

Manakala di Sabah, AMANAH bertanding menggunakan lambangnya sendiri di satu (1) Parlimen iaitu P.185 Batu Sapi dan satu (1) Dun iaitu N.58 Merotai.

"Alhamdulillah, kesemua calon AMANAH ini telah diterima dan diisyiharkan sebagai calon PRU14.

"Mewakili seluruh kepimpinan AMANAH, saya ingin menyampaikan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada seluruh jentera khususnya kepada Sekretariat

Nasional, Sekretariat Negeri-Negeri, Biro Undang-Undang (Kanun), Biro Pilihan Raya, Media Oren dan semua Pasukan/Unit dan individu-individu yang telah bertungkus lumus memastikan kejayaan di fasa pertama ini," katanya.

Sehubungan itu beliau mengingatkan bahawa fasa seterusnya akan lebih mencabar dan menuntut semua pihak untuk bekerja lebih kuat dan bersistematis berpaksikan kepada semangat muafakat Pakatan Harapan dengan matlamat yang jelas untuk menumbangkan BN.

Kerajaan BN diyakini beri subsidi stabilkan harga minyak

KUALA LUMPUR: Kerajaan BN diyakini menstabilkan harga minyak sejak sebulan lalu dengan memberikan subsidi ke atas bahan bakar itu, kata Naib Presiden Keadilan Rafizi Ramli.

Dalam satu kenyataan media, Rafizi mengakui telah membuat kiraan berdasarkan formula penetapan harga yang digunakan kerajaan untuk melihat harga minyak sebenar sejak empat minggu lalu.

"Harga minyak mentah dan kadar tukaran wang diperolehi dari sumber Bloomberg, sementara harga rujukan MOPS95 yang digunakan kerajaan diambil dari penerbitan Australian Institute of Petroleum," jelas beliau.

Menurutnya, harga minyak mentah telah melonjak naik dari US\$67.64 setiap tong pada 2 April iaitu sebelum parlimen dibubarkan, kepada US\$75.17 setiap tong 30 April lalu yang menunjukkan peningkatan 11% dalam tempoh sebulan.

Bagaimanapun beliau hairan apabila harga RON95 yang ditetapkan secara mingguan oleh pentadbiran Datuk Seri Najib Razak tidak pula menunjukkan perubahan dan kekal pada harga RM2.20 seliter untuk RON95 bagi empat minggu berturut.

"Itu memberi gambaran bahawa Datuk Seri Najib secara senyap-senyap telah memperkenalkan kembali subsidi minyak semata-mata untuk menang dalam pilihan raya ini sedangkan beliau juga yang cukup memusuhi subsidi minyak sebelum ini," ujarnya.

Berdasarkan formula yang digunakan kerajaan, beliau yakin harga RON95 sepatutnya mencecah

RM2.38 seliter pada 2 Mei iaitu naik 18 sen dari harga yang ditetapkan kerajaan.

Katanya lagi, apabila Najib menggunakan kaedah subsidi untuk menstabilkan harga minyak sepanjang musim pilihan raya walaupun harga minyak mentah dunia naik melambung, itu mengesahkan kebenaran pendirian Pakatan Harapan bahawa harga minyak boleh diturunkan dan distabilkan melalui subsidi.

"Tindakan menarik balik dan memberikan kembali subsidi minyak sesuka hati ikut kemahuan Perdana Menteri adalah satu tindakan yang membuli rakyat.

"Apabila rakyat tidak lagi boleh bergantung kepada satu peraturan yang tetap kerana ia diubah ubah mengikut kepentingan Datuk Seri Najib, ia samalah seperti rakyat dibuli oleh kerajaan kerana nasib rakyat bergantung kepada cita rasa kerajaan pada ketika itu," katanya.

Walaupun mengalui-alukan keputusan mengembalikan subsidi untuk mengelakkan kenaikan mendadak harga petrol dan diesel, beliau menganggap tindakan memanipulasi penetapan harga minyak mingguan demi meraih undi sebagai tindakan membuli rakyat.

"Selama ini, Datuk Seri Najib membohongi rakyat apabila beliau berdegil mahu menghapuskan subsidi minyak atas alasan kerajaan tidak berkemampuan untuk menanggung lagi subsidi petrol dan diesel.

"Beliau juga mencanang kononnya menaikkan harga minyak apabila subsidi dihapuskan adalah satu tindakan yang bertanggungjawab," ujarnya lagi.

Mahfuz mahu saman aktivis Pemuda Pas

KUALA LUMPUR: Muak dengan fitnah yang dilemparkan seorang aktivis Pemuda Pas di media sosial, Naib Presiden AMANAH Datuk Mahfuz Omar memutuskan untuk mengambil tindakan mahkamah.

"Saudara Helman bin Sanuddin, tunggu saman saya RM500,000 dan bersedia di mahkamah nanti. Jangan hanya kerana seronok menabur cerita, kelak menyusahkan diri terpaksa bergolok bergadai..." kata Mahfuz dalam satu kenyataan media.

Beliau menganggap tuduhan Helman yang mendakwa beliau mendapat tajaan seorang pemimpin Umno selama dua penggal pilihan raya dan majlis perkahwinan anak perempuannya sebagai tidak bertanggung jawab.

Mengakui mengenali aktivis Pemuda Pas yang dikenali sebagai 'Herman Samsudeen' itu, Mahfuz berkata telah dihujani mesej melalui aplikasi what-sapp dan panggilan telefon dari ramai kenalan pada 21 April ekoran status yang dimuat naik Herman Samsudeen di facebook.

"Tulisan oleh Herman Samsudeen mendakwa dan menuduh saya menerima tajaan daripada pimpinan Umno sebanyak RM60,000 dalam kemenangan pilihan raya 2008 dan 2013.

"Lebih dari itu Herman Samsudeen juga mendakwa perkahwinan anak perempuan saya pada 2016 juga ditaja oleh pemimpin Umno sebanyak RM40,000. Saya tahu dan kenal siapa Herman Samsudeen ini," ujarnya.

Menurut Mahfuz, pemilik laman facebook itu adalah kakitangan di Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Di dalam Pas ujarnya, Herman adalah Ketua Psyar Pas Wilayah Persekutuan dan pernah memimpin Dewan Pemuda Pas Wilayah Persekutuan.

Justeru calon AMANAH bagi kerusi parlimen Pokok Sena itu tidak teragak-agak mengambil tindakan undang-undang terhadap Herman.

"Saya menafikan semua dakwaan di dalam tulisan Herman Samsudeen itu dan telah mendapatkan nasihat dari peguam saya untuk tindakan undang-undang.

"Ini merupakan fitnah yang sengaja dilemparkan kepada saya bagi menjatuhkan kredibiliti, mencacatkan dan mencemarkan nama baik serta reputasi saya," katanya.

Beliau meminta Herman agar tidak berselindung di sebalik nama samaran dan 'tanda soal' kerana tuduhan yang dilemparkan itu adalah berat.

"Tindakan undang-undang akan diambil seberapa segera tanpa perlu menunggu selepas pilihan raya," ujarnya sinis.

Herman dalam tulisannya di facebook meminta Mahfuz mengesahkan apa yang didengari beliau daripada "rakan-rakan di utara" Semenanjung.

"Saya ingin minta beliau mengesahkan bahawa benarkah ada pemimpin Umno yang menaja dana kemenangan pokok Sena pada PRU 2008 dan 2013 bernilai RM60,000?

"Dan semasa perkahwinan anak perempuan beliau pada 2016, benarkah ada pemimpin Umno sekali lagi menaja dana sebanyak RM40,000? Duit-duit ini dibayar kepada akaun peribadi beliau tanpa dilaporkan pada parti.

"Untuk apa pemimpin-pemimpin Umno itu memberikan sumbangan peribadi kepada beliau? Miskin sangat ke beliau sehingga perlu mengemis duit Umno macam tu?" tulis Herman.

Herman juga cuba berselindung dengan berkata beliau hanya bertanya untuk mencari jawapan supaya "tidak dikelirukan antara fitnah dan fakta".

"Jika ianya fitnah, semoga Allah beri hukuman yang setimpal pada orang yang fitnah beliau. Jika benar, tapi Mahfuz masih berbohong, biarlah Allah tentukan nasib beliau selepas ini," tulis Herman lagi.

SPR, polis didesak tarik balik syarat tidak wajar

KUALA LUMPUR: Majlis Peguam Malaysia mendorong Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) menarik balik peraturan baru yang dikemukakan badan pengendali pilihan raya itu.

Presiden Majlis Peguam, George Varughese dalam satu kenyataannya berkata, syarat tambahan minit-minit terakhir yang dibuat oleh SPR dianggap tidak wajar.

"SPR telah memberikan penjelasan yang tidak kukuh ketika memberikan sebab-sebab di sebalik syarat tambahan ini tanpa merujuk kepada pihak-

pihat yang berkepentingan," katanya.

Bagi Majlis Peguam, ia dibuat untuk memberikan kelebihan kepada parti politik tertentu.

Majlis Peguam juga, katanya mempertikaikan kenyataan Ketua Polis Perak, Datuk Hasnan Hassan tentang syarat notis 10 hari untuk mengadakan ceramah politik.

"Majlis Peguam mendesak SPR dan polis menarik balik syarat yang tidak perlu dan tidak adil yang mengganggu proses pilihan raya ini," katanya.

GAJI MINIMUM

Menyamaratakan gaji minimum seluruh negara dan seterusnya memulakan proses meningkatkan gaji minimum

HAPUSKAN HUTANG PENEROKA FELDA

Menghapuskan hutang-hutang tidak wajar yang dipaksa ke atas peneroka Felda

MENGEMBALIKAN STATUS SABAH DAN SARAWAK

Menubuhkan Jawatankuasa Khas Kabinet untuk segera melaksanakan Perjanjian Malaysia 1963

KWSP UNTUK SURI RUMAH

Memperkenalkan skim caruman KWSP untuk suri rumah

HAPUSKAN GST

Menghapuskan GST dan mengurangkan kos sara hidup dengan pelbagai inisiatif peduli rakyat

SUBSIDI PETROL BERSASAR

Menstabilkan harga minyak dan memperkenalkan semula subsidi petrol secara bersasar

MEMENUHI HARAPAN MEMBINA NEGARA

OXXO

Husam anak butir sebenar Tok Guru Nik Aziz, kata Nik Omar

Anak Almarhum Tok Guru Nik Aziz, Nik Omar menyifatkan anak murid sebenar bekas menteri besar Kelantan itu adalah Penggerusi Pakatan Harapan Kelantan, Husam Musa.

"Ambo (saya) perhati pendekatan yang dibawa Husam memang sama, anak butir kita panggil dengan apa yang dibawa oleh Tok Guru," kata anak lelaki sulung bekas mursyidul am Pas yang paling popular itu.

Ketika hayatnya, kata Nik Omar, Tok Guru Nik Aziz pernah berkata, Husam ini diciptakan Allah bukan untuk Kelantan sahaja tetapi untuk Malaysia juga.

"Kalau kita ikut perkembangan, Tok Guru pernah sebut secara terbuka bahawa Husam dicipta Allah bukan hanya untuk negeri Kelantan, tetapi juga untuk Malaysia. Itu satu bukti,"



kata Nik Omar.

Beliau berkata demikian dalam ucapan awam pertama selepas diterima sebagai calon Pakatan Harapan di DUN Cempaka yang menggunakan simbol PKR.

Husam adalah setiausaha akhbar

pertama Tok Guru Nik Aziz apabila beliau dilantik sebagai menteri besar Kelantan selepas pilihan raya umum 1990.

Selepas itu Husam dinaikkan pangkat menjadi setiausaha politik apabila Wan Abdul Rahim Wan Abdul

lah meninggalkan jawatan itu untuk menjadi speaker Dewan Undangan Negeri Kelantan.

Selaras satu penggal menjadi ahli parliment Kubang Kerian (selepas PRU 1999), Tok Guru Nik Aziz menarik Husam kembali ke Kelantan dan dilantik menjadi exco kanan kerajaan negeri selepas PRU 2004.

Husam diketepikan dari menjadi exco selepas PRU 13 apabila Nik Aziz tidak lagi menjadi menteri besar.

Nik Omar membuat kejutan selepas berbulan-bulan khabar angin yang mengatakan beliau akan menjadi calon AMANAH.

Yang terakhir beliau menafikan perkara itu kerana belum mendapat restu ibunya Datuk Tuan Sabariah Tuan Ishak.

Bagi Nik Omar, kehadiran Husam bukan sahaja menguatkan Pas sebe-

rum ini dari segi politik.

"Kehadiran Husam ini banyak memberi kebaikan dari sudut kewangan, ekonomi dan ambo memang tak terlibat dengan politik tetapi mengikuti perkembangan ini," kata Nik Omar, anak kedua Tok Guru Nik Aziz itu.

Bagi Nik Omar, bagi memastikan negara ditadbir dengan baik, pengundi perlu memberikan undi kepada Pakatan Harapan (PH).

"Ambo hormat semua, hatta Umno pun ambo hormat. Jadi manapun pengundi nak undi lagi Umno terserahlah. Dah dia rasa itu terbaik.

"Jadi pada ambo secara peribadi dalam suasana sekarang ini ada tiga pilihan dan Pakatan Harapan yang terbaik," jelasnya.

Abang doakan kejayaan, adik balas dengan kecaman

Doa calon Pakatan Harapan (PH) bagi Dun Chempaka, Nik Omar Nik Abdul Aziz agar adiknya berjaya di Parlimen Bachok sebaliknya dibalas Nik Abdul dengan nada sindiran dan kecaman.

Dalam kenyataan Nik Abdul yang didakwa daripada mereka sekeluarga, beliau memberitahu ibu mereka, Datin Hajah Tuan Sabariah Tuan Ishak akan berkempen untuk dirinya dan pada masa sama membantu kempen Pas di Dun Chempaka.

Mengundang kecaman orang ramai sejurus dimuat naik di Facebook, penyandang Parlimen Pasir Mas yang sudah 'ditendang' pada PRU-14 ini berkata, hati ibunya terluka sebanyak dua kali.

Pertama, jelasnya, ketika adiknya Nik Adli ditahan di bawah ISA dan terbaharu apabila Nik Omar bertanding di Dun Chempaka.

Menganggap keputusan Nik Omar bertanding mewakili PH pada penamaan calon, 28 April lalu sebagai "kemalangan", Nik Abdul memohon maaf kepada jentera Pas di seluruh negara dan seluruh rakyat Malaysia.

"Ia sesuatu yang amat sukar. Bonda kini memilih untuk berehat beberapa hari bagi merawat luka hatinya yang dalam akibat tembakan yang dilepaskan semenjak lebih 30 tahun lepas oleh seorang lelaki bernama Ikram."

"Dua hari lepas (penamaan calon



28 April), tembakan itu tepat singgah ke jantung bonda.

"Ini adalah tembakan kedua yang terpaksa ditanggung oleh bonda selepas tembakan pertama yang meranapkan jiwanya oleh Tun Dr Mahathir lebih 15 tahun lepas apabila salah seorang anaknya di-ISA-kan."

"Tun dan Ikram itu hari ini bersama-sama bersatu bekerja keras meruntuhkan kerajaan Islam negeri Kelantan di bawah pemerintahan Pas," ujarnya.

Nik Abdul juga mengingatkan Nik Omar peranan ibu.

"Ibu adalah menara kehidupan. Jangan bicara pasal ayahanda jika bonda tiada di sisi."

"Siapa ayahanda tanpa seorang bonda yang paling memahami pahit getir kehidupan seorang suami bergelar pejuang. Siapa kita tanpa bonda? Sekadar air mani terbuang hina..," tulisnya.

Ungkapan terakhir itu kemudian menyebabkan orang ramai menasihati Nik Abdul dan membandingkan nilai akhlak dan sikap berlapang dada Nik Omar yang jauh lebih baik berbanding adiknya.

Nik Omar kini idola baru pengundi wanita

Bukan sahaja selebriti Wardina Safiyyah, bahkan pelakun Gerak Khas Abby Abadi juga bersama Nik Omar Nik Abdul Aziz.

Kalau Wardina menulis sokongannya dalam Facebook, Abby pula datang ke Pengkalan Chepa bersama suami beliau untuk mengikuti ceramah Nik Omar.

Itulah gelombang yang berjaya dicipta oleh Pakatan Harapan (PH) melalui penyertaan Nik Omar dalam PRU 14 ini.

Nik Omar telah disahkan sebagai calon PH yang menggunakan logo PKR di DUN Cempaka, tempat ayahdanya, Tok Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat menjadi wakil rakyat ketika hidupnya.

Menurut penganalisis politik Kelantan, Dr Khairudin Damanhoeri, secara khususnya Nik Omar telah berjaya menarik sokongan pengundi wanita dengan ketara sekali.

"60% undi wanita Kelantan kini bersama Pakatan Harapan," kata pengkaji politik Kelantan itu ekoran kemasukan Nik Omar.

Menurut Khairudin, beliau meneka, strategi PH ketengahkan Nik Omar ialah untuk menarik perhatian golongan pengundi atas pagar khasnya di kalangan wanita.

"Endorsement artis-arti wanita seperti Abby dan Wardina akan semarakkan lagi sokongan di kalangan pengundi wanita muda," kata Khairudin yang banyak membuat kajian politik di Kelantan.

Katanya, berbanding dengan anak



anak lelaki Almarhum Tok Guru Nik Aziz yang lain, penampilan Nik Omar adalah paling mirip dengan penampilan almarhum semasa hidupnya.

"Ia secocok dengan mesej tersirat yang PH isyaratkan bahawa PH menawarkan "penjelmaan semula pentadbiran TGNA" yang akan membawa 1,001 intepretasi peribadi di kalangan pengundi," katanya.

Bagi beliau, selaran yang dibuat Pas terhadap Nik Omar membayangkan kesan yang terpaksu mereka hadapi.

"Tindakan Pas Kelantan, khasnya selaran yang dilempar kepada Nik Omar oleh establishment Pas Kelantan membayangkan keimbangan bahawa penyertaan Nik Omar dalam PH boleh menimbulkan kesan di kalangan ahli dan penyokong Pas," katanya.

Wardina pula mengucapkan terima kasih kepada anak bekas mursyidul am Pas yang paling berpengaruh itu.

"Terima kasih Ustaz atas keputusan yang tidak mudah ini... moga menjadi contoh bagaimana politik Malaysia seharusnya berdiri."

"Pernah tak tanya insan-insan hebat ni... ada sebab kenapa mereka memilih PH. Mereka bukan bodoh, mereka bukan tidak ada agama..."

Fikirkan ya? Ada sesuatu di sana. Ada Harapan semestinya," tulisnya.

Wardina juga menulis, "dengan ramainya mereka yang berintelek, berwibawa dan ikhlas berjuang... kepercayaan saya kepada PH naik lagi 100%. Subhanallah. Sebak pun ada."

Beliau mengharapkan mereka yang ikhlas berjuang ini dapat memberi nasihat kepada mereka yang lain dalam PH sekiranya mereka tersilap langkah kelak.

"Kepada pemimpin PH, harapan kami begitu tinggi, jangan dirobek dan hamparkan kami. Pimpinlah Malaysia seadil, semaju dan sebaiknya untuk semua."

"Perbaikilah segala kepincangan sistem dan bebaskan negara dari tamak haloba dan tipu daya. Ya Allah berikanlah kami pemimpin yang sebaiknya untuk kita," katanya.

Wardina yang memberikan sokongan kepada Pas dalam pilihanraya umum ke 13 lalu meminta pemimpin parti itu merenug perkara ini.

"Maaf ya rakan-rakan dari Pas, namun kita jauh berbeza kali ini di dalam ideologi politik khususnya. Mungkin wajar duduk seketika dan bertanya... mengapa ini terjadi. Saya tak boleh terima hujah mimpi," tulisnya.

Nik Omar gegarkan Pas

Gelombang yang telah dihasilkan oleh Tun Dr Mahathir Mohamad kini bergabung dengan gelombang yang terbina ekoran penyertaan anak bekas menteri besar Kelantan, Nik Omar Nik Abdul Aziz.

Pengkaji politik dari Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Dr Mazlan Ali berkata, Nik Omar telah mencipta gelombang baru di kalangan pengundi pro Islam di negara ini dan menggegarkan Pas.

"Selama ini golongan pro Islam ini mengundi Pas dan tidak akan mengundi parti lain kerana menganggap mereka tidak berapa Islam."

"Penyertaan Nik Omar menjadi calon PH di Cempaka seolah-olah meletakkan logo 'halal' kepada PH dan AMANAH khasnya," kata Mazlan berdasarkan kajian beliau di kalangan pengguna media sosial.

Berdasarkan perkara itulah, katanya, pemimpin dan penyokong Pas paling marah kepada Nik Omar

sekarang.

Setiausaha Agung Pas, Datuk Taki-yudin Hassan telah mengumumkan Nik Omar dipecat serta merta dari Pas sebaik saja beliau menjadi calon PH.

Padahal ia tidak perlu dibuat kerana penyertaan Nik Omar ke dalam AMANAH bermakna keahlian beliau dalam Pas tergugur dengan sendirinya.

Bagi beliau, PH kini berjaya menggabung dua gelombang iaitu yang dihasilkan oleh Tun Dr Mahathir Mohamad dan Nik Omar.

"Kalau Dr Mahathir Mohamad hasilkan gelombang di kalangan Melayu luar bandar yang menyokong Umno selama ini, Nik Omar telah melahirkan gelombang baru kepada pengundi yang menyokong Pas selama ini.

"Sebab itu, apabila Nik Omar menjadi calon PH di Cempaka, pemimpin dan cybertrooper Pas paling marah," kata Dr Mazlan.

Berdasarkan kajian beliau terhadap

trend di media sosial, Dr Mazlan mendapati, ramai pengundi yang selama ini mengundi atas kepentingan Islam mula memberikan keyakinan kepada Amanah dan PH dengan penyertaan Nik Omar.

Katanya, kalau selama ini pengundi pro Islam masih was-was apakah Amanah ini parti Islam atau tidak, penyertaan Nik Omar telah menghalau keraguan itu.

"Penyertaan beliau telah berjaya memecahkan doktrin bahawa hanya Pas parti Islam dan mereka mula fikir undi PH ini tidak ada masalah," kata pengkaji politik UTM itu.

Sehubungan itu, beliau yakin penyertaan Nik Omar telah memberikan impak besar kepada politik orang Melayu yang selama ini pro Islam.

"Bagi saya ini satu kejayaan besar Husam Musa dalam karier politiknya khasnya di Kelantan," katanya berdasarkan Penggerusi PH Kelantan itu yang berusaha membawa Nik Omar menjadi calon PH.



Raikan kemenangan Pakatan Harapan

KEMUNCAK PRU 14 bakal tiba tidak lama lagi. Para pengundi awal akan mengundi pada 5 Mei dan pengundi biasa akan mengundi pada 9 Mei. Rakyat Malaysia yang telah mendaftar sebagai pengundi tidak harus melepaskan peluang ini untuk mencipta sejarah dengan menumbangkan kerajaan BN yang telah berkuasa semenjak 60 tahun lepas.

Kerajaan BN perlu ditumbangkan kerana rakyat Malaysia sudah cukup sengsara dengan kesan ekonomi yang teruk akibat perlaksanaan GST. Kos hidup terus meningkat manakala gaji tidak meningkat. Pelabur asing juga memandang sepi Malaysia selagi Malaysia masih lagi dihimpit dengan kontroversi rasuah dan skandal 1MDB. Harga minyak dunia yang semakin meningkat juga akan menyebabkan harga minyak runcit meningkat setiap hari Rabu yang mendatang.

Satu-satunya cara untuk menghapuskan penderitaan ini adalah dengan menukar kerajaan yang ada kerana kerajaan BN yang ada ini sudah tidak mampu untuk mengatasi masalah yang ada. Hanya dengan pertukaran kerajaan akan menyebabkan perubahan polisi yang seterusnya akan mengembalikan kepercayaan pelabur asing terhadap Malaysia.

Pakatan Harapan (PH) telah bersepakat untuk mencadangkan Tun Mahathir sebagai Perdana Menteri dan Datuk Seri Wan Azizah sebagai Timbalan Perdana Menteri. Kesepakatan PH ini menunjukkan bahawa PH bersedia untuk membentuk kerajaan yang stabil selaras dengan peruntukan Perlembagaan Persekutuan.

PH juga menjanjikan bahawa PH akan mentadbir negara mengikut kehendak Perlembagaan dengan mengekalkan asas Perlembagaan iaitu Islam sebagai agama Persekutuan, kedaulatan institusi Raja-Raja Melayu, pengukuhan kedudukan istimewa orang Melayu dan anak negeri Sabah dan Sarawak serta Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan.

Selain itu, PH juga menjanjikan reformasi terhadap institusi yang disebut dalam Perlembagaan seperti institusi kehakiman, Peguam Negara, hak asasi rakyat, penjawat awam dan keselamatan negara. Dengan perletakan semula asas yang ditetapkan dalam Perlembagaan ini maka Malaysia berpeluang untuk kembali makmur dan maju.

Peranan Tun Mahathir dalam memulihkan ekonomi negara tidak boleh diperkecincikan. Dalam usianya yang sudah menjangkau 93 tahun, beliau masih lagi mempunyai tahap kesihatan yang baik

dengan kebolehan politik dan berfikir yang luar biasa. Perlantikan Tun Mahathir sebagai Perdana Menteri Ketujuh juga adalah langkah yang tepat kerana beliau mempunyai pengalaman yang luas

berada dalam kerajaan dan juga sudah dikenali di peringkat antarabangsa.

Manakala, PH itu sendiri mempunyai ahli politik yang berpengalaman yang mampu mentadbir Malaysia dengan lebih baik. Nama-nama besar seperti Hj Mohamad Sabu, Salahuddin Ayub, Lim Kit Siang, Lim Guan Eng, Azmin Ali dan ramai lagi pemimpin PH tidak akan membiarkan Tun Mahathir memerintah sebagaimana beliau memerintah pada suatu ketika dahulu. Pengalaman mereka berada bersama Tun Mahathir dalam blok pembangkang selama ini telah mengajar mereka cara berunding dan bermuafakat. Tiada siapa yang menyangka kesemua parti yang membentuk PH akan dapat bekerjasama sehingga mampu menggunakan satu logo dalam PRU 14 ini. Ini adalah satu pencapaian yang hebat kerana belum pernah terjadi dalam sejarah negara ini.

Justeru, jadikan tarikh mengundi awal pada 5 Mei dan tarikh mengundi biasa pada 9 Mei sebagai satu tarikh keramat bagi rakyat Malaysia. Kesemua pengundi berdaftar harus melaksanakan kewajiban hak sivil mereka untuk sama-sama mengundi bagi menjatuhkan BN.

Anggota keselamatan seperti tentera dan polis tidak seharusnya khawatir untuk mengundi awal kerana undi mereka adalah rahsia. PRU 13 membuktikan bahawa undi anggota keselamatan ini adalah rahsia. Lihat sahaja bagaimana pengundi di Lumut telah mengundi calon PKR pada waktu itu sehingga tumbang calon BN dan tiada seorang pun di kalangan anggota keselamatan itu dibuang kerja atau pun diambil tindakan. Ini membuktikan kerahsiaan undi

3 anak pemimpin besar Pas jadi calon Pakatan Harapan



PRU 14 mencatat sejarah apabila tiga anak tiga pemimpin besar Pas menjadi calon Pakatan Harapan (PH).

Ustaz Nik Omar bin Nik Abdul Aziz, anak lelaki sulung Almarhum Tuan Guru Datuk Bentara Setia Haji Nik Aziz Nik Mat, bekas Mursyidul Am Pas, menjadi calon PH di DUN Cempaka, dalam Parlimen Pengkalan Chepa.

Sementara Datuk Dr Mujahid bin Hj Yusuf, anak Almarhum Ustaz Haji Yusuf Rawa, Presiden PAS yang kelima (1982 – 1989) menjadi calon di Parlimen Parit Buntar.

Faiz Fadzil anak kelima Almarhum Datuk Ustaz Fadzil Mohd Noor, Presiden Pas yang keenam (1989 – 2002) menjadi calon DUN Permatang Pasir, Pulau Pinang.

Ketiga-tiga mereka adalah anak yang mendapat didikan langsung daripada bapa mereka dan membesar dengan merasai perit jerih perjuangan PAS.

Namun, setelah Pas menukar haluan dengan dilihat semakin mesra BN dan Umno, tidak lagi bersama Pakatan pembangkang untuk

menukar kerajaan yang dianggap ramai sebagai korup dan menekan rakyat serta, ketiganya anak pimpinan besar Pas ini meninggalkan Pas.

Mereka menyertai AMANAH, yang dianggap parti masa depan rakyat Malaysia dan kini bertanding atas tiket Pakatan Harapan.

Presiden AMANAH, Mohamad Sabu ketika berucap selepas beliau disahkan sebagai calon parlimen Kota Raja hari ini berkata, penyertaan mereka bertiga amat memberangsangkan untuk Amanah dan PH.

"Tiga anak tiga pemimpin besar Pas sebelum ini menjadi calon Amanah dalam pilihan raya kali ini.

"Oleh itu, tidak ada sebab untuk orang Melayu takut untuk memberikan kepercayaan kepada PH dalam pilihan raya ini kerana anak ulama besar Pas kini bersama Amanah," kata Mohamad di khemah PH selepas penamaan calon di Dewan MBSA Kemuning Utama, Klang.

mereka.

Begitu juga bagi penjawat awam, adalah penting bagi penjawat awam ini untuk yakin bahawa undi mereka adalah rahsia dan tidak mungkin akan diketahui oleh menteri. Oleh itu, penjawat awam harus sama-sama turut serta dalam merubah kerajaan BN ini kepada kerajaan PH.

Bersama-sama kita meraikan kemenangan Pakatan Harapan pada 10 Mei 2018!

Halang Suhakam: Pengerusi SPR patut malu

Oleh HUSIN MAHAT

KUALA LUMPUR: Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) bertindak salah apabila tidak membenarkan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Suhakam) menjadi pemantau pilihan raya umum (PRU), kata Timbalan Pengerusi Biro Dasar dan Strategi PPBM, Wan Saiful Wan Jan.

Menurut beliau, Pengerusi SPR Tan Sri Mohd Hashim Abdullah sepatutnya merasa malu apabila membuat larangan itu kerana sebagai seorang muslim dan rakyat Malaysia, beliau perlu mendahulukan rakyat daripada hal-hal lain.

Mengulas keputusan SPR menghalang Suhakam daripada menjadi pemerhati bebas PRU ke-14, Wan Saiful menyifatkan keputusan SPR itu sebagai satu ketidakadian bagi rakyat Malaysia.

"Saya menyokong penuh (Tan Sri) Razali Ismail (Pengerusi Suhakam) untuk terus mendedak menjadi pemerhati bebas walau-pun dihalang SPR," tegas Wan Saiful.

Menurut beliau, Suhakam adalah badan bebas yang ditubuhkan parlimen di bawah Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia 1999.

Sehubungan itu, kata Wan Saiful menghalang Suhakam daripada berkhidmat kepada rakyat tanpa memberikan alasan yang wajar menunjukkan SPR bukan lagi sebuah badan yang bebas.

Beliau juga mempersoalkan sama ada halangan Suhakam menjadi pemerhati bebas dibuat SPR kerana badan pemantau hak asasi manusia itu berhasrat memantau kawasan pilihan raya yang dianggap 'panas'.

"Mulanya dengan persempadanan semula kawasan pilihan raya, kemudian membubarkan (sementara) Parti

Pribumi. Kemudian peraturan-peraturan baru yang ganji," kata Wan Saiful.

Malah SPR, katanya mewujudkan peraturan pilihan raya yang remeh seperti menghalang foto pemimpin politik pembangkang digunakan dalam poster.

"Semakin jelas apabila PRU semakin hambar, SPR membuat peraturan-peraturan yang memihak kepada Najib dan Umno dan merugikan Pakatan Harapan (PH)," tambah beliau.

Wan Saiful menyifatkan halangan Suhakam menjadi pemerhati bebas adalah usaha terakhir SPR.

"Jangan lupa pada PRU lalu apabila nama pemilih hilang

daripada daftar pemilih, orang ramai mengadu terus kepada Suhakam (dan bukannya SPR).

"Ini menunjukkan kepercayaan rakyat kepada intergriti dan kebebasan Suhakam," katanya.

Suhakam pada 26 April memaklumkan permohonan mereka untuk menjadi pemerhati PRU ditolak SPR.

"Ini bermakna Suhakam tidak dibenarkan memasuki kawasan pembuangan undi semasa pilihan raya ini," kata Pengerusi Suhakam, Tan Sri Razali Ismail dalam satu kenyataannya.

Suhakam tidak berpuashati dengan keputusan ini terutama ketika diberitahu bahawa akan ada pemerhati antarabangsa dalam pilihan raya ini.

"Pilihan raya bebas dan adil adalah tiang utama kepada hak asasi manusia, dan Suhakam mendorong SPR agar memberikan pengiktirafan dan menerima asas utama kepada hak asasi manusia berkaitan intergriti," kata Razali.



Veteran tentera sedih ribuan hektar tanah ATM tergadai

Oleh ARIF ATAN

PARIT: Berkongsikan pertemuan dengan bekas pegawai tinggi tentera di Lumut, Presiden AMANAH Mohamad Sabu memberitahu golongan tersebut sedih dengan pentadbiran Najib yang menggadai tanah milik Angkatan Tentera Malaysia (ATM).

Menurutnya, pesara tentera terabit turut mengakui pendahan bekas menteri Tan Sri Rafidah Aziz baru-baru ini tentang seluas 40,000 hektar tanah tentera yang sudah tergadai.

"Baru-baru ini kami berdialog dengan veteran tentera di hadapan kem tentera di Lumut.

"Bekas-bekas Jeneral dan bekas tentera berpangkat besar datang mendengar amanat Tun Dr Mahathir Mohamad.

"Mereka memberitahu apa yang didedahkan oleh Tan Sri Rafidah Aziz lebih 40,000 hektar tanah angkatan tentera digadai oleh Najib Tun Razak," katanya dalam ceramah Jelajah Harapan dekat sini.

Terdahulu, Pengerusi PH Tun Mahathir Mohamad hadir dalam program dialog bersama veteran ATM yang berlangsung di Restoran Azmi Tomyam, Teluk Muroh pada sebelah petangnya.

Dalam program itu, bekas pegawai Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) Komander (B) Nordin Ahmad Ismail, 52, diumum sebagai calon PH bagi kawasan Dewan Undangan Negeri (Dun) Pangkor.

Selanjutnya, Presiden AMANAH menyoal kira-kira 10,000 hadirin di Seri Iskandar malam itu tentang siapa sebenarnya yang menggadai tanah milik tentera dan rizab Melayu.

"Adakah DAP yang gadai tanah angkatan tentera? DAPkah yang jual tanah-tanah rizab Melayu?

"Sampai bila kita nak kena tipu dengan Umno ini? Tentera amat bersedih apabila kem tentera Sungai Besi juga digadai oleh kerajaan Najib," tegasnya.

Berbeza di London contohnya, Mohamad berkata taman awam bersejarah di Hyde Park baik dipelihara.

"Tanah Hyde Park itu cukup mahal di tengah-tengah kota London tetapi ianya jadi warisan negara, dipelihara sudah ratusan tahun sampai sekarang ini."

"Sepatutnya, kerajaan memelihara tempat bersejarah seperti Lapangan Terbang Sungai Besi.

"Pemerintahan Najib adalah ABJ... apa boleh jual, jual!"

Bankrap negara kita nanti di tangan Najib ini," tegasnya lantang spontan disambut sorakan ribuan hadirin pelbagai kaum.

Sehubungan itu, Mohamad mengingatkan masyarakat Melayu di Perak supaya tidak terperdaya dengan pembobongan Umno-BN.

"Orang Melayu Parit, orang Melayu Pasir Salak, orang Melayu Sungai Manik yang terkenal dengan pahlawannya dan orang Melayu di sekitar ini, jangan tertipu dengan dakyah propaganda Umno-BN," tegasnya lagi.


Sementara itu, siaran langsung Jelajah Pakatan Harapan di Parit melalui Facebook dilihat mendapat sambutan tinggi dari pengguna internet apabila mencecah sehingga 18,000 tontonan.

Untuk rekod, Parlimen Parit (P069) terdiri daripada 93 peratus pengundi Melayu dari pada 33,368 pemilih berdaftar merangkumi dua kerusi Dewan Undangan Negeri (Dun) Belanja dan Bota.

Pada PRU-14 ini, calon PH bagi P069 diwakili Tarmizi Mohd Jam dari AMANAH yang bakal menghadapi calon BN Datuk Mohd Nizar Zakaria dan Dr Najihatusaleh Ahmad dari Pas.

Kredibiliti SPR diragui kerana nafi hak Suhakam

KUALA LUMPUR: Keing-ganan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) menerima permohonan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Suhakam) sebagai pemerhati bebas pilihan raya umum ke-14 (PRU14) menyerlahkan kredibiliti sebenar SPR.



tuk Seri Ahmad Zahid Hamidi menjawab pertanyaan umum sama ada SPR layak dianggap mempunyai kredibiliti yang tinggi apabila tidak meluluskan permohonan Suhakam.

Beliau turut membangkitkan tindakan SPR menolak cadangan agar wakil pertubuhan antarabangsa yang terkemuka seperti Parliment Eropah, National Democratic Institute (NDI), Carter Center, Sekretariat Komanwel dan Asian Network for Free Elections (Anfrel) menjadi pemerhati bebas.

William turut mempertikai keputusan SPR menjemput pasukan pemerhati daripada negara seperti Kampuchea dan Azerbaijan yang menurut majalah The Economist dikenali sebagai regim autoritarian.

Malah tambah beliau, negara Kyrgyzstan dan Azerbaijan juga dirujuk sebagai 'regim autoritarian bersekutu' oleh the Freedom House.

"Ini tidak menjadikan Malaysia lebih baik daripada negara-negara tersebut," katanya.

Rahsia cantik secara alami bersama Dr Olive Body Care

DR. OLIVE BODYCARE merupakan jenama yang telah dipilih untuk produk kami. Olive atau buah zaitun memang sudah terkenal penggunaannya didalam produk penjagaan diri. Olive itu sendiri melambangkan kesucian, kecantikan yang alami dan abadi. Pokok Olive memang menakjubkan. Ia dapat bertahan dalam cuaca yang ekstrim. Buah zaitun kaya dengan khasiat pemakanan hingga disebut namanya dalam Al-Quran. Kebetulan pula nama pengasas produk ini ialah Dr. Zaiton.

Kini sudah terdapat berbagai jenis dan jenama produk penjagaan diri di pasaran. Apa yang istimewanya produk Dr. Olive Bodycare ialah, ia merupakan produk yang homemade, tidak menggunakan bahan kimia yang membahayakan kesihatan, tiada pengawet, menggunakan bahan-bahan asli dan selamat. Pada masa yang sama kami telah menjalankan kajian terhadap khasiat herba-herba tradisional untuk digunakan dalam produk-produk kami.

Produk penjagaan diri komersil yang terdapat dipasaran mengandungi terlalu banyak bahan kimia dan pengawet yang membahayakan kesihatan. Walaupun Dr. Olive Bodycare setaraf dengan produk-produk seperti Bodyshop misalnya, namun harganya jauh lebih rendah dan mampu dimiliki oleh orang kebanyakkan. Matlamat kami ialah untuk membolehkan orang ramai menikmati kebaikan produk-produk yang menggunakan bahan-bahan alami, selamat dan berkesan. Dr. Olive Bodycare memberikan alternatif yang baik untuk menggantikan produk komersil yang sarat dengan kimia.

Produk-produk Dr. Olive Bodycare terdiri daripada berbagai jenis sabun muka dan badan, sabun syampu (shampoo bars), deodoran, sunscreen, bodyscrubs, berbagai serum, teh herba dan supplement seperti manjakani, biji betik dan pelansing.

Bahan-bahan utama dan asas yang digunakan dalam sabun muka dan badan ialah minyak kelapa, minyak zaitun, minyak kelapa sawit dan minyak castor. Campuran minyak-minyak mesra kulit (skin loving oils) ini membersihkan, melembutkan dan melembapkan kulit. Testimoni dari pengguna-pengguna sabun kami mengatakan mereka berpuas hati

dengan sabun-sabun kami kerana kulit terasa lembut dan lembab. Mereka tidak perlu lagi menyapu losyen badan selepas mandi kerana kulit tidak lagi kering.

Dalam kategori sabun, kami menyediakan sabun yogurt, sabun kopi, sabun kunyit, sabun kulit kayu manis, sabun moringga, sabun bidara, sabun manjakani, sabun chamomile, sabun charcoal dan Kaolin Clay, sabun propolis, sabun gelenggang dan sabun Loofah.

Setiap sabun mempunyai keistimewaananya sendiri.

Rambut kita berbeza-beza dan penjaanya tentu sajalah berbeza. Kami menyediakan sabun syampu untuk rambut kering, rambut berkelimumur dan rambut berminyak. Sebagai bahan aktif kami menggunakan minyak avocado, amla, aloe vera, pudina, badam dan bijan untuk sabun shampu yang berbeza. Sabun syampu tidak mengandungi cecair dan boleh disimpan dalam beg cabin apabila menaiki kapal terbang. Ia tahan 2 kali lebih lama dari syampu biasa.

Satu lagi produk yang laris ialah deodoran. Kita semua pakai deodoran setiap hari sejak dari umur kita 12 tahun lagi sehingga sekarang. Deodoran yang biasa dibeli dari supermarket dan farmasi mengandungi banyak kimia. Ada yang boleh menyebabkan kanser. Tidak hairanlah kenapa ketiak kita sudah berwarna gelap. Deodoran dari Dr. Olive Bodycare mampu memberi perlindungan sepanjang hari dan daam masa 2 minggu sahaja ia boleh memutihkan semula ketiak hitam. Apa lagi, jom bertukar kepada Dr.Olive Bodycare Deodorant.

Selain daripada produk-produk diatas, kami menyediakan beberapa jenis serum; serum anti penuaan, serum parut, serum clear-skin, serum mata hitam (dark-circle eye serum) dan serum untuk memanjangkan bulu mata. Yang paling popular ialah serum anti penuaan yang membantu mengecilkan pori-pori, menghilangkan kedutan kuit halus dan melembabkan kulit muka. Kami menerima maklumbalas yang sangat positif dari pengguna-pengguna serum ini. Kesannya boleh dilihat seawal 2

minggu selepas penggunaan.

Di keluaran akan datang, kami akan menulis lagi tentang kegunaan produk-produk Dr. Olive Bodycare. Sehingga di lain siaran, jaga diri baik baik dan jom bertukar kepada produk Dr.Olive Bodycare yang alami, selamat dan berkesan.

Sekian sahaja perkongsian dari kami untuk kali ini. Semoga apa yang telah kami kongsikan ini memberi manfaat kepada semua. Sekiranya anda ingin mengemukakan soalan mengenai produk ini, sila email atau whatsapp kepada nombor yang tertera dalam iklan. InsyaAllah, akan kami perjelaskan dengan sebaik mungkin.

Soalan-soalan ini akan membantu kami menyediakan ruangan FAQ bagi produk Dr. Olive Bodycare.

Salam hormat dan jaga diri baik-baik.

Dr. Olive

Untuk maklumat lanjut sila layari
www.wix.com/drolivebodycare

HANDMADE
NO HARMFUL CHEMICALS
PARABEN FREE
HALAL

Natural Safe Effective

DR. OLIVE BODY CARE

OTHER PRODUCTS:
SOAP
BODYSCRUBS
SERUMS
DEODORANT
SUNSCREEN
TEA
SUPPLEMENTS

SABUN MANJAKANI
KAPSUL MANJAKANI

Contact Info:
TEL: +6013 754 9335
EMAIL: drolivebodycare@gmail.com
WEBSITE: www.drolivebodycare.wixsite.com/drolivebodycare

Rakyat Malaysia banyak membayar 'bunga'

BERIKUT adalah wawancara *Malaysiakini* dengan pakar ekonomi Dr Jomo KS berhubung keadaan terkini ekonomi negara. Dr Jomo pernah menjawat penolong Setiausaha Agung bagi Pembangunan Ekonomi di Jabatan Hal Ehwal Ekonomi dan Sosial Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (Dorsett) bermula 2005. Pakar dalam ekonomi politik pembangunan khususnya di Asia Tenggara, beliau telah menulis atau menyunting lebih seratus buku dan menulis banyak kertas kerja akademik dan rencana untuk media.

Apakah prestasi ekonomi Malaysia lebih baik sejak PRU13?

Ekonomi Malaysia telah tumbuh pesat menurut angka resmi. Tetapi angka-angka juga menunjukkan segelintir orang kaya yang dapat isi lemaknya, sedangkan tulang dan bulu jatuh kepada golongan lain.

Angka rasmi juga memberi gambaran ketaksamaan makin berkurangan, tetapi itu kerana pekerja asing tidak diambil-kira.

Betulkah pekerja asing penting bagi ekonomi Malaysia?

Penduduk Malaysia sekarang berjumlah di sekitar 32 juta, dan tenaga kerja melebihi 15 juta. Pekerja asing lebih kurang 7 juta menurut syarikat telefon, sedangkan hanya 2.2 juta rasmi.

Maka, pendapatan purata sebenar jauh lebih kurang dari apa yang dilaporkan kerajaan menafikan adanya kebanyakan pekerja pertanian dan pembinaan dari luar negeri. Ramai juga pekerja asing dalam perkhidmatan dan kilang.

Ada pihak yang mengaku pasaran saham juga telah melambung tinggi?

Sebenarnya, harga saham mencerminkan pandangan pelabur terhadap masa depan harga saham berkenaan, bukan keadaan ekonomi sebenar. Walau macam mana pun, paras harga BSKL pada tahun 2017 lebih kurang sama dengan 2013.

Ringgit Malaysia telah bertambah kuat dewasa ini?

Kadar pertukaran ringgit Malaysia berbanding dengan dolar Amerika Syarikat (AS\$) lebih kurang RM3.2/AS\$1 pada 2013. Paras terendah pada tahun 2017 melebihi RM4.4!

Sekarang di sekitar RM3.9. Kemajuan bukan kerana pengurusan yang baik, tapi akibat kenaikan harga minyak petroleum dan kelapa sawit.

Tetapi rizab Malaysia telah meningkat.

Sebenarnya, tidak. Rizab Malaysia sebanyak AS\$116 bilion pada 2008, sebelum Datuk Seri Najib Razak jadi menteri kewangan, telah jatuh kepada AS\$102 bilion pada 2017. Tetapi oleh

kerana nilai matawang ringgit telah merosot, ada yang mengaku bahawa rizab negara meningkat!

Tetapi kerajaan telah janji mengimbangi Belanjawan?

Janji ini janji lama, yang telah ditangguhkan hampir setiap tahun dalam dekad yang lalu. Sebenarnya, perbelanjaan pada tahun 2017 jauh lebih tinggi – hampir RM9 bilion – daripada apa yang diumumkan dalam Belanjawan 2018 yang disampaikan pada Oktober 2017.

Dengan itu, defisit Belanjawan – atau kekurangan perbelanjaan dibanding dengan hasil – bagi tahun 2017 meningkat, seolah-olah kementerian kewangan tidak mampu menganggarkan perbelanjaan kerajaan.

Kali terakhir, kerajaan Malaysia mengimbangi Belanjawan ialah pada tahun 1990-an sebelum tahun 1998, ketika Tun Dr Mahathir Mohamad jadi PM, dan Datuk Seri Anwar, timbalannya di samping menjadi menteri kewangan.

Bagaimana pula dengan hutang negara?

Hutang negara telah meningkat daripada RM306 bilion pada tahun 2008 kepada RM685 bilion pada 2017 – lebih dari dua kali ganda!

Selain itu, apa yang dikatakan hutang yang dijamin kerajaan telah meningkat dengan amat pesat daripada RM69 bilion pada tahun 2008 kepada RM227 bilion pada 2017 – lebih dari tiga kali ganda!

Apakah Malaysia akan jadi bankrap atau muflis?

Sebenarnya, sebuah kerajaan tidak boleh jadi bankrap di sisi undang-undang. Yang menjadi masalah ialah apabila kerajaan tiada cukup pendapatan atau simpanan untuk menjelaskan hutangnya.

Hutang dalam negeri lebih mudah dijelaskan dengan 'mencetak wang', yang boleh menyebabkan inflasi. Tetapi hutang luar negara tak dapat diselesaikan demikian, misalnya ketika kerajaan terlambat menyelesaikan hutang 1MDB, yang dijaminnya, pada tahun lalu.

Hutang peribadi atau isirumah bagaimana?

Rakyat Malaysia menanggung hutang paling tinggi di dunia secara relatif, secara purata di sekitar 84 peratus daripada pendapatan negara tahunan, menurut Bank Negara. Maka, sebenarnya rakyat Malaysia banyak membayar bunga walaupun kadangkala disamaran untuk umat Islam.

Ini tidak termasuk lagi hutang 'tidak rasmi' orang susah, yang ramai hutang keliling pinggang kepada 'along moden' yang mengenakan kadar bunga amat tinggi.

Tetapi sudah tentu pendapatan dan kebajikan orang ramai telah meningkat.

Dasar gaji minimum dan BR1M telah

meningkatkan pendapatan orang ramai. Kedua-duanya, iaitu termasuk bantuan untuk orang yang hidup susah, yang baru dinamakan BR1M, sudah lama dituntut parti pembangkang.

Tetapi tidakkah Pakatan Harapan menentang gaji minimum dan BR1M atas sebab politik?

Dari apa yang saya baca dan dengar, Pakatan Harapan (PH) menyokong dan janji akan meneruskan, malah menambahkan usaha demikian. Yang menjadi masalah, usaha baik demikian, yang hanya baru disokong dan dilaksanakan oleh PM, telah dijadikan dedak atau umpan undi politik menjelang PRU14.

Cogakata 'Satu Malaysia' yang disokong semua, juga disalahgunakan untuk menutup penipuan besar-besaran yang melibatkan puluhan bilion ringgit melalui salah satu syarikat kaitan kerajaan, atau GLC, yang dinamakan 1MDB.

Apa pula hubungan soal 1MDB dengan pengurusan ekonomi yang baik?

Sebenarnya, penipuan 1MDB bukan cerita baru. Pada tahun 1960-an, beberapa bank tempatan terpaksa diselamatkan. Skandal Bank Rakyat pada tahun 1970-an memberi kesan besar terhadap politik negara, terutamanya setelah Tun Razak meninggal.

Pada awal tahun 1980-an, pembunuhan Jalil Ibrahim di Hongkong semasa menyiasat skandal BMF, anak syarikat Bank Bumiputera, telah mengejutkan masyarakat. Arwah Tan Sri Ahmad Noordin dan YB Lim Kit Siang telah main peranan besar membongkar skandal itu.

Itu cerita dulu.

Pada ketika ini, ada beberapa skandal lain, seperti yang melibatkan Felda Global Ventures (FGV), yang menyusahkan lebih dari seratus ribu keluarga penenaga Felda. Ataupun hadiah diraja Saudi sebanyak RM2.6 bilion, yang pernah dikaitkan dengan penyertaan Malaysia dalam pasukan tentera 40 negara pimpinan Saudi yang masih sedang menyerang Yemen.

1MDB pula melibatkan jumlah besar yang sukar diduga, dikatakan RM54 bilion mengikut satu anggaran. Ini merupakan kes penipuan jumlah yang paling besar di dunia. Akibatnya, Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin serta beberapa pegawai tinggi yang dikatakan sedang menyiasatnya telah diganti.

Ini soal undang-undang jenayah dan politik. Apa pula implikasi ekonominya?

Selain implikasi jenayah penipuan-penipuan besar yang terlibat, saya cukup bimbang bahawa kerugian terlibat boleh meningkat lagi dengan pendekatan kerajaan sekarang. Negara-negara lain telah menyiasat dan ada yang mengambil tindakan, malah telah menghukum pihak yang terlibat.

Jabatan Pendakwaraya (DoJ) Amerika Syarikat telah menerbitkan dua laporan

Syarikat telah menerbitkan dua laporan penuh dengan tuduhan, dan dikatakan tidak mahu menemui majikan 1MDB yang dianggap mereka terlibat dalam usaha menutupkan jenayah penipuan.

Adakah kerugian pada ekonomi kita?

Menurut Kleptocracy Assets Recovery Act, mereka berhak simpan 25 peratus dari segala yang diperolehinya, seperti rumah mewah, harta tanah, lukisan mahal, syarikat perfileman anak tiri PM, Reza Aziz, dan mungkin kapal mewah Equanimity yang dikatakan milik syarikat Jho Low. Pelakon Leonardo di Caprio dan Miranda Kerr telah pun menyerahkan hadiah daripada Low dan Reza kepada DoJ.

Apakah kerajaan lain dapat simpan semua harta yang dirampas mereka kerana kerajaan Malaysia terus menafikan bahawa jenayah telah berlaku atau Jho Low terlibat? Dan berapa pula yang dibelanja dan dibazir dalam usaha menutup skandal jenayah ini, misalnya dengan menjual harta kerajaan dengan harga murah untuk mengumpulkan dana bagi menyelesaikan hutang 1MDB.

Apa pula kesan GST terhadap rakyat?

Beban utama GST jatuh kepada rakyat jelata, mereka yang tidak peroleh pendapatan tinggi dan tidak bayar cukai pendapatan, kerana beban SST sebelumnya lebih kepada mereka yang kaya serta golongan menengah atas.

Itulah sebabnya GST dianggap cukai yang regresif atau lebih tidak adil kesannya, iaitu lebih tidak adil, lebih zalim.

Tetapi sudah tentu hasil cukai tambahan perlu untuk elakkan krisis belanjawan atau fiskal?

Sebenarnya, banyak subsidi lain ditarik balik, sedangkan orang kaya serta syarikat besar dikecualikan cukai. Satu tinjauan dulu pernah dapati bahawa separuh daripada pemilik kereta mewah tak bayar cukai pendapatan!

Dua persoalan timbul: Pertama, apakah semua perbelanjaan kerajaan sekarang perlu untuk ekonomi dan rakyat? Dan kedua, kalau lebih banyak hasil cukai perlu, siapa yang patut tanggung beban utamanya?

Maka, defisit akibat penghapusan GST dapat ditutup dengan banyak cara. Pertama, dengan mengurangkan perbelanjaan, seperti pembelian senjata yang tak perlu atau projek yang bukan-bukan untuk memperkaya syarikat kronik berkuda.

Arwah Prof Ismail Muhd Salleh pernah menunjukkan bahawa kesan sistem cukai di Malaysia tidak adil.

Kedua, dengan mengenakan cukai yang lebih adil dan saksama, misalnya cukai terhadap beberapa harta kekayaan.

Maka, sama ada dari segi pencukaian atau pun perbelanjaan, Belanjawan makin tak adil, terutama sekali bagi orang ramai kerana orang kaya serta syarikat dikecualikan daripada cukai. - *Malaysiakini*

Dakwa DAP ketuai PH mahu takutkan Melayu

Oleh ARIF ATAN

KUALA LUMPUR: Ketua Penerangan Wanita Pakatan Harapan (PH), Aiman Athirah Al Jundi menyifatkan tuduhan kononnya DAP menguasai gabungan politik itu adalah usaha Umno-Pas untuk menanamkan rasa takut orang Melayu.

Menurut beliau, jumlah keseluruhan kerusi Parlimen yang ditandingi DAP adalah 47 kerusi iaitu Semenanjung (35), Sabah (3) dan Sarawak sembilan kerusi.

"Masih dalam konteks itu pun, DAP berada pada kedudukan jumlah (kerusi) lebih rendah berbanding kerusi parlimen PPBM dan Keadilan di Semenanjung Malaysia," jelasnya.

Semakannya juga terhadap agihan kerusi Parlimen PH dan mesra PH bagi Semenanjung, Sabah dan Sarawak mendapati PPBM bertanding di 71 kerusi diikuti PKR (40), AMANAH (34) dan Warisan (34).

Timbalan Ketua Angkatan Wanita Amanah Negara (Awan) itu berkata demikian mengulas grafik bertajuk 'Dominasi Kerusi Parlimen' yang tular di media sosial menjelang pilihan raya umum (PRU).

Tanpa menyebut nama, beliau berkata, angka dalam grafik itu menyamai idea seorang individu yang pernah mendakwa DAP bertanding di 54 kerusi Parlimen di seluruh Malaysia sekali gus lebih tinggi berbanding PPBM.

Semakan mendapati, individu yang dimaksudkan Athirah ialah pengarah Pusat Kajian Politik Malaysia (Mapan) Universiti Utara Malaysia (UUM), Dr. Kamarul Zaman Yusoff.

Kamarul dilapor Malaysia Gazette dalam laporan bertajuk, '37 kerusi Parlimen: DAP masih ada Sabah dan Sarawak' pada 8 Januari lalu berkata, jumlah 35 kerusi ditandingi DAP di Semenanjung meningkat kepada 54 kerusi apabila ditambah kerusi di Sabah dan Sarawak.

Janji PH stabilkan harga minyak terbukti benar

KUALA LUMPUR: Pengekalan harga petrol dan diesel selama lima minggu berturut-turut sebelum pilihan raya umum (PRU) berlangsung membuktikan harga petrol dan diesel boleh distabilkan, kata Presiden Pakatan Harapan (PH) Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail.

Pengekalan harga ini, ujarnya berlaku ketika harga minyak di pasaran antarabangsa berada pada paras tertinggi sejak Nov 2014.

Ini tambah beliau, menimbulkan per-

soalan sama ada pengekalan harga minyak tempatan sengaja dibuat bagi menghadapi PRU.

"Harga runcit mingguan bagi petrol RON95, RON97 dan diesel untuk minggu ini diumumkan tidak berubah. Sungguhpun harga minyak Brent berada di paras paling tinggi sejak Nov 2014, harga kekal untuk lima minggu berturut-turut."

"Ini menimbulkan persoalan adakah harga petrol dan diesel tidak berubah selama lima minggu berturut-turut kerana PRU ke-14 akan berlangsung pada 9 Mei ini?" soal Dr Wan Azizah.

Sehubungan itu, beliau menegaskan janji PH untuk menstabilkan harga petrol dan diesel jika diberi mandat menerajui Putrajaya dengan memperkenalkan semula subsidi secara bersasar dalam 100 hari pertama pentadbiran PH.

"Ini sejajar dengan teras utama pentadbiran PH iaitu untuk meringankan bebanan kehidupan rakyat," ujar beliau.



Menstabilkan harga minyak dan memperkenalkan semula subsidi petrol secara bersasar

KERUSI PARLIMEN PH SEMENANJUNG MALAYSIA

HARAPAN



BERSATU
(52)



PKR
(51)



DAP
(35)



AMANAH
(27)

Mengulas lanjut, Athirah berpendapat penyebaran mesej itu sebagai serangan persepsi bahawa kononnya DAP yang mengetuai dan menguasai PH.

"Ia sama sekali salah dan fitnah. Sebenarnya ini merupakan serangan persepsi jahat dan tidak bertanggungjawab. Maklumat itu fitnah dan tidak

lengkap," ujarnya.

Sehubungan itu, beliau menggesa sikap mempermudah politik propaganda kaum dan agama dihentikan.

"Masalah negara dan rakyat tidak boleh diselesaikan dengan permainan politik persepsi yang jahat seperti ini dengan menafikan fakta yang sudah terang dan jelas," tambahnya lagi.

'Orang mati hidup semula' dalam daftar pemilih SPR

KUALA LUMPUR: Suruhanjaya Pilihan Pilihan Raya (SPR) digesa memberi penjelasan bagaimana nama seorang pemilih yang telah meninggal dunia muncul semula dalam daftar pemilih.

Perkara ini dibangkitkan seorang peguam, Shyama Nair apabila mendapati nama mendiang bapanya MM Narayanan Nair A/L T Narayanan Nair dengan nombor kad pengenalan 290805-71-5037 terdapat dalam senarai pemilih walaupun telah meninggal dunia pada 2013.

Perkara ini disedari Shyama ketika membuat semakan dalam talian.

Sehubungan itu, anak perempuan mendiang MM Narayanan itu telah membuat laporan di Balai Polis Teluk Ayer Tawar, Seberang Prai Utara, 25 April lalu.

Menurut Shyama, 58, beliau telah melakukannya semakan daftar pemilih tahun lepas dan mendapati tiada nama mendiang bapanya dalam senarai daftar pemilih.

"Cuba teka! Dia kembali mengundi untuk tahun ini. Sila semak daftar pemilih bagi saudara mara anda yang telah meninggal dunia dan telefon Bersih Hotline.

"Kongsikan maklumat ini kepada ramai orang yang mungkin ada ibu bapa dan saudara mereka yang telah meninggal dunia," ujar beliau di media sosial.

+60 19-863 1627		~Sukeshini Nair
Nama Penuh	MM NARAYANAN NAIR A/L T.NARAYANAN NAIR	
No. Kad Pengenalan	290805715037 / 2320275	
Tahun Lahir	1929	
Jantina	LELAKI	
DAFTAR PEMILIH YANG TELAH DISAHKAN		
Lokaliti	042 / 06 / 04 / 027 - LRG NAKHODA 5	
Daerah	042 / 06 / 04 - TAMAN 13:55	

This is my father's SPR record!!! He died in 2003. He was not in the roll last year when we checked but ... Guess What!! He is coming back to vote this year. Please check the SPR registration of your dead relatives and call Bersih Hotline 03 79314444 or 0194380428. Please share this with as many people as you know who have parents or relatives who have passed on.

14:30

Paparan skrin menunjukkan MM Narayanan yang meninggal dunia pada 2013 masih terdapat dalam senarai daftar pemilih SPR.

Shyama yang tinggal di Lebuh Nakoda, Teluk Air Tawar turut memuat naik salinan daftar pemilih mendiang ayahnya yang muncul kembali dalam daftar pemilih SPR.

Poster Tun M dikoyak, presiden China dibiarkan

SEREMBAN: Calon DAP Seremban Anthony Loke mempersoalkan penggunaan gambar Presiden China, Xi Jinping di Jalan Seremban-Tampin dalam poster menampilkan Presiden MCA Datuk Seri Liow Tiong Lai, di sebalik panduan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) yang melarang penggunaan gambar selain calon dan pimpinan kanan parti.

"Kita ini nak pilih pemimpin Malaysia, bukan nak memilih pemimpin Republik Rakyat China. Mengapa gambar Xi Jinping boleh, gambar (Tun) Mahathir (Mohamad) tak boleh?" katanya berucap di ceramah Pakatan Harapan di Taman Paroi Jaya, dekat sini, 29 April lalu.

SPR baru-baru ini menetapkan parti bertanding hanya boleh menggunakan wajah presiden, timbalan presiden atau setaraf dengannya sebagai gambar pemimpin utama dalam bahan



SPR bertindak mengoyakkan foto Tun Mahathir pada papan iklan kempen DAP di Ayer Hitam, Johor.

kempen sepanjang pilihan raya.

Garis panduan itu dikritik beberapa pemimpin PH, yang berkata ia bertujuan menghalang penggunaan gambar Dr Mahathir dan Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Loke berkata masyarakat tempa-



Papan iklan kempen pilihan raya MCA yang menampilkan presiden China, Xi Jinping.

tan Cina juga tidak mahu melihat gambar pemimpin China.

"Ini pilihan raya Malaysia, di China tak ada pilihan raya," katanya.

Menurut beliau, poster menampilkan Dr Mahathir dan Presiden PH, Datuk Seri Dr Wan

Azizah beserta dengan gambar calon-calon Parlimen dan negeri di sekitar Ampangan dan Sikamat berdepan tindakan oleh pihak berkuasa.

"Mungkin esok dah tak ada, sebab petang tadi kita dah terima

panggilan dari SPR. Ada aduan daripada pihak-pihak tertentu.

"Dia kata Dr Mahathir bukan pengurus atau presiden PKR, oleh sebab itu gambar Dr Mahathir tak boleh letak. Ini syarat yang diperkenalkan oleh SPR," katanya.

Rafizi tak gentar diancam saman Khairy

REMBAU: Naib Presiden Keadilan Rafizi Ramli tidak gentar dengan calon BN di Rembau, Khairy Jamaluddin yang mahu menyamannya dan "mahu membenamkannya untuk selama-lamanya".

"Dia rasa dia cukup kuat, samanlah. Nak saman satu lagi, saya dah ada 14 saman. Khairy lupa saya orang yang masuk lokap tiap-tiap tahun," katanya berucap di ceramah anjuran Pakatan Harapan (PH) di Rantau, 30 Mei lalu.

"Dia tak pernah masuk lokap, cakap besar. Orang macam ini dia ingat kita takut dengan saman dia.

"Saman saya pernah kena, lokap saya pernah kena, malah saya berdepan 4 tahun penjara. Itu pun aku tak takut. Kalau setakat Khairy Jamaluddin, siapa sangatlah," katanya.

Menteri Besar Negeri Sembilan Datuk Seri Mohamad Hasan 28 April lalu menang tanpa bertanding apabila calon Keadilan bagi kerusi Dun Rantau, Dr Streram Sinnasamy, dihalang masuk ke pusat penamaan calon atas alasan beliau tidak memperkenan pas rasmi dikeluarkan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR).

Susulan itu, Rafizi menuduh BN menyekat calon Keadilan daripada bertanding, mengundang kenyata-

an Khairy yang mahu mengambil tindakan undang-undang ke atasnya.

"Saya akan membenamkannya selama-lamanya kerana saya tak boleh menerima penipuan dia, khususnya mengenai integriti pilihan raya saya," kata Khairy.

Menjawab kenyataan Khairy itu, Rafizi berkata Umno dan BN takut kalah dalam PRU14.

"Sebab ini kali pertama orang Melayu, Cina, India datang bergabung," katanya pada ucapan yang dihadiri kira-kira 400 orang itu.

Rafizi turut meminta maaf kerana menyuruh Streram merempuh halangan polis semasa hari penamaan calon pada Sabtu.

"Saya minta maaf lah, saya yang suruh Dr Streram rempuh, masuk. Dia rempuh, dia langgar, dia juga kena tangkap dengan polis. Polis nak gari dia, polis nak tekan dada dia," katanya.

Ketua Polis Negara Tan Sri Mohamad Fuzi Harun menafikan polis menghalang bakal calon Keadilan itu daripada masuk ke pusat penamaan calon, namun video insiden yang menunjukkan Dr Streram dihalang pegawai polis viral di internet.

Calon PPBM disahkan tidak bankrap sehari sebelum hari penamaan

KUALA LUMPUR: Keadilan mempersoalkan keputusan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) membatalkan pencalonan pemimpin PPBM atas alasan bankrap walaupun surat daripada Jabatan Insolvensi menunjukkan sebaliknya.

Imej surat bertarikh 27 April 2018 itu dipaparkan di laman Facebook rasmi Datuk Seri An-

war Ibrahim. Ia menyebut ketua PPBM Nibong Tebal Yaacob Osman tidak bankrap.


"Pelik tapi bukan luar biasa di bawah kerajaan Umno/BN," kata laman Facebook itu.

Yaacob dibatalkan pencalonannya untuk bertanding di kerusi Dewan Undangan Negeri (Dun) Penaga, Pulau Pinang, sementara di Johor, calon PPBM

bagi kerusi Bukit Pasir, Pizi Jihat, turut dibatalkan atas sebab sama.

Pizi juga berkata, beliau telah memeriksa status solvensinya dan disahkan bukan seorang bankrap.

Bagaimanapun pegawai pengurusan pilihan raya SPR berkata carian badan itu menunjukkan sebaliknya.



Dapatkan carian Jabatan Insolvensi pada 27 April menunjukkan Yaacob bukan seorang bankrap.

MALAYSIA TERGAJAI KEPADA CHINA

Hainan Zhenrong Energy Co Ltd dilantik sebagai kontraktor utama projek penapisan minyak di Kedah yang bernilai lebih RM78 billion

China Energy Hua Ren Industrial Investment Co Ltd membina projek Qi City di Bandar Meru Raya dekat Ipoh. Kos RM1.2 billion.



Edra Global Energy Bhd jual semua aset kepada China General Nuclear Power Corp dengan harga RM9.83 billion.



Bandar Malaysia. Bekas lapangan terbang Tentera Udara Diraja Malaysia. China dilaporkan akan membina bandar bahaw tanah terbesar dan menjadi hab keretapi.



Projek Keretapi Pantai Timur (ECRL) dibina oleh China Communications Construction Company Ltd (CCCC) dengan kos RM55 billion, 85% pinjaman daripada bank China.



Taman Industri Malaysia-China Kuantan (MCKIP) dibina oleh buruh Cina dan berciri China hampir sepenuhnya. Guangxi Beibu Gulf Iron and Steel Co Ltd membina Bandar industry ini dengan kos RM5 billion

Pelabuhan Kuantan dibina oleh Guangxi Beibu Gulf International Port Group dengan kos RM 5 billion



Danga Bay dibina Greenland Bay dan Hao Yuan Invesment melibatkan kos lebih RM8 billion

Melaka Gateway. Powerchina International Group Ltd. (Powerchina) dan KAJ Development Sdn. Bhd. (KAJD) akan membangunkan 3 pulau buatan bernilai RM30 billion



Forest City dibangunkan oleh Country Garden Holdings bernilai RM105 billion



SYARIKAT CHINA DIKECUALI GST

- Mulai 1 April 2015 rakyat Malaysia dikenakan Cukai Barang dan Perkhidmatan sebanyak 6%
- GST dikenakan ke atas semua golongan dan urusan, termasuk urusan di pejabat kerajaan atau pun kontraktor membina projek perumahan rakyat yang sepatutnya diberikan perlepasan bagi mengurangkan harga rumah.
- Tetapi, anehnya syarikat China, China Communications Construction Company Ltd. yang membina Laluan Rel Keretapi Pantai Timur (ECRL) dikecualikan GST.
- Apabila itu terbongkar kerajaan BN berdalih kononnya kos ECRL akan meningkat kira-kira 6 % sekiranya dikenakan GST.
- Satu lagi alasan kononnya pinjaman RM55 billion kepada Eksport-Import Bank of China (Exim) akan meningkat sebanyak RM3 billion sekiranya diambil kira GST



PROJEK CHINA SELEPAS PRU 14

- Syarikat China Guangxi Beibu Gulf International Port Group Co Ltd memiliki 49% saham Taman Industri Kuantan Malaysia-China (MCKIP).
- 51 peratus lagi oleh konsortium Malaysia - Kuantan, Pahang Holding Sdn Bhd
- Dari jumlah 6,000 pekerja membina kawasan perindustrian ini, 3,600 adalah pekerja asing. Terdapat laporan mendakwa 90% pekerja dibawa masuk dari Hubei, Tanah Besar China. (Malaysiakini, Misteri 'Tembok Besar China' di Kuantan, 9 Okt 2017)
- Seluruh kawasan ditembok dan orang luar tidak dibenarkan masuk.



PROJEK CHINA MENGGUSARKAN RAKYAT

1. Projek Melaka Gateway

- Kawasan tambak laut seluas 609 ekar dijual kepada China dengan status hak milik kekal
- Terdapat dakaan China akan membina kemudahan untuk angkatan laut mereka.
- Konsep bebas dan berkecuali Malaysia dalam sebarang konflik antara China dan kuasa Barat akan terjejas.



2. Forest City

- Projek Forest City dikhuatiri akan menyebabkan Malaysia memberi kerakyatan kepada anak-anak warga China yang dilahirkan; berdasarkan sejarah pemilikan harta, persekolahan dan pekerjaan di Malaysia.



FELDA DIKUASAI CHINA?

- Terdapat dakaan syarikat China akan membeli saham Felda Global Ventures Holdings Berhad yang merudum sejak 2014.
- Mungkin nanti pembelian itu dilakukan dengan alasan memudahkan minyak sawit Felda dieksport ke negara China?



PENGALAMAN SRI LANKA

- Sri Lanka mendapatkan pinjaman syarikat China membina pelabuhan dan lapangan terbang baharu dalam projek One Belt One Road (OBOR).
- Malangnya projek perlabuhan Hambantota dan Lapangan terbang Mattala gagal mendapat pulangan sewajarnya.
- Pada April 2016, kerajaan Sri Lanka tidak mampu membayar hutang AS\$8 billion, terpaksa menjual 80% ekuiti syarikat pengendali perlabuhan Hambantota milik negara itu kepada syarikat China Merchants Holding.
- Di Malaysia, perlabuhan Kuantan termasuk dalam rangka projek OBOR ini. Malaysia juga membenarkan 40% milikan asing terhadap pemilikan perlabuhan.




CHINA PAJAK TANAH

- China juga diberi hak memajak 15 000 hekar tanah di Hambantota untuk projek zon ekonomi khas (special economic zone) selama 99 tahun sebagai tukaran hutang sebanyak AS\$1.1 billion dolar.
- China juga dilaporkan membina kemudahan tentera laut di pelabuhan Sri Lanka
- Manakala firma teknologi maklumat China IZP mengambil alih lapangan terbang Mattala.

EKONOMI ZIMBABWE DIJAJAH CHINA

- Ketika pemerintahan diktator Robert Mugabe, Zimbabwe membawa masuk pelaburan daripada GLC China
- Dasar China di Zimbabwe memindahkan kepadatan penduduk di republik itu ke Afrika
- China membaiki infrastruktur keretapi, lebuhraya dan mendirikan kawasan perindustrian
- Negara itu membawa masuk 90,000 rakyatnya bekerja di kawasan industri
- Baru-baru ini, Zimbabwe gagal membayar hutang AS\$40juta. China bersetuju melepaskan hutang itu dengan tukaran matawang Yuan China dijadikan matawang utama Zimbabwe.



CHINA KUASAI LUANU PERDAGANGAN DI MALAYSIA

- China mahu menjadikan Malaysia sebagai laluan perdagangan sekitar Amerika Syarikat menyekat akses negara itu di Selat Melaka dan Singapura
- Terdapat juga teori mendakwa barang akan didaratkan di Pelabuhan Kelang dan dibawa menggunakan keretapi ke pelabuhan Kuantan. Untuk itu China membina ECRL
- China juga mengamalkan dasar memindahkan buruh sebagaimana yang dilakukan di Kuantan, iaitu di Malaysia - China Industrial Park, Pahang.



PETA CHINA CEROBOK MALAYSIA

- Peta Sembilan Garis Terpecah yang dikeluarkan China pada 2009 menceroboh Zon Ekonomi Eksklusif Malaysia (ZEE)
- Garis Keempat menceroboh perairan Bintulu dan Miri di Sarawak manakala Garis Kelima menerobos jauh dari perairan berhampiran Beaufort, Papar, Kota Kinabalu, Kota Belud, dan Kudat, Sabah.
- Oleh itu sejak beberapa tahun kebelakangan ini kapal tentera laut China dan nelayan negara itu sering memasuki perairan Malaysia.
- Bagaimanapun Malaysia tidak bertindak tegas sebagaimana Indonesia yang mengerahkan kapal perang mengawal sempadan lautnya dengan China.



Krisis Spratly ancam kedaualtan

- China membina beberapa pulau buatan di Kepulauan Spratly utara Semenanjung Malaysia.
- Kepulauan Spratly ditutup oleh Vietnam, Malaysia, Thailand, Filipina dan Indonesia.
- China juga membina pengkalan tentera laut di kepulauan itu dan menggugat kestabilan rantau ini.

MENGAPA PERLU SOKONG TUN MAHATHIR?

- Tun Dr Mahathir Mohamad dikatakan tidak sesuai untuk kembali memimpin negara kerana faktor usia mencecah 92 tahun
- Namun Pakatan Harapan (PH) kekal melantik Tun sebagai calon perdana menteri digandingkan bersama Datuk Seri Dr Wan Azizah sebagai timbalan
- Semua itu terpaksa dilakukan kerana selepas Datuk Seri Anwar Ibrahim dipenjara pada 2015, pembangkang hilang tokoh penyatu.
- Selain itu, Tun juga dilihat mampu menarik undi ahli Umno, pengundi luar bandar dan Felda.
- Satu faktor lagi, kakitangan awam (berjumlah 1.3 Juta), polis dan tentera tidak yakin dan tidak akan mengundi pembangkang malainkan PH menamakan tokoh yang pernah menjadi perdana menteri.

Rekod kejayaan ekonomi

- Tun Mahathir berjaya mentadbir ekonomi Malaysia tanpa mengenakan Cukai Barang dan Perkhidmatan
- Ekonomi berkembang 8% selama 10 tahun (1988 – 1997)
- Malaysia dikenali sebagai salah satu 'Harimau Asia' hasil gandingan mantap Mahathir – Anwar
- Berjaya mengatasi krisis kewangan Asia 1997 – 1998 tanpa mengambil bantuan Dana Kewangan Antarabangsa (IMF)

Kekuatan Politik

- Keadaan politik stabil tanpa isu perkauman melalau sejak 1981 – 2003
- Nama Malaysia harum di serata dunia
- Tidak tunduk kepada kuasa asing seperti Amerika Syarikat dan United Kingdom (U.K). Pernah melaksanakan kempen Buy British Last membantah sikap pembuli U.K. Tidak seperti Najib gadai negara kepada China
- Membela pejuangan rakyat Palestin dan Bosnia



Kepuasan sosial

- Peluang kerja bertambah sepanjang dasar perindustrian negara yang bermula pada 1985
- Rakyat selesa diberi subsidi bahan keperluan asas



- Gelombang Tun Mahathir mewarnai ceramah-ceramah PH di seluruh Semenanjung Malaysia.
- Tempat yang dikunjungi Tun akan dihadiri ribuan khayalak
- Terutama ahli dan penyokong Umno yang mula berubah dan tidak lagi menyokong perjuangan Umno yang kini menjadi parti Najib Razak




Lautan manusia, dari koridor rumah mereka dan di kawasan lapang membanjiri kawasan ceramah HARAPAN di Flat Danau Kota, Setapak, Wangsa Maju pada 22 April lalu.



Pandangan atas, tsunami rakyat akan melanda Teluk Intan.



Pagoh kekal kerusi selamat Muhyiddin, lautan manusia mendengar ceramah bersama Tun Mahathir.



Mustahil Mahathir ulangi kesilapan lampau – Dr Aziz Bari

- Tohmahan UMNO dan PAS kepada Tun Mahathir kononnya beliau akan memerintah secara diktator sekitaranya berkuasa semula.
- Pensyarah undang-undang di Universiti Selangor (Unisel) Dr Aziz Bari yang juga pakar undang-undang perlumbagaan yakin Tun Mahathir tidak akan mengulang kelebihan lampau jika dilantik sebagai PM ke – 7
- "Sekarang beliau (Mahathir) dikelilingi oleh watak dan kerangka yang berbeza; yang tidak mengizinkan kesilapan dalam UMNO berulang dengan mudah. Saya rasa perubahan akan dilakukan oleh PH di bawah kepimpinan Tun Mahathir.
- Kata Dr Aziz, tugas yang bakal digalas Tun melibatkan reformasi pentadbiran dan polisi yang menjadi tunggang perjuangan PH selama ini.



Calon PM menanti Datuk Seri Anwar

- Tun akan menjadi PM dalam jangka waktu sekitar 2 tahun untuk memperbaiki ekonomi dan pentadbiran negara yang kucar kacir
- Ketua Umum PKR Datuk Seri Anwar Ibrahim pula dijadualkan akan dibebaskan dalam bulan Jun 2018
- Pada 6 Januari 2018 lalu, sebelum perisytiharan kerusuhan parlimen yang akan ditandingi PH dilakukan di Shah Alam, keempat-empat parti komponen bersetuju untuk menandatangani perjanjian
- 3 perkara penting perjanjian itu:
 - Melantik Tun Mahathir sebagai PM dan Dr Wan Azizah sebagai TPM
 - Pembebasan segera Anwar dan memohon pengampunan Yang Dipertuan Agong agar beliau tidak melalui sekatan politik selama 5 tahun sebelum kembali aktif
 - Menamakan Anwar sebagai calon perdana menteri ke – 8
- Dengan itu tohmahan Tun akan menjadi PM sehingga akhir hayat sebagaimana didakwa BN dan PAS adalah dusta sama sekali.

1MDB	BMF
Berkait secara langsung dengan kerajaan	Tidak berkaitan secara langsung dengan kerajaan
Najib Razak sebagai penasihat 1MDB	Tiada kaitan secara langsung dengan Tun Mahathir
Saman sita oleh Jabatan Kehakiman Amerika Syarikat (DOJ) mengaitkan dengan MO1 (Najib)	Tiada penemuan secara terperinci oleh kerajaan luar negara mengaitkan dengan Tun Mahathir
Tiada Suruhanjaya Diraja dibentuk, Laporan Ketua Audit Negara disekat daripada dibaca rakyat	Satu suruhanjaya siasatkan dibentuk dan mengemukakan laporan yang boleh dibaca oleh rakyat
Peguam Negara ditamatkan perkhidmatan, Pengarah SPRM tamat kontrak, Gabenor Bank Negara tidak disambung kontrak	Tiada yang ditamatkan kontrak dan skandal disiasat secara bebas

Tun Mahathir gemilang berbanding Najib

- Gelombang Tun Mahathir mewarnai ceramah-ceramah PH di seluruh Semenanjung Malaysia.
- Tempat yang dikunjungi Tun akan dihadiri ribuan khayalak
- Terutama ahli dan penyokong Umno yang mula berubah dan tidak lagi menyokong perjuangan Umno yang kini menjadi parti Najib Razak

Kejayaan Tun Mahathir	Kejayaan Najib
<ul style="list-style-type: none"> Membina projek Proton Saga pada 1985 Membina Jambatan Pulau Pinang pada 1987 Membina Stadium Nasional Bukit Jalil pada 1997 Membina KLIA pada 1997 Membina Litar Lumba Sepang pada 1998 Membina KLCC pada 1996 Menyelamatkan ekonomi Malaysia ketika krisis kewangan Asia 1997 – 1998 Menjadikan Pulau Langkawi sebagai destinasi perlawanan dunia secara berperingkat mulai 1990an 	<ul style="list-style-type: none"> Membina sistem Transit Airian Massa (MRT) Bantuan Rakyat 1Malaysia

Kejayaan Najib mansuh MEC

- Pentadbiran PM Najib bertanggungjawab menyulitkan orang Melayu mendapat pinjaman dan bantuan kepada kerana perniagaan dengan memansuhkan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi Malaysia (MEC)
- Kementerian ini amat bersejarah kerana diwujudkan oleh bapa Najib, Tun Razak di bawah Dasar Ekonomi Baru .
- Tun Razak menuahkan Kementerian Penyelaras Perbadanan Awam (KPPA) pada 1974 dengan tujuan menyelaras agensi UDA, MARA dan Perbadanan Kemajuan Negeri (PKEN) bagi memastikan ekonomi Melayu
- KPPA diganti dengan Kementerian Pembangunan Usahawan (KPU) pada 1995 dengan tugas memberi tumpuan dan penekanan khusus membangunkan usahawan bumiputera
- KPU dinatakan sebagai Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi Malaysia pada tahun 2004. Peranannya menggubal dasar serta merangka strategi dan program pembangunan usahawan. Melaksana, menyelaras dan memantau program-program pembangunan keusahawanan di peringkat Persekutuan dan Negeri
- Pada 2009, Najib memansuhkan kementerian ini dan agensi di bawahnya seperti MARA dan TEKUN dipindah ke Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah.

MANSUH GST RAKYAT HIDUP SELESA

GST punca kesukaran hidup

- Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) yang diperkenalkan kerajaan BN pada kadar 6% pada 2015 lalu merupakan punca kesensaraan rakyat.
- Pakatan Harapan berjanji akan memansuhkan GST sekiranya diberi mandat untuk memerintah pada Pilihan Raya Umum (PRU) ke 14



Kenaikan harga selepas GST

- Berlaku kenaikan mendadak harga makanan selepas cukai GST diperkenalkan pada 2015.
- Harga naik pada tahun kajian 2014 dan 2017 meliputi barang makanan dan perkhidmatan:

Harga	2014	2017
Ayam (1kg)	RM7.00	RM7.80
Cili merah (1kg)	RM7.00	RM14.99
Ikan kembung (1kg)	RM11.00	RM18.00
Sawi (1kg)	RM1.00	RM2.00
Sewa rumah (teres)	>RM700	>RM900-RM1200

Rakyat Malaysia tidak layak dicukai

- Statistik kerajaan menunjukkan tahap pendapatan rakyat Malaysia masih belum layak dicukai
- Hanya 15% atau 1.8 juta pekerja hari ini dikenakan cukai pendapatan, selebihnya, iaitu 12 juta tidak mempunyai pendapatan cukup untuk dicukai.
- Rakyat Malaysia hanya berpendapatan AS\$10,538 setahun berbanding rakyat negara jiran Singapura yang berpendapatan AS\$55,182 setahun (World Bank Per Capita 2014) yang tidak merungut dikenakan GST.
- Malah fakta yang mengejutkan negara paling maju di dunia, Amerika Syarikat dan pusat kewangan Asia, Hong Kong juga tidak mengutip cukai GST



Rakyat Malaysia tidak layak dicukai

1MDB punca GST?

- Skandal 1Malaysia Development Berhad (1MDB) yang menyaksikan syarikat berkaitan kerajaan itu berhutang RM42,000,000,000 (RM42 bilion) (sumber: Astro Awani, 2 Februari 2018) didakwa merupakan punca utama kerajaan BN terpaksa memperkenalkan cukai GST.

1MDB
1Malaysia Development Berhad

Baki duit hari pertama gaji

RM5
RM167.70

- Elaun isteri
RM300 **GST RM4.80**
- Touch & Go
RM100 **GST RM6**
- Minyak kereta sebulan
RM400
- Barang dapur
RM500 **GST RM30**

Gaji

RM3500

RM15 **RM.90**

Sambil tunggu makanan bayar bil guna internet banking

- Bil elektrik
RM80 **GST RM4.80**
- Bil telefon sendiri & isteri
RM200 **GST RM12**
- Bil internet
RM100 **GST RM6**
- Ansuran kereta
RM600 **GST RM36**
- Ansuran rumah
RM1200 **GST RM72**

GAJI LENYAP ANGKARA GST

Kenaikan kos sara hidup 2015 – 2016

Jenis	Kenaikan
Tol	RM30 sebulan
Petrol	RM80 sebulan
Makanan	RM200 – RM300 sebulan
Elektrik	RM15 sebulan
Jumlah:	RM425 sebulan (RM5,100 setahun)



RM50 hanya beli 5 barang

- Suri rumah yang pernah hidup pada era ekonomi gandingan Tun Mahathir Mohamad dan Datuk Seri Anwar Ibrahim pasti teringat lebih 20 jenis barang dapur boleh dibeli dengan RM50 pada tahun 1990an
- Hari ini RM50 tidak mempunyai nilai dan hanya boleh membeli 5 – 7 jenis barang di pasar raya.

Kos sampingan GST

- Berdasarkan kajian, kenaikan harga bukan hanya berlaku ke atas barang yang dikenakan GST sebagaimana diuar-ura kerajaan BN.
- Sebaliknya kenaikan melibatkan semua jenis barang kerana terpaksa menanggung kos sampingan GST
- Kos tersebut seperti kenaikan sewa kedai, minyak diesel lori, bahan pembungkusan, gaji kerani akaun GST dan sebagainya.
- Semua kos ini 'dimasukkan' ke dalam harga barang



Subsidi dimansuhkan

- Tekanan terhadap rakyat ditambah pula dengan penarikan balik subsidi secara berkala.

Tahun	Bahan
2013	Gula
2014	Petrol dan diesel
2016	Minyak masak

Santuni pengundi, Pemuda AMANAH giat kampen

Oleh ARIF ATAN

Tempoh 11 hari berkempen dimanfaat sebaik mungkin 22 calon dari sayap Pemuda AMANAH mewakili Pakatan Harapan (PH) untuk bertanding di kerusi Parlimen dan Dewan Undangan Negeri (Dun) pada PRU-14.

Langkah sulung Pemuda AMANAH atas logo PKR dalam gelanggang demokrasi ini menyaksikan 12 daripadanya bertanding di kerusi disandang Pas.

Antara kerusi yang paling menjadi tumpuan, Dun Panchor di Kelantan apabila Ketua Pemuda AMANAH negeri, Mohd Zulhazmi Hassan berentap dengan pemimpin Pas kontroversi, Mohd Amar Nik Abdullah.

Walaupun bertembung tiga penjuru tetapi calon BN, Zarina Md Eusope dilihat bukan pesaing kuat sekali gus menjadikan NO7 adalah hanya pertandingan sengit antara AMANAH dan Pas.

Ketua Pemuda AMANAH Nasional, Sany Hamzan berdepan dengan Exco negeri Selangor yang menjadi penyandang kerusi Dun Taman Templer, Zaidy Abdul Talib dari Pas.

Cabarannya hebat buat Sany apabila Dun yang terletak di bawah Parlimen Selayang itu menarik minat banyak pihak sehingga wujud pertembungan lima penjuru.



Peniaga roti canai bersama calon PH, Faiz Fadzil ini antara lebih 22,000 pemilih di Dun Permatang Pasir yang akan membungkung undi, 9 Mei ini.

Di zon utara, potensi menang Timbalan Ketua Pemuda AMANAH Nasional, Muhammad Faiz Fadzil, dianggap cerah lantaran bertanding di Dun yang terletak di bawah Parlimen Permatang Pauh iaitu kubu kuat keluarga Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Namun, anak kepada bekas Presiden Pas, Allahyarham Ustaz Fadzil Nor itu tetap bekerja keras meyakini pengundi lantaran pertandingan tiga

penjuru dengan Pas dan BN.

Sementara itu, di Johor dua pimpinan Pemuda AMANAH negeri beradu nasib di kerusi Dun yang memiliki lebih 64 peratus pengundi Melayu. Ketua Pemuda AMANAH negeri, Taqiuddin Chehan bertanding di N54 Pulai Sebatang manakala Abrary Ramly di Dun Pasir Raja yang mempunyai pengundi Felda.



Menziarahi penyokong tegar PH, calon Dun Lepar, Nur Addin Ibrahim (berbaju Bersih 5) bakal dicabar BN dan Pas.



Calon AMANAH Dun Titi Serong di Perak, Hasnul Zulkarnain pada hari keempat kampen melihat masyarakat setempat semakin yakin dengan PH.



Pelakon Zalfie Mohamad Nor yang berbaju terpampang gambar calon Dun Paka, Hasbie Muda bukti sokongan kepada PH ketika kebetulan ditemui di pasar malam Ketengah, 1 Mei lalu.



Pelakon Zalfie Mohamad Nor yang berbaju terpampang gambar calon Dun Paka, Hasbie Muda bukti sokongan kepada PH ketika kebetulan ditemui di pasar malam Ketengah, 1 Mei lalu.



Lebih 3,000 hadir dalam ceramah kelompok di Taman Selayang Segar yang terletak di Dun Taman Templer di Selangor yang ditandingi Ketua Pemuda AMANAH Nasional, Sany Hamzan.



Tidak lupa jasa mereka yang membangunkan ekonomi negara, calon Dun Kubang Rotan, Asmirul Anuar ucup penghargaan kepada kaum pekerja.

BN terdesak berkempen di universiti

Kelolaan ARIF ATAN

Lagi lapan hari untuk 14.9 juta pemilih seluruh negara keluar membungkus undi, BN terlebih dahulu membungkus nilai intelektual yang ada pada universiti.

Maruah pentadbiran universiti pula dilihat terlalu murah apabila rela ditunggang pemimpin politik Umno-BN pada musim kempen Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU-14).

Pengerusi BN Terengganu, Datuk Seri Ahmad Razif Abd Rahman pada 1 Mei lalu merasmikan pelancaran Kad Siswa Generasi Terengganu (Kad Gen-T) di Universiti Malaysia Terengganu (UMT).

Dihadamkan 40,000 pelajar universiti yang merupakan anak-anak Terengganu akan mendapat kad Gen-T yang berkonsep e-wallet itu.

Kad tersebut berfungsi sebagai kad diskau untuk pembelian buku, makanan, tiket wayang, penginapan termasuk potongan harga ubat-ubatan di antara lima hingga 30 peratus.

Sebanyak RM100 diperuntukkan bagi setiap



Pengerusi BN Terengganu bergambar dengan penuntut di Universiti Malaysia Terengganu pada minggu kempen PRU-14.

kad sebagai saguhati yang akan diagih kepada pelajar dengan menelan kos mencecah RM4 juta.

Kad Gen-T membolehkan mahasiswa Terengganu menggunakan mereka di premis seperti restoran makanan segera, Chicken Cottage,

penginapan di Hotel Primula dan Duyong Marina Resort, Taman Tamadun Islam, Hospital Kuala Terengganu Specialist serta Kedai Buku Bangol.

Kehadiran Razif menyempurnakan program pelancaran kad dilihat bermotif politik dan demi

menarik sokongan golongan muda khususnya penuntut kepada BN.

Penyerahan replika kad itu ketika musim kempen PRU-14 sedang berjalan menyerlahkan betapa terdesaknya Umno-BN untuk terus berkuasa.

Bagaimana, rata-rata foto yang dikongsi penerima menyaksikan wajah mereka yang ceria berswafoto dengan Ahmad Razif yang akan bertanding mempertahankan Dun Seberang Takir (N11).

Walaupun mereka sebagai mahasiswa anak Terengganu gembira boleh mendapat potongan harga ketika berbelanja di kedai terpilih dengan adanya kad itu, dedak pilihan raya itu masih tidak dapat mengaburi akibat cukai barang dan perkhidmatan (GST).

Realitinya, kad Gen-T yang diletakkan sebagai titik sentuhan ke-15 di bawah Petunjuk Pertama Bajet kerajaan negeri 2018 itu masih gagal mengurangkan beban sebenar pelajar dan menangani isu peningkatan kos sara hidup.

Warga kampus bukan hidup dalam dunia lain

Bajet untuk Pendidikan telah berkurang RM5.5 billion dari RM 10.8 billion kepada RM5.3 billion



Kerajaan memotong sehingga 51 peratus dana untuk universiti. Sumber Twitter Duke Of KL

BERADA di universiti bukannya bersifat vakum dari dunia luar. Hidup di dalam kampus tetap tidak terkecuali daripada tempias urus tadbir di Putrajaya.

Mahasiswa Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Ahmad Zubir berpendapat hal berkaitan kepimpinan negara tidak wajar menjadi topik larangan untuk dikritik.

Berkongsi pengalamannya menghadiri Townhall Mahasiswa 1.0 anjuran Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UTM baru-baru ini, beliau memberitahu tentang kesan pemotongan besar dana untuk universiti.

Tindakan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) itu, jelasnya, mendorong kepada pentadbiran universiti menaikkan yuran tertentu.

"Bila cakap isu kenaikan yuran, kena bayar yuran akreditasi yang naik RM30 (pelajar kejuruteraan) dan RM15 (bukan pelajar kejuruteraan),

TNC (Timbalan Naib Canselor) Pembangunan kata perbelanjaan untuk pengoperasian kolej mencecah negatif, jadi defisit.

"Prof yang bersyarah tentang yuran akreditasi cabar kami, apa cadangan mahasiswa untuk naikkan aliran tunai universiti?" dipetik daripada catatan yang dimuat naik di Facebooknya, 2 Mei lalu.

Ahmad Zubir berkata, mulanya beliau ingin mencadangkan supaya kerajaan sedia ada ditukar kerana selagi status quo dikekalkan, salah urus tadbir dibimbangi semakin berterusan.

"Makin bertambah hutang negara dan universiti kena terus naikkan yuran," tegasnya.

Walau bagaimanapun pengacara majlis pada sesi dialog itu mengingatkan mahasiswa supaya tidak membangkitkan apa yang dianggap sebagai isu "politik luar".

Mengambil kira larangan itu, beliau

akhirnya menyarankan supaya yuran pelajar asing dinaikkan bagi tujuan menambah aliran tunai universiti tersebut.

"Itu pun tak pasti diterima atau tidak. Kalau politik kepartian tidak boleh kait, takkan politik asas tentang urus tadbir yang betul tidak boleh cakap?

"Takkan tak boleh tegur pemimpin tertinggi kita yang terpalit dengan skandal 'heist of the century'?" soalnya.

Mengulas lanjut, beliau menyifatkan warga kampus seolah-olah menganggap diri mereka seperti hidup dalam dunia lain walhal urus tadbir negara saling berkaitan dengan apa berlaku dalam universiti.

"Macam tiada kena mengena dengan dunia masyarakat luar. Macam tiada kena mengena dengan Putrajaya," tambahnya lagi.

Tekan PH buang akta menindas

Pen-syarah Universiti Melayu (UM), Prof Dr Azmi Sharom mengingatkan pentingnya rakyat menggunakan tempoh enam bulan pertama jika Pakatan Harapan (PH) mendapat mandat di Putrajaya untuk mendesak pemansuhan segala undang-undang yang menindas.

Menurutnya, itu adalah tanggungjawab rakyat kerana demokrasi berlaku setiap hari bukan lima tahun sekali.

"Itu sebab kalau PH menang, enam bulan pertama kita sebagai masyarakat civil mestilah tekan kerajaan baharu ini untuk membuang undang-undang ini (Akta Antiberita Tidak Benar 2018).

"Kita mestilah tekan mereka untuk hapuskan apa sahaja undang-undang yang menindas seperti AUKU (Akta Universiti Dan Kolej Universiti 1971).

"Lebih penting, peraturan-peraturan universiti yang tidak masuk akal termasuk (alasan) memburukkan nama universiti dan sebagainya," tegas pakar undang-undang itu.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan peserta kuliah awam, 'Akta Berita Palsu: Senjata Terakhir Sebelum PRU-14?' anjuran bersama Persatuan Mahasiswa Islam UM (PMIUM) dan Angkatan



Mahasiswa di di Hub TFTN, Kuala Lumpur. Sehubungan itu, Dr Azmi berpendapat tempoh enam hingga 12 bulan pertama pentadbiran PH itu paling sesuai dengan desakan menghapuskan undang-undang yang menindas.

"Dalam tempoh itu mereka ghairah sesuai dengan nama 'harapan' dan 'keadilan'. Kita mestilah guna tempoh itu. Jangan tunggu lama-lama."

"Itu sebab demokrasi bukan sekadar parti politik. Demokrasi adalah tentang kita. Di bawah kerajaan baharu, kita mestilah tekan supaya (akta drakonian) ditarik balik, dibuang."

"Sebahnya, PH sebelum ini antara perkara yang mahu dilakukan ialah menukar sistem supaya jadi telus. Jadi, kita tekan mereka untuk laksanakan segera," ujarnya.

Pengarang buku *Catatan Pengingat Buat Kawan dan Lawan* itu berkata, jika selepas 9 Mei ini parti pemerintah yang masih sama ke Putrajaya tiada peluang untuk pelbagai peruntukan menindas itu dimansuhkan.

"Kita sebenarnya lupa (hak sebagai rakyat) sebab 60 tahun, kita feudal terutama orang Melayu, hormat kita membuat-tuli," tambahnya lagi.

Di negara manakah lagi rakyatnya sekeliru di sini?

“ Apabila diamat-amati nyata adalah bahawa faktor yang menyebabkan kekeliruan itu terjadi adalah faktor agama, yakni Islam. Di kalangan rakyat Malaysia yang bukan Islam tidak terdapat kekeliruan yang sedemikian. ”

MUSIM berkempen pilihanraya umum kali ini (ke-14) sedang rancak dan riuh berjalan. Saya kebetulan sudah agak lama mengambil pendirian untuk menumpukan perhatian lebih kepada seni-budaya dan kurang kepada politik. Makanya penglibatan saya di dalam kempen pilihanraya kali ini hampir tidak ada.

Ini berbeza dengan musim-musim pilihanraya yang sebelum ini, khasnya selepas Reformasi 1998. Kalau dulu saya terjun secara langsung menganggotai parti dan berkempen melalui bacaan puisi dan penulisan, menyebelahi gerakan Reformasi, sekarang tidak lagi.

Pengalaman sekian tahun berkolaborasi dengan orang-orang politik yang menentang Umno-BN itu, sedikit demi sedikit menasihati saya supaya memberi kepercayaan yang lebih kepada seni-budaya, untuk mengupayakan masyarakat ke arah perubahan kepada kehidupan yang lebih baik, dan bukannya mempercayai politik.

Bukanlah saya menentang amalan berpolitik dan pilihanraya. Saya sekadar mencuba melihat adanya kaedah dan jalan yang lain lagi yang lebih baik daripada hanya menumpukan perhatian dan kepercayaan kepada politik sahaja, berserta mekanismenya merebut kuasa untuk berkuasa ke atas rakyat.

Maka di musim berkempen pilihanraya yang sedang rancak, riuh dan mengelirukan kali ini, saya mengambil posisi tidak mencampuri urusan kempen, kecuali secara tidak langsung. Saya tidak turun ke majlis-majlis ceramahnya, walaupun sekadar menonton. Saya hanya mengikuti perkembangan melalui laman-laman fesbuk dan watsap, serta hubungan dengan orang-orang yang dekat, dalam kehidupan sehari-hari.

Hasil pemerhatian (sebagai seniman-budayawan yang lebih percayakan seni-budaya daripada politik) selama beberapa hari di musim berkempen ini, saya menyaksikan satu keadaan kekeliruan yang serius di kalangan rakyat Malaysia, yang belum pernah saya saksikan sebelum ini, waima di musim Anwar Ibrahim dituduh meliwat di tahun-tahun mulai 1998 dulu



Ustaz Abdul Hadi Awang menyebabkan kalangan Melayu Islam berdepan kekeliruan besar dalam memahami agama yang sebenar, hanya kerana pilihan raya.

itu.

Hal ini bukan sahaja saya perhatikan di fesbuk atau watsap tetapi juga di kalangan mereka yang dekat dengan saya dalam kehidupan sehari-hari, termasuk sanak saudara dan kaum kerabat sendiri, yang sebelum ini tak pernah berlaku kekeliruan sebegini. Dan kekeliruan yang dahsyat ini hanya terjadi di kalangan orang Melayu-Islam.

Apabila diamat-amati nyata bahawa faktor yang menyebabkan kekeliruan itu terjadi adalah faktor agama, yakni Islam. Di kalangan rakyat Malaysia yang bukan Islam tidak terdapat kekeliruan yang sedemikian.

Saya berani mengatakan demikian kerana saya berminat memerhati dan menganalisa serta menulis mengenai hal-hal berkaitan masyarakat Islam dan politik mereka di negara ini sejak terciptanya kontroversi agama dan akhlak dalam politik Mahathir-Anwar-Fadzil Noor 1998 itu.

Sejak itu minat saya terhadap politik Islam pimpinan Fadzil Noor dan Tok Guru Nik Aziz mendorong saya mengikuti


pergerakan mereka dan menghasilkan beberapa buah buku dan dokumentari video mengenai Tok Guru Nik Aziz dan pentadbiran Islamnya serta Keislaman masyarakat Kelantan di bawah asuhannya.

Dan saya mengikuti setiap riak perubahan yang berlaku, hingga apabila TG Nik Aziz meninggal dunia dan riak perubahan itupun segera bertukar menjadi gelombang yang membawa perubahan besar di dalam parti Islam itu, hingga saya pun mulai mempersoalkan hubungan sebenar antara parti itu dengan agama Islam. (Bacalah buku ‘Mencari Kewajaran Islam di Malaysia’).

Sedikit demi sedikit kekeliruan dicetuskan oleh beberapa orang tokoh pimpinan PAS di bawah naungan presidennya Haji Hadi Awang, yang kemuncaknya ialah tersingkirnya segolongan tokoh pimpinan yang sealiran dengan Mohamad Sabu, Timbalan Presiden waktu itu. (Sekarang Presiden Parti Amanah Negara). Selebihnya telahpun menjadi sejarah yang sudah diketahui umum.

Saya tak bertujuan untuk membebalkan semula sejarah itu. Sekadar menjelaskan

TEKAD BUDAYA DINSMAN



latar mengapa saya katakan bahawa faktor utama terjadinya kekeliruan serius di kalangan masyarakat Melayu-Islam menghadapi kempen pilihanraya yang sedang berlangsung sekarang adalah disebabkan permainan politik yang memperalatkan agama, di samping sikap dan pendirian tak bertanggung-jawab para pimpinan agama (Islam) di luar politik, seperti mufti, ‘the so-called ulamak’ hatta pensyarah universiti di bidang agama dan Islam pun. Kebanyakan mereka adalah keliru disebabkan faktor-faktor tertentu.

Hari ini sambil memerhati perkembangan kempen itu melalui media sosial dan teringatkan beberapa percakapan di kalangan saudara mara, saya terfikir apakah kekeliruan yang terjadi di kalangan masyarakat Islam kita ini pernah juga terjadi dalam masyarakat lain di mana-mana negara di dunia, ataupun belum pernah terjadi di mana-mana negara di dunia yang rakyatnya dalam keadaan keliru seperti yang terjadi di negara kita sekarang?

Saya sendiri tidak tahu jawapannya. Setakat pengetahuan dari pembacaan belumlah pernah bertemu maklumat sedemikian. Dan jawapan itu pun tidaklah begitu penting. Hanya keinginan saya untuk menyatakan betapa seriusnya kekeliruan yang sedang terjadi, yang saya fikir sepatutnya tidak terjadi demikian sekiranya para pimpinan agama (Islam) kita bertanggungjawab dan berusaha mengelak daripadanya terjadi.

Bukankah Islam itu membawa penerangan yang jelas, kebenaran, dan panduan hidup yang boleh mengelakkan kekeliruan? Bahawa faktor kejelasan dalam perkara menjalani kehidupan adalah antara yang terpenting dalam agama Islam, hingga dikatakan bahawa Islam itu menjelaskan perkara sehingga begitu terperinci, yang tidak terdapat dalam ajaran apa ju di dunia ini. Tetapi mengapa Islam di negara ini begitu mengelirukan masyarakatnya?

Seperti dikatakan tadi, saya pernah mempersoalkan hubungan sebenar antara parti Pas dengan agama Islam selepas meninggalnya TG Nik Aziz, dan saya melihat banyak tanda-tanda yang menunjukkan para pimpinan parti itu lebih mengutamakan kepentingan diri daripada agama, dan itulah, bagi saya, antara faktor utama mengapa berleluasan kekeliruan masyarakat Melayu-Islam hari ini.

Dan saya berasa sangat sedih dan kasihan dengan terjadinya kekeliruan ini. Dan inilah yang mendorong saya menulis catatan ini. Wallahu a’klam!

Mujurlah tempoh berkempen pendek

KITA tinggal kurang dari seminggu sahaja sebelum Malaysia membuat pilihan. Kempen sedang giat berjalan di sana-sini. Wang ringgit sedang giat ditaburkan seperti dedak. Janji sedang sedap didengarkan siang ke malam. Dalam kes-kes istimewa, wang ringgit juga sedang bertukar tangan agar bendera masing-masing juga dapat bertukar di saat-saat akhir.

Ini semua drama yang sudah biasa disaksikan oleh rakyat Malaysia setiap lima tahun sekali. Ada yang suka, ada yang muak. Yang suka itu mungkin memang gemar dirinya diperlakukan selayak ayam, yang tidak suka itu tentu sekali sudah serik dikencing hidup-hidup. Apa sekali-pun, ia tetap adalah drama yang perlu disaksikan sepanjang seminggu dua ini biar suka atau tidak.

Pun begitu, dengan sebeginy banyak drama memuaskan ini pun, antara yang menjadi keluhan oleh pembangkang tetap adalah tempoh kempen yang dianggap pendek. Dikatakan sengaja dipendek-

kan oleh kerajaan agar pembangkang tidak dapat menerangkan manifesto mereka kepada masyarakat. Iyalah, berbanding UMNO yang hari-hari keluar akhbar dan televisyen, mana mungkin dapat dicapai seluruh masyarakat dalam tempoh yang pendek ini.

Sebenarnya, mujur jugalah tempoh kempen rasmi di negara ini pendek, tidaklah terlalu banyak sangat aktiviti-aktiviti yang memuaskan tadi terus-menerus berlaku. Tidak sanggup juga kita sebenarnya untuk melihat makcik-pakcik di kampung nelayan seberang Sekinchan sana dihulur RM50.00 upah pacak bendera dacing, sedang yang patutnya dihulur adalah subsidi minyak diesel yang lebih baik untuk mereka ke laut. Bukan subsidi yang dirembat separuh oleh



ADAM ADLI

universiti
ketiga

proksi pak menteri.

Begitulah juga dengan anak-anak pelajar dari kampus dan kolej tajaan kerajaan. Entah berapa ramai dipaksa dan diheret memenuhi khemah yang dilawat oleh menteri-menteri sementara gan serupa tersebut boleh disalurkan kepada mereka agar tidak tergantung hutang bila tamat belajar, alangkah baik. Mujurlah tempoh kempen tak terlalu panjang. Tidaklah mereka terliur lama.

Bayangkan juga kalau tempoh kempen kita terlalu lama, entah berapa ramai pula lagi ketua cabang, ketua bahagian, ketua cawangan kita yang akan bertukar bendera. Dalam televisyen tiap-tiap malam sekarang bukan main ramai lagi yang umum keluar parti. Kalau dalam seminggu ini sahaja, sudah berpuluhan cabang dan cawangan parti pembangkang tiba-tiba diiumum tutup dan ahlinya bertukar bendera, berapa sahaja lagi yang tinggal untuk berkerja sehingga hari pemilihan nanti? Kalaulah tempoh berkempen kita dipanjangkan lagi, silap hari bulan pada

hari mengundi, tinggallah calon seorang diri sahaja lagi yang belum keluar parti.

Percayalah, menteri-menteri sementara kita itu rata-ratanya suami dan isteri yang baik serta bertanggungjawab. Mereka rata-rata faham bahawa tidaklah wajar ditinggalkan isteri dan suami mereka terlalu lama di rumah untuk keluar berkempen. Itu baru menteri UMNO. Belum lagi diambil kira ustaz-ustaz PAS yang isterinya lebih ramai. Sebab itulah dipendekkan tempoh kempen agar tidak berlaku masalah di rumah sehabis pilihan raya nanti. Takut menang di hati rakyat, kalah di hati pasangan pula nanti.

Sebab itulah, jangan kita mengeluh dengan tempoh kempen yang pendek ini. Anggaplah ia sebagai rahmat untuk kita semua. Semakin panjang tempoh berkempen kita, semakin banyak pula drama yang terpaksa kita hadapi. Biarlah tempoh berkempen ini pendek, kalau panjang sangat pun, takut naik meluat pula pengundi nanti.

Mengundi Pakatan Harapan dari perspektif Siasah Syar'iyah (Bahagian 2)

DARI MUKA 4

PERNAH disebutkan dalam menjawab tuduhan bahawa Parti AMANAH memcahbelahkan umat dengan kenyataan kami sebagai berikut:

"Apabila perjuangan Islam kehilangan posisi perjuangan yang strategik sehingga hilang harapan untuk memerintah dan mengambil alih kepimpinan politik negara dari tangan regim yang korup menyebabkan rakyat akan kehilangan harapan untuk mencapai cita-citanya melalui tindakan mengundi parti sejarah berkenaan. Ini bermakna wajib ada wadah atau parti Islam lain yang baru untuk mengbalikkan perjuangan Islam pada posisinya yang kukuh dan berkemungkinan untuk menang melalui suatu tahaluf atau pakatan yang diperdayai oleh rakyat; yang mampu bertarung dan menggantikan BN."

"Oleh kerana tidak mungkin BN dikalahkan melainkan melalui pakatan pembangkang, maka mewujudkan dan mengukuhkan semula kehadiran pakatan pembangkang adalah suatu kewajiban dan kemestian. Sebab itu kehadiran Parti Amanah Negara yang mewakili jalur Islam adalah suatu kemes-

tian atau suatu yang wajib demi kemanangan cita-cita rakyat; memandangkan parti Pas sudah kehilangan kredibiliti dalam kalangan pengundi bukan Melayu dan bukan Islam."

"Di sini kita lihat kemunculan AMANAH adalah kehadiran yang memberi kekuatan kepada kesinambungan perjuangan Islam seperti yang dipimpin oleh Ust Fadzil Mohd Nor dan Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat. Sebab itu kita melihat perjuangan Pakatan Harapan semakin mendapat sambutan dan semakin mantap dan padu akhir-akhir ini."

Mengenai Dr Mahatir, beliau telahpun menyatakan keinsafan beliau terhadap kesilapan masa lampau dan sudahpun menandatangani perjanjian dengan butir-butir tertentu; antaranya ialah untuk melepaskan DSAl dari penjara dan mengangkat beliau menjadi PM yang ke lapan selepas beliau, berjanji untuk menghapuskan GST, menuntut semula harta 1MDB yang telah disita oleh kerajaan Amerika dan lain-lain. Beliau (Dr.M.) telah bersedia untuk menghadapi segala ranjau dan kegetiran perjuangan demi menyelamatkan bangsa dan negara dari kepimpinan kleptokrasi yang rasuah dan tidak berintegriti. Allah berfirman



dalam surah al-Maidah ayat 39:

"Maka siapa yang bertaubat selepas terlanjur melakukan kezaliman dan berbuat baik (pemulihan) maka sesungguhnya Allah menerima taubatnya. Memang Allah Maha Pengampun, Maha Penyayang."

Dalam Kaedah fiqh menegaskan bahawa :

"Apa yang tidak sempurna wajib kecuali dengannya maka perkara itu menjadi wajib."

Kaedah ini juga boleh dikaitkan di sini. Oleh kerana berkoalisi dengan kumpulan parti pembangkang yang ber-

pengaruh dan kuat sangat perlu demi menjatuhkan BN yang merupakan Mafsadah atau Dharar Akbar. Maka koalisi itu menjadi suatu kemestian yang wajib demi memenangi PRU14. Untuk itu menubuhkan parti Islam baru seperti AMANAH yang menjadi pemangkinnya adalah suatu kewajiban yang memungkinkan tercapainya cita-cita rakyat dalam negara ini. Dengan kewujudan Pakatan Harapan usaha mencegah kemungkar dan menamatkan salah guna kuasa dapat ditamatkan dengan tuntas, insyaallah.

Alahai SPR, kamu tak pernah berubah!

SEBAGAI calon pilihan raya umum (PRU) ke-14, saya ada sedikit pengalaman bertanding dalam PRU dan merasai suasana "perang psikologi" di hari penamaan calon.

"Perang" itu hakikatnya bermula dari sebelum hari penamaan calon lagi. Ia melibatkan ramai bakal calon, pencadang dan penyokong serta mereka yang bertanggungjawab dalam menyediakan persiapan penamaan calon biasanya akan mudah menekan butang panik (push a panic button). Saya juga tak terkecuali.

Dalam PRU ke-12, ketika saya bertanding di Johor, saya masih ingat bertapa tegang dan paniknya saya kerana seluruh borang penamaan calon Pas di Johor wajib diperiksa dan dilulus oleh saya sebelum mereka diberi lampu hijau untuk bertanding. Kesannya, saya sendiri tersilap isi borang tapi Alhamdulillah dapat kesan awal dan berjaya dibetulkan segera.

Secara relatif, penyediaan borang penamaan calon sekarang jauh lebih mudah dari dulu. Dahulu, jika saksi misalnya lupa



menandatangani ke tiga-tiga borang pun boleh ditolak borang itu oleh RO (Pegawai Pengurus Pilihan Raya) SPR.

Kenapa mudah panik? Dua sebab. Pertama, keputusan RO menolak borang pada hari penamaan calon adalah muktamad. Jika tak puas hati, remedii (penawarnya) hanya satu - cabar di Mahkamah melalui petisyen pilihan raya - satu lagi proses yang memeningkan dan hakim selalunya lebih cenderung untuk tolak petisyen dari benarkan petisyen. Saya tahu sangat-sangat kerana pernah mengendalikan kes petisyen pilihan raya.

Kedua, calon-calon yang borang mereka ditolak akan kecewa. Bagaimana nak jelaskan dan puaskan hati para ahli, penyokong dan rakyat yang bersama mereka.

Justeru itu, saya boleh merasai dan amat bersympati betapa peritnya perasaan para calon yang borang penamaan mereka ditolak hari ini.

Nak salahkan SPR? Boleh. Tapi orang akan tembak kita balik. Sejak bila SPR ni "is truly independent" dan tak pro-BN! Orang putih kata, "It is axiomatic"!

Dalam kes lima borang penamaan calon PH yang ditolak (dari Keadilan dan PPBM), saya rasa kes tidak dibenar masuk ke dewan kerana tiada membawa pas masuk SPR seperti yang berlaku di Dun Rantau yang paling tidak adil.

Bagi saya, itu adalah insiden yang paling kejam dan brutal. Namanya membuli. Ya, secara teknikalnya, tak ada pas SPR tak boleh masuk. Tapi itu akhirnya masih dalam budibicara SPR. Kat mana salahnya dari segi undang-undang jika SPR atau polis benarkan calon, pencadang dan penyokong PH itu masuk meskipun tak ada pas. Maaf SPR... "this is brutality of the highest order"!

Berkenaan semakan hasil carian insolvensi yang tak sama antara yang calon miliki

dengan yang SPR miliki, ia juga bagi saya, suatu yang amat musykil. Sepatutnya SPR maklumkan lebih awal bagi membolehkan parti itu pergi ke pelan B. Kenapa harus tunggu lepas proses bantahan?

Bagi Parlimen Sepang dan tiga Dun di bawahnya, saya ingin ucapan tahniah kepada semua calon PH, BN dan Bebas yang dibenarkan bertanding kerana tiada borang yang ditolak. Alhamdulillah.

Untuk BN, saya nak kata ini sahaja. Pusingan pertama ini nampak zahirnya anda menang. Tapi kita masih ada pusingan seterusnya. Apa yang berlaku hari ini, saya berani katakan, menyebabkan PH dan rakyat ibarat harimau terluka... makin meluap api kemarahan mereka untuk 'ranapkan' anda semua spt abu! (Mungkin ada rakyat yang kata, "ana sumpah SPR dan BN jadi abu"!)

Mohamed Hanipa Maidin ialah calon Parlimen Sepang mewakili AMANAH-Keadilan dan Pengerusi Biro Undang-undang (Kanun) AMANAH.

Terima kasih SPR...

SEBAIK tamat proses penamaan calon, SPR sekali lagi mengundang kecaman yang tidak sedikit daripada orang ramai berikutnya beberapa tindakan badan pengendali pilihan raya itu yang dilihat kurang adil, berat sebelah dan seperti tanggapan biasa - muhi memberi kelebihan kepada Umno dan BN.

Kes pertama - calon Keadilan di Dun Rantau ditolak pencalonannya kerana tidak membawa pas masuk yang dikeluarkan oleh SPR sehingga beliau tidak dibenarkan memasuki dewan untuk menyerahkan borang pencalonan.

Akibatnya, Mohamad Hassan, Menteri Besar sementara Negeri Sembilan telah diisyiharkan menang tanpa bertanding.

Apakah pas masuk itu suatu syarat yang sangat wajib untuk memasuki dewan bagi menyerahkan borang pencalonan untuk bertanding dalam pilihan raya?

Apakah tiada budi bicara langsung, walaupun borang pencalonan berserta resit wang deposit dan pencadang serta penyokong sudah ditunjukkan kepada pegawai keselamatan?

Dalam waktu yang sama, bagaimana pulak seperti yang didebak oleh Rafizi Ramli tentang calon Pakatan Harapan di Parlimen Tampin dan Dun Bukit Naning, Johor yang tiada masalah untuk memasuki dewan bagi menyerahkan borang pencalonan, meskipun tidak membawa pas masuk SPR?

Kenapa ada perbezaan peraturan di Rantau dengan dengan di Tampin dan Bukit Naning?

Kes kedua - tiga calon Pakatan Harapan iaitu di Penaga, Bukit Pasir dan Kuala



PENDAPAT
SHAHBUDIN HUSIN

Balih ditolak kertas pencalonan mereka kerana didapati telah muflis.

Tetapi apa yang menghairankan, dua daripadanya iaitu Yaacob Osman, calon di Penaga dan Pizi Jihat, calon di Bukit Pasir, telah mengemukakan dokumen yang diperolehi daripada Jabatan

Insolvensi sendiri yang bertarikh sehari sebelum 28 April 2018 yang mengesahkan kedua-duanya bebas daripada sebarang masalah bankrapsi.

Namun, dalam pemeriksaan terkini oleh SPR selepas mengemukakan borang pencalonan, tiba-tiba nama mereka disenaraikan sebagai seorang yang muflis dan dengan itu, pencalonan mereka telah ditolak.

Soalnya, bagaimanakah pemeriksaan di Jabatan Insolveni yang dilakukan sehari sebelum 28 April mendapat mereka tidak muflis, boleh bertukar menjadi muflis pada tarikh 28 April?

Siapakah punya angka semua ini?

Apakah memang proses biasa bagi SPR melakukan pemeriksaan sekali lagi, termasuk juga kepada calon-calon BN, meskipun dokumen daripada Jabatan Insolveni yang mengesahkan tidak muflis, telah disertakan?

Tetapi, tindakan keadaan yang paling ketara dan tidak boleh diterima ialah dalam kes ketiga apabila SPR menolak pencalonan Tian Chua bagi kerusi Parlimen Batu.

Tindakan SPR itu adalah berdasarkan keputusan mahkamah pada Mac lalu yang mengekalkan sabitan bersalahnya atas tuduhan menghina kehormatan seorang anggota polis dan mengurangkan dendanya kepada RM2000.

Peraturan yang menggugurkan kelayakan

seseorang wakil rakyat adalah apabila mereka dihukum penjara tidak kurang 1 tahun atau denda tidak kurang RM2000.

Penolakan kertas pencalonan Tian Chua agak pelik kerana pada pilihan raya 2013, beliau juga pernah disabitkan dengan denda sebanyak RM2000, namun ketika itu SPR tidak pula menolak kertas pencalonannya.

Apakah SPR pada 2013 berbeza dengan SPR pada 2018?

Lebih daripada itu, ketika Tian Chua dijatuhi hukuman denda sebanyak RM2000 pada 2011 itu, Speaker Parlimen, Pandikar Amin Haji Mulia pada waktu itu menegaskan, hukuman tersebut tidak menjelaskan kedudukannya sebagai Ahli Parlimen Batu.

Bagaimanakah Tian Chua yang dihukum denda sebanyak RM2000 pada 2011 dan tidak dilucutkan kedudukannya sebagai Ahli Parlimen, malah dibenarkan bertanding pada 2013, tetapi atas denda dengan jumlah yang sama pada Mac 2018, tiba-tiba tidak dibenarkan bertanding pada April 2018?

Selain itu, jika benar beliau tidak layak untuk bertanding, tidakkah SPR sedar tentang kedudukan Tian Chua yang tidak digugurkan kedudukannya sebagai Ahli Parlimen Batu apabila dikekalkan sabitan denda RM2000 oleh mahkamah pada Mac yang lalu?

Dalam bahasa yang mudah, apabila disebut seseorang itu hilang kelayakan apabila hukum denda tidak kurang RM2000, ia bermakna seseorang itu hanya hilang kelayakannya apabila didenda melebihi RM2000. Tepat-tepat RM2000 belumlah lagi hilang kelayakan.

Dalam hal ini, SPR sendiri nampaknya keliru tentang tindakan yang dilakukannya terhadap Tian Chua apabila Pengerusi SPR, Hashim Abdullah sendiri mencadangkan agar kes itu dibawa ke mahkamah, sambil

menyatakan penolakan itu bukan penamat baginya.

Kenapakah SPR sendiri seolah-olah keliru, ragu-ragu dan tidak pasti dengan tindakannya?

Mengapa Hashim tidak bertegas dengan keputusan yang diambil oleh pegawainya terhadap Tian Chua?

Bagaimanapun, harus juga disedari bahawa PRU14 ini adalah detik penting sama ada perubahan dalam politik negara dapat dilakukan atau sebaliknya.

Jika tindakan terbaru ini, dengan sebelumnya SPR melaksanakan lakaran kawasan pilihan raya, tidak membenarkan penggunaan gambar Tun Mahathir dan Anwar Ibrahim dalam bahan kempen serta tidak memberi kebenaran kepada Suhakam untuk memantau perjalanan proses pilihan raya, adalah antara langkah yang bertujuan memberi kelebihan kepada BN, ia juga sebenarnya boleh menjadi asas untuk menaikkan lagi semangat rakyat ke arah cita-cita perubahan.

Ini kerana dengan apa yang dilakukan SPR kali ini, khususnya dalam kes Tian Chua, rakyat secara majoriti akan lebih membenci Najib, Umno dan BN yang ditanggapi telah mempergunakan badan itu untuk kepentingannya memenangi pilihan raya.

Ia lantas dengan sendirinya menjadikan rakyat tidak ada pilhan lain lagi selain harus menolak BN di kotak-kotak undi secara lebih menyeluruh demi menghentikan amalan memperguna SPR itu.

Jika itu apa yang bakal terhasil pada 9 Mei nanti, ucapan berbanyak-banyak terima kasih harus diberikan kepada SPR.

Shahbudin Husin ialah bekas wartawan akhbar dan penulis.

Berbeza parti, keluarga bukan gadaian

Oleh ARIF ATAN

BATU PAHAT: Calon Pakatan Harapan (PH) Dun Pulai Sebatang (N54), Taqiuddin Cheman berkata, perbezaan parti politik antara beliau dengan ayahnya, Che man Yusoh tidak menjaskan hubungan kekeluargaan.

Taqiuddin, 30, memberitahu keluarganya tetap harmoni walaupun ayah Ketua Pemuda AMANAH Johor berkenaan menjadi calon bagi Dun Sungai Balang (N16) mewakili Pas.

"Cukup-cukuplah kita pecah-belahan masyarakat kerana politik. Jangan pula keluarga dijadikan gadaian hanya kerana ego politik kita."

"Jangan pula melaga-lagakan sehingga seronok melihat ada keluarga yang berpecah belah lantaran nafsu politik. Saya bersyukur kepada Allah kerana keluarga saya tetap rukun dan harmoni walau kami berbeza parti," ujarnya dalam satu kenyataan.

Menurut Pengarah Pilihan Raya Pemuda AMANAH Nasional itu, ayah beliau memahami keputusannya meninggalkan Pas untuk menyertai AMANAH malah adik lelaki Taqiuddin turut berbuat demikian.

"Mak juga merestui keputusannya. Selalu juga beliau bertanya khabar dan singgah di page (Facebook) saya untuk memberikan komen-komen positif dan katakata semangat," ujarnya.

Mengulas reaksi ayahnya di sebuah akhbar yang menerima keputusan

beliau menyertai AMANAH walaupun sudah didekah dengan Pas seawal usia dua tahun, Taqiuddin berkata, peristiwa tersebut seolah-olah baharu sahaja berlaku semalam.



"Ya, masih saya ingat saat abah membawa saya ke segenap tempat untuk mendengar ceramah Pas. Penglibatan abah secara aktif di dalam Pas

juga akhirnya membawa saya terlibat sama di dalam dunia aktivisme politik terutamanya Pas.

"Saat susah getir membangunkan Pas juga masih segar dalam ingatan. Yalah, bukan mudah untuk orang menerima Pas waktu itu.

"Sehingga usia saya menjengah remaja, saya terus aktif dengan aktiviti kemasyarakatan dan politik," jelas anak sulung daripada tujuh beradik itu.

Sehinggakan, ujarnya, sebuah Pusat Asuhan Tunas Islam (Pasti) berjaya didirikan bersama rakan-rakan dan dinamakan sempena anak lelaki sulungnya, Izzuddin al-Qassam ketika aktif bersama Pas Johor Bahru.

"Walaupun saya berlatar belakangkan sekolah tafiz, namun saya selesa dilihat sebagai aktivis politik sahaja.

"Saya seronok kerana bukan sahaja saya boleh berkawan dengan masyarakat berbeza latar, saya juga boleh mendekati golongan yang berbeza latar ini," katanya.

Mengakui tersentuh membaca kenyataan ayahnya, Taqiuddin berkata, tindakannya meninggalkan Pas dan menyertai AMANAH selepas sebulan memper-



Taqiuddin Cheman (tiga dari kanan) bersama kesemua calon di bawah parliment Pontian.

timbangkannya adalah keputusan yang paling sukar dilakukan.

"Sehingga pada 2015, saat perpecahan di dalam Pas mula ketara, label-melabel mula membarah sehingga saya juga turut terpalit sama. Akhirnya, saya tiba di satu persimpangan di mana saya perlu membuat keputusan.

"Yalah dari kecil saya berjuang bersama Pas, terlalu banyak memori dan pengalaman yang saya ukir.

"Namun, saya yakin ia adalah sebahagian dari ijtihad politik. Saya memilih untuk menuju ke destinasi menggunakan kenderaan yang lain," ujarnya.

Walau apa sekali pun tanggapan orang lain, beliau memberitahu kedua-dua ibu bapanya tidak pernah menganggapnya sebagai anak derhaka hanya kerana menyertai AMANAH.

"Saya tetap menjalankan tanggungjawab selaku anak sulung keluarga.

"Di rumah, kami jarang berbual hal yang boleh menyebabkan kami berselisih pendapat. Kalau ada pun, saya sebagai anak perlu mengalah," tambahnya lagi.

Taqiuddin antara 22 calon Pemuda AMANAH pada PRU-14 ini yang akan bertanding di N54 Pulai Sebatang menggunakan logo PKR selaras dengan keputusan PH pada 6 April lalu.

Beliau akan menentang penyandang, Datuk Tee Siew Kiong dari BN dan calon Pas, Baharom Mohamad.

Sementara itu, Cheman, 63, yang merupakan bekas guru besar sekolah akan berentap dengan penyandang kerusi Dun Sungai Balang, Zaiton Ismail dan Na'im Jusri dari Keadilan.

Salahuddin hadapi pertandingan 4 penjuru



Salahuddin (dua dari kanan) bersama-sama calon PH N47 Dun Kempas, Datuk Osman Sapian (kanan) dan calon PH N46 Dun Perling, Cheo Yee How (tiga dari kanan).

Oleh AMNI JAGAT

PULAI: Timbalan Presiden AMANAH Salahuddin Ayub menghadapi pertan-

ding empat penjuru di Parlimen P161 Pulai menghadapi calon BN, Datuk Nur Jazlan Mohamad, Dr Mohd Mazri Yahya (Pas) dan Yap Keng Tak (Bebas).

Menurut Salahuddin, beliau yakin rakyat sudah mulai faham mengenai politik yang berlaku di negara ini.


"Rakyat tahu pertembungan ini hanya membabitkan dua parti sahaja yakni BN dan PH. Manakala selain daripada itu mereka hanya pengacau.

"Tujuan parti lain masuk bertanding adalah untuk memecahkan undi sahaja dan mereka bukan mahu menang," ujar beliau.

Salahuddin juga menyatakan rasa teruja apabila melihat kehadiran ramai penyokong di hari penamaan calon.

"Suasannya sedikit berlainan. Sewaktu saya bertanding dalam pilihan raya Umum ke-13 (PRU13) lalu, saya tidak lihat pelbagai kaum dapat bersama namun untuk kali ini suasannya berbeza, semua kaum dapat bersama," ujarnya.

Pada PRU13 lalu, Salahuddin yang



mewakili Pas tewas kepada calon BN Datuk Nur Jazlan Mohamad dengan majoriti 3226 undi daripada 100,490 pengundi berdaftar.

Presiden AMANAH bertanding 3 penjuru di Kota Raja

KOTA RAJA: Presiden AMANAH Mohamad Sabu disahkan sebagai calon Parlimen Kota Raja dan menghadapi pertembungan tiga penjuru melawan calon Pas, Mohamad Diah Baharun dan V Gunalan dari BN.

Ketiga-tiga mereka disahkan sebagai calon oleh pegawai pengurus pilihan raya pada jam 11.20 pagi, 28 April lalu.

Parlimen Kota Raja mencatat pertambahan pengundi bukan Melayu apabila dua peti undi di bawah parlimen Perlubuan Klang yang majoriti bukan Melayu dipindahkan ke kawasan ini melalui persempadan semula kawasan pilihan raya.

Pengundi bukan Melayu meningkat 56% berbanding 52% dalam pilihan raya umum (PRU) lalu.

Pengundi Melayu adalah 44% berbanding India 37% dan Cina 19% dari kira-kira 150,000 pengundi berbanding 130,000 dalam PRU13.

Mohamad Sabu ketika berucap selepas disahkan sebagai calon mengucapkan



Mohamad bersalam dengan penyokong Pas selepas disahkan sebagai calon PH di parlimen Kota Raja.

terima kasih kepada semua penyokong beliau.

Kata beliau, kekuatan PH dalam pilihan raya ini bukan kerana beliau tetapi kerana

penyokong dan pengundi kawasan ini.

"Jika saya tanding calon Bebas, adakah saya akan menang? Tidak," kata Mohamad.

Mohamad juga mengumumkan tiga anak bekas pemimpin besar Pas menjadi calon AMANAH dalam pilihan raya kali ini.

"Tiga anak tiga pemimpin besar Pas sebelum ini menjadi calon AMANAH dalam pilihan raya kali ini.

"Oleh itu, tidak ada sebab untuk orang Melayu takut untuk memberikan kepercayaan kepada PH dalam pilihan raya ini kerana anak ulama besar Pas kini bersama AMANAH," kata Mohamad di khemah PH selepas penamaan calon di Dewan MBSA Kemuning Utama, Klang.

Mereka ialah Nik Omar Nik Aziz di DUN Chempaka, Kelantan; Faiz Fadzil di Dun Permatang Pasir, Pulau Pinang dan Datuk Dr Mujahid Yusof yang akan mempertahankan kerusi parlimen Parit Buntar, Perak.

Khalid pertahan kerusi Shah Alam

Oleh ARIF ATAN
Foto SHAFFAWIE ROSLAN

SHAH ALAM: Penyandang dua penggal Parlimen Shah Alam, Khalid Abdul Samad sah berentap dengan BN dan Pas selepas menyerahkan borang pencalonan di Dewan Besar Tanjung Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) Seksyen 19, dekat sini, 28 April lalu.

Calon Pakatan Harapan (PH) itu dicabar Dr Mohd Zuhdi Marzuki (Pas) dan Datuk Azhari Shaari (BN).

Zuhdi dan Azhari masing-masing adalah Pengarah Operasi Pusat Penyelidikan Pas dan Ketua Umno Bahagian Shah Alam.

Bagi Dun Kota Anggerik (N.40), PH menampilkkan muka baharu, Najwan Halimi yang juga Timbalan Pengarah Majlis Sukan Negeri Selangor.

Beliau akan mencabar calon BN, Jumaerah Masdi yang juga Ketua Wanita Umno Bah-

agian Shah Alam dan penceramah kisah-kisah dari kubur, Ahmad Dusuki Abdul Rani (Pas).

Sementara itu, penyandang Dun Batu Tiga (N.41), Rodziah Ismail ditentang calon BN, Datuk Ahmad Mua'adzam Shah Ya'kop dan Abdul Halim Omar (Pas).

Ahmad Mua'adzam ialah Ketua Pemuda Umno Shah Alam manakala Abdul Halim adalah Setiausaha Badan Perhubungan Pas Selangor.

Kesemua senarai calon yang bertanding di kerusi panas di Selangor itu diisyithar Pegawai Pengurus Pilihan Raya Parlimen Shah Alam, Datuk Ahmad Zahri Abdul Samad pukul 10.50 pagi.

Kesemua calon PH akan menggunakan logo Keadilan pada PRU kali ini selaras dengan keputusan bersama gabungan AMANAH, Keadilan, PPBM dan DAP pada 6 April lalu.



Calon-calon PH bagi kerusi parlimen Shah Alam sebelum berarak ke pusat penamaan.

Infrastruktur jalan raya di Kota Raja akan dinaik taraf

KOTARAJA: Calon Pakatan Harapan (PH) di Kota Raja Mohamad Sabu mahu meningkatkan infrastruktur jalan raya di kawasan ini sekiranya diberikan mandat menjadi wakil rakyat.

"Isu utama di Kota Raja adalah masalah infrastruktur yang perlu dipertingkatkan kerana berlaku kerap banjir kilat.

"Ini kerana keadaan jalan raya ada kelelahan, ia perlu di perbaiki segera," ujarnya ketika berkempen mendekati golo-

ngan muda di Taman Seri Muda dalam kawasan Dun Sentosa.

Kawasan Parlimen Kota Raja bakal menyaksikan pertandingan tiga penjuru membabitkan Mohamad dengan calon BN V Gunalan dan calon Pas Mohamad Diah Baharun.

Mohamad yang juga Presiden AMANAH berkata, punca jalan raya di Kota Raja kurang sempurna kerana wujudnya kawasan industri.

Justeru katanya, tumpuannya akan diberikan untuk membaikkan infrastruktur jalan raya bagi mengatasi masalah banjir kilat.

"Di sini banyak kawasan industri yang menjadi punca kerosakan jalan kerana banyak lori pasir.

"Ini perkara normal berlaku bagi kawasan sebegini. Kita harap selepas pembentukan kerajaan baharu di Selangor dan terbentuknya kerajaan persekutuan kita

akan kaji secara menyeluruh berkaitan infrastruktur jalan raya di Parlimen Kota Raja ini hingga ke Sepang," ujarnya.

Kota Raja yang diwujudkan sejak 2004, kekal mempunyai hampir 50% pengundi Melayu. Pada mulanya ia dimenangi BN, kemudian Pas pada 2008 dan 2013 dengan majoriti lebih 20,000 undi.

Pada 2013, Mohamad bertanding di Pendang, Kedah tetapi kalah kepada wakil BN, Othman Abdul dengan majoriti 2,638 undi.

Pengerusi AMANAH Kedah ditentang BN & Pas

Oleh MOHD ALI HASHIM

KUALA KEDAH: Pengerusi AMANAH Kedah, Datuk Dr Ismail Salleh ditentang calon BN Abd Halim Said serta calon Pas Dr Ahmad Fakhruddin Fakrurazi yang juga Pesuruhjaya Pas negeri bagi kerusi Dewan Undangan Negeri (Dun) Pengkalan Kundor.

Sementara itu bagi kerusi Dun Kubang Rotan pula, Ketua Pemuda AMANAH Negeri Kedah, Mohd Asmirul Anuar Aris yang mewakili PH akan bersaing dalam pertandingan tiga penjuru.

Beliau akan ditentang calon BN Abdul Muthalib Harun yang juga Naib Ketua Umno Bahagian Kuala Kedah dan juga calon Pas, Omar Saad.

Manakala bagi kerusi Dun Anak Bukit pula, mantan ketua pembangkang negeri Kedah, Datuk Ir Amiruddin Ham-

zah yang mewakili PPBM-Keadilan menghadapi pertandingan tiga penjuru.

Ir Amiruddin ditentang calon BN Johari Aziz yang juga Setiausaha Umno Bahagian Kuala Kedah serta calon Pas, Hamdi Ishak yang juga Pengurus Persatuan Peguam Syarie Kedah.

Bagi kerusi Parlimen Kuala Kedah pula, mantan Ahli Parlimennya, Dr Azman Ismail akan mempertahankan kerusi yang pernah dimenanginya dalam pilihan raya umum (PRU) lalu.

Beliau akan ditentang calon BN Datuk Abdullah Hasnan Kamaruddin dan calon Pas Muhamad Riduan Othman.



Calon PH Kuala Kedah, Mohd Asmirul Anuar Aris (dua dari kanan), Dr Azman Ismail, Datuk Dr Ismail Salleh dan Datuk Ir Amiruddin Hamzah.

Bimbang masa depan negara, Prof Harlina turun berkempen

Oleh ATRIZA OMAR

KOTA BHARU: Pensyarah perubatan dan motivasi terkenal, Prof Dr Harlina Halijah Siraj antara tokoh yang turun berkempen dalam pilihan raya ini kerana bimbang dengan masa depan negara.

Beliau berkempen untuk calon Pakatan Harapan (PH) di Tanjung Mas yang juga besannya, Dr Hafidzah Mustakim.

"Saya sudah 26 tahun mengenalinya. Beliau bukan hanya menunjukkan apa yang dirinya boleh dapat, tetapi beliau juga memastikan lapan anaknya juga berjaya," kata Dr Harlina ketika merujuk kepada Dr Hafidzah, yang sebelum ini dinobatkan sebagai tokoh wanita Kelantan.

Sehubungan itu, Harlina menyeru pengundi Tanjung Mas agar memilih wakil rakyat seperti Dr Hafidzah.

"Saya merasakan pengundi-pengundi

di sini amat bertuah dan perlu merasa bangga jika Dr Hafidzah sampai ke Dewan Undangan Negeri (Dun) Kelantan," ujarnya.

Sebagai seorang ahli akademik, beliau melihat serta memikir sesuatu dengan fakta dan risau dengan masa depan negara.

Katanya, terdapat dua kaji selidik berkaitan rasuah yang dilaporkan pada tahun 2017.

"Ini yang kadang-kadang saya rasa sakit hati. Ada perkara yang mereka tidak mahu rakyat Malaysia tahu, mereka cerita di tempat yang jarang dibaca (akhbar Bahasa Inggeris)," jelasnya kesal.

Menurutnya, soal selidik yang dibuat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) terhadap para pelajar universiti mendapati peratusan yang sanggup menerima rasuah apabila berpeluang atau mempunyai kuasa meningkat saban tahun.

Tambah beliau, laporan itu menyatakan melalui 1000 orang mahasiswa dan mahasiswa yang disoal pada 2015 dan 2016, 10.7%

pelajar mengatakan ya pada 2015 dan meningkat kepada 16% pada 2016.

Mereka yang sanggup memberi rasuah pula, katanya meningkat 17% pada 2015 kepada 18.5% pada 2016.

Sebagai seorang ahli akademik, beliau cukup panik melihat hasil maklum balas kajian ini.

"Maknanya anak-anak kita belum lagi keluar bekerja, tetapi mereka sudah merasakan rasuah itu sesuatu yang OK... tak kisah" katanya.

Beliau turut menjelaskan hasil kajian Institut Integriti Malaysia (IIM) pada 2017 berhubung persepsi pelajar terhadap rasuah.

"Sejumlah 402 orang pelajar di universiti seluruh Malaysia ditanya soalan jika seseorang itu menerima hadiah dalam bentuk wang ringgit atau barang atau perkhidmatan, untuk mendapatkan sesuatu, adakah itu dianggap rasuah?


"Sejumlah 35.8% mengatakan bukan rasuah. Ini bermakna anak-anak kita di universiti mudah menerima rasuah," tegasnya.

Beliau menyifatkan perkembangan ini sebagai membimbangkan kerana para pelajar ini bakal memimpin negara.

"Siapa yang menjadi role model dan menjadi contoh teladan mereka sehingga merasakan rasuah ini sesuatu yang boleh?" soalnya di hadapan hadirin.

Sehubungan itu beliau mengambil keputusan untuk turun berkempen bagi memberi kesedaran kepada masyarakat khususnya pengundi tentang bahaya yang bakal mereka hadapi.

"Sampai bila saya nak duduk dalam bilik berhawa dingin, kerusi yang empuk itu. Sedangkan apa yang berlaku dalam masyarakat ini perlu kepada pemberaan," tegasnya.



26 ahli Umno Temerloh sertai AMANAH



Wakil 26 ahli Umno Temerloh menyerahkan borang penyertaan AMANAH kepada Anuar Tahir.

TEMERLOH: Seramai 26 ahli Umno Temerloh menyerahkan borang menyertai AMANAH dan berikrar menyokong PH pada pilihan raya umum ke-14 (PRU14) ini.

Penyerahan borang itu dibuat sempena pembukaan Bilik Gerakan PH di Bukit Cermin dalam kawasan Dun Mentakab, baru-baru ini.

Majlis pembukaan bilik gerakan tersebut mendapat sambutan penduduk setempat.

Borang penyertaan 26 bekas ahli Umno itu diserahkan kepada Setiausaha Agung AMANAH Mohd Anuar Tahir yang juga calon AMANAH-Keadilan Parlimen Temerloh.

Sejurus penyertaan 26 bekas ahli Umno itu, AMANAH Cawangan Bukit Cermin ditubuhkan.

"Ini menunjukkan angin perubahan yang berlaku sekarang adalah merentas ideologi politik dan pelbagai latar belakang masyarakat yang pastinya mahu melihat Malaysia bebas daripada pencuri dan nama baik negara dapat dipulihkan," kata Mohd Anuar.

Bekas SU Akhbar Tuan Guru Nik Aziz calon AMANAH

KOTA BHARU: Bekas Setiausaha Akhbar Almarhum Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat, Dr Fauzi Zakaria turut diumukan sebagai calon Pakatan Harapan Kelantan dalam satu majlis di Kadok, 26 April lalu.

Pengerusi PH Kelantan, Husam Musa yang memperkenalkan semua calon dalam ucapannya berkata, Dr Fauzi ialah salah seorang daripada lima lulusan doktor falsafah (PhD) dalam senarai calon itu.

"Kita kemukakan team terbaik dalam satu pasukan berwawasan untuk dipilih rakyat.

"Kita yakin hidangan kita (senarai calon) jauh lebih baik dari Pas mahupun BN," katanya.

Calon-calon PH, katanya memiliki gabungan pelbagai latarbelakang bagi mengendalikan sebuah kerajaan untuk menjayakan aspirasi rakyat.

"Kita kemukakan 6 doktor perubatan, 3 peguam, 5 pemegang ijazah doktor falsafah, tokoh-tokoh guru, bekas peng-



Husam dalam sidang media mengumumkan calon PH di Kadok.

erusi suruhanjaya pilihan raya (SPR), pegawai kanan agensi ekonomi, 3 aktivis tuntutan royalti, ulama, bekas pegawai kerajaan tempatan dan mereka yang rapat dengan masyarakat bawah.

"Paling menarik untuk pertama kali dalam sejarah, kita kemukakan Orang Asli sebagai calon bagi menunjukkan keseriusan kita dalam membela golongan itu," katanya.

PH serasi pendekatan politik arwah ayah, kata Nik Omar

PENGKALAN CHEPA: Meskipun tidak mengambil bahagian dalam politik ketika Almarhum Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat, anakandanya Nik Omar mengakui sentiasa mengikuti rapat gerak gerik politik bekas Mursyidul Am Pas itu.

Menurut Nik Omar, dalam konteks politik semasa, Pakatan Harapan (PH) lebih serasi dengan pendekatan politik arwah Tok Guru Nik Abdul Aziz.

"Saya hormati pendirian Pas untuk berada di luar mana-mana pakatan BN atau PH."

"Tapi saya yakin bersama PH lebih mendekati cara ayah saya berpolitik," katanya pada sidang media khas PH Kelantan selepas proses penamaan calon berakhir, 28 April lalu.

Nik Omar sebelum itu mengemukakan kertas pencalonannya di Pusat Sumber



Nik Omar Nik Abdul Aziz

Pendidikan Pengkalan Chepa.

Beliau bakal berhadapan calon Pas, Nik Mohd Fathan dan calon BN, Fareez.



AMANAH Kelantan kemuka semua muka baru kecuali Husam

KOTA BHARU: AMANAH Kelantan yang bertanding di 23 kerusi Dun dan 6 kerusi parlimen menurunkan semua muka baru kecuali Naib Presiden AMANAH Husam Musa.

Pengerusi AMANAH Kelantan Wan Abdul Rahim Wan Abdullah berkata, ini rekod baru ketika parti-parti lain Pas dan Umno terus menurunkan 'pemain lama' masing-masing.

"Tokoh-tokoh terkenal masyarakat sep-

erti cicit Tok Kenali Dr Ahmad Kamil Abdullah, Datuk Dr Abdul Halim Yusof, Dr Fauzi Zakaria dan Dr Hafidzah Mustakim, kita kemukakan sebagai peneraju baru politik Kelantan," katanya ketika ditemui selepas majlis penyampaian watikah dari Keadilan kepada calon-calon AMANAH Kelantan, 27 April lalu.

Wan Rahim sendiri tidak bertanding kali ini. Begitu juga timbalannya Muhammad Husin yang pernah menyandang ahli parlimen Pasir Puteh (1999-2004).

Wan Rahim turut mengumumkan kejut-

an besar yang bakal berlaku di parlimen Pengkalan Chepa ketika penyerahan kertas pencalonan esok.

"Jika berlaku, ia bukan sahaja memberi impak kepada politik Kelantan malah membantu rakyat seluruh negara membuat perubahan politik," katanya.

Dalam perkembangan berkaitan anak lelaki sulung Almarhum Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat, Ustaz Nik Omar Nik Abdul Aziz menyerahkan kertas pencalonan bagi kerusi Dun Chempaka bagi mewakili AMANAH-Keadilan.

Tiga penggerak Pas Dun Kelaboran keluar parti



Mohd Saifullah Che Mat

TUMPAT: Pas Kelantan menerima tam-tamparan apabila tiga pemegang jawatan utamanya di kawasan Dewan Undangan Negeri (Dun) Kelaboran meninggalkan parti dan menyertai Pakatan Harapan (PH).



Mereka ialah Ketua Pemuda Dun Kelaboran Mohd Saifullah Che Mat, setiausaha Dun dan setiausaha Jentera Pilihan Raya Dun Kelaboran.

Mohd Saifullah yang juga seorang peguam mengisyiharkan diri keluar daripada Pas jam 2 petang, 26 April lalu dan menyatakan pendirian menyokong PH.

Malam sebelumnya, Pas mengisyiharkan bertanding di semua 14 kerusi parlimen dan 45 kerusi Dun di Kelantan.

Perisyiharan dibuat presiden Pas Datuk Seri Abdul Hadi Awang di perkarangan Stadium Sultan Muhammad ke-IV.

Menteri Besar Datuk Ahmad Yakob dan Timbalannya Datuk Mohd Amar Abdullah masing-masing kekal mempertahankan kerusi Dun Pasir Pekan dan Panchor.

Timbalan presiden Pas Datuk Tuan Ibrahim Tuan Man diberi laluan bertanding di kerusi parlimen Kubang Kerian manakala setiausaha Majlis Syura Ulama Pas Nik Muhammad Zawawi Nik Salleh bertanding di kerusi parlimen Pasir Puteh.

Selain itu Setiausaha Agung Pas Datuk Takiyuddin Hassan serta Siti Zailah Mohd Yusoff masing-masing mempertahankan kerusi parlimen Kota Bharu dan Rantau Panjang.

Rakyat Terengganu bangkit bersama sokong PH

Oleh AKMAL HAZIQ

DUNGAN: Pengurus Pakatan Harapan (PH) yang juga calon Parlimen Langkawi, Tun Dr Mahathir Mohamad teruja dengan jumlah kehadiran rakyat Terengganu pada program Jelajah PH Terengganu, dekat sini, 1 Mei lalu.

Kata beliau, jumlah ribuan orang yang hadir pada malam itu sesuatu yang luar biasa untuk program politik di negeri itu sepanjang ingatan beliau, melainkan program yang dianjurkan Pas.

Calon Perdana Menteri PH itu berkata, dalam perjalanan ke tapak program, beliau melihat begitu banyak poster BN dan Pas di merata tempat, tetapi apa yang lebih penting adalah jumlah orang yang menyokong dan yang akan mengundi sesuatu parti itu.

Beliau yakin, melihat kepada sambutan pada program Jelajah PH itu, rakyat Terengganu akan bersama dengan rakyat di negeri-negeri di Pantai Barat bangkit menumbangkan BN.

Beliau turut mengingatkan pengundi di Terengganu tentang pentingnya pilihan raya umum ke-14 (PRU14) bagi memulihkan semula pentadbiran dan perjalanan negara.

"Kali ini kita mengundi bukan untuk mendapatkan pembangkang yang kuat bagi menegur kesilapan kerajaan, tetapi kita mahu menukar kerajaan

yang ada.

"Kita mahu tukar kerajaan yang dipimpin oleh penyangak dan pencuri," kata beliau.

Turut serta dalam program Jelajah PH Terengganu itu Presiden AMANAH Mohamad Sabu, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Pengurus PH Terengganu

Datuk Raja Kamarul Bahrain Shah Raja Ahmad, wakil Bersih Hishamuddin Rais serta para pemimpin PH Terengganu.

Sebelum itu dalam ucapan beliau, Raja Bahrain mengingatkan pengundi-pengundi di Terengganu tentang isu yang perlu diberi perhatian oleh pengundi Terengganu untuk membuat pertimbangan pada hari mengundi nanti.

Antara isu yang beliau bangkitkan adalah pembaziran kerajaan BN yang memerintah, kegagalan kerajaan membela nasib nelayan, warisan Melayu Terengganu yang terabai dan kepincangan pembangunan negeri.

Mohamad Sabu juga turut berpuas hati dengan sambutan yang ditunjukkan oleh rakyat Terengganu, khususnya di Dungun terhadap PH dan beliau yakin jika trend seperti itu berterusan, kerajaan BN pimpinan Najib Razak dapat ditumbangkan.

Pada malam itu juga, PH Terengganu turut mengumumkan calon-calon yang bertanding di seluruh negeri Terengganu bagi kerusi Parlimen dan kerusi Dewan Undangan Negeri (Dun).

Pemimpin PH di atas pentas utama.



Kehadiran luar biasa orang ramai menandakan gelombang perubahan di negeri Darul Iman.



Ketibaan Tun Mahathir di lapangan terbang Kuala Terengganu disambut Raja Bahrain dan Pengurus Keadilan Terengganu Azan Ismail (dua dari kiri).



Ribuan penduduk Dungun hadir pada majlis Jelajah PH.



Tun Mahathir teruja dengan kehadiran orang ramai.

Nobody is interested in Arul's fairy tales on 1MDB

By LIM KIT SIANG

NEW Straits Times today (2 May) carried an extraordinary headline: "Ask me anything, Arul Kanda tells DAP leaders' on the invitation of the 1MDB Chief Executive Officer Arul Kanda Kandasamy to DAP leaders to a townhall session in Penang to explain issues about the 1MDB.

Let me tell Arul – that he is at least two years too late. Furthermore, nobody is interested in Arul's fairy tales about the 1MDB scandal, as the Prime Minister, Datuk Seri Najib Razak, should step forward to account fully for the 1MDB "kleptocracy at its worst" which has landed Malaysia with the ignominy, infamy and iniquity as a global kleptocracy!

In the past 16 days, Arul was suddenly holding court almost everyday, purportedly seeking to explain the various facets of the octopian 1MDB money-laundering scandal.

I was surprised that Arul had suddenly become a daily publicity-seeker on the 1MDB scandal but now it is obvious it was all part of Najib's 14th General Election strategy to pull the wool over everybody's eyes, neutralise any Pakatan Harapan offensive on the 1MDB scandal and to remove the sting from multi-faceted octopian scandal of the 1MDB "kleptocracy at its worst" – to use the description of the United States Attorney-General Jeff Sessions.

Why didn't Najib, who must legally, politically and personally bear full responsibility for the 1MDB scandal, tell Malaysians and the world in the past three years: Ask me anything about the 1MDB?

Instead, even Parliament was prevented from probing the truth of the 1MDB scandal, and MPs were not allowed to ask questions or debate the 1MDB scandal.

I was twice suspended from Parliament

for six months, both occasions basically related in the 1MDB scandal. In the last meeting of the 13th Parliament, I was virtually treated as a parliamentary "ghost" by the Speaker and the Deputy Speakers who claimed that they could not see me although I was sitting in the parliamentary front row and attended Parliament daily and diligently for the last six days of the meeting.

Now suddenly, the 1MDB wanted to explain everything about the "kleptocracy at its worst" although they were doing their utmost for over three years to keep the scandal under wraps.

Even the Parliamentary Public Accounts Committee (PAC) was not allowed to probe Najib's role in the 1MDB scandal, which is why Najib dared not accept my challenge for him to publicly quote chapter and verse in the PAC Report on 1MDB where the PAC had cleared him of any wrongdoing in 1MDB!

But the present preparedness to tell everything about the octopian 1MDB scandal did not come from Najib, but from the highly-paid 1MDB hack, the 1MDB CEO Arul Kanda Kandasamy.

Before Arul deserves any attention, let him declare how much remuneration he had received for being 1MDB CEO, not only his monthly pay and allowances, but all the perks and privileges he received and would be receiving as 1MDB CEO and all other agreed terms of his remuneration.

Is Arul prepared to declare all the remuneration he had received and would be receiving as 1MDB CEO, performing the role as public defender of the octopian 1MDB kleptocracy?

Strangely enough, thanks to Arul, the octopian 1MDB "kleptocracy at its worst" has returned to the forefront of issues for the 14th General Election.

I challenge everyone of the 730-odd



Arul Kanda

Barisan Nasional parliamentary and state assembly candidates to declare before Polling Day on Wednesday, 9th May 2018 that they want full investigations into the international 1MDB money-laundering scandal, which spans the globe, causing Malaysia the ignominy, infamy and iniquity of a global kleptocracy.

This will be a crucial test as to whether the 730-odd BN parliamentary and State assembly candidates are men and women of principle and substance who are prepared to subordinate their self-interests of being elected as MP or State Assembly representative to the greater interests of saving Malaysia from becoming a kleptocratic state and rogue democracy.

Let us see whether there is anyone among the 730-odd BN parliamentary and State assembly candidates, whether from Umno, MCA, MIC, Gerakan or anyone of the Sarawak and Sabah component

parties of Barisan Nasional who are prepared to break ranks with Najib because the Umno/BN leadership must bear full and final responsibility for the 1MDB scandal and Malaysia becoming a global kleptocracy.

Najib believes that he could get away from full accounting for the 1MDB scandal in the 14th general election, by allowing Arul to run riot on his 1MDB roadshow, obfuscating and censoring detailed examination and debate of what the US Attorney-General Jeff Sessions had described as "kleptocracy at its worst".

If Najib succeeds in burying the 1MDB scandal as an important issue in the 14th General Election, the 1MDB scandal would become not only the "heist of the century" but the biggest electoral fraud in Malaysian history.

■ **Lim Kit Siang is DAP parliamentary candidate for Iskandar Puteri.**

Where is democracy if we don't follow the rules?

By TK CHUA

LOOKING at the events unfolding each day in the run-up to the general election, I wonder what kind of country Malaysians will end up with.

Democracy is about seeking power through rules. If we don't follow the rules, there is no democracy. It is only the law of the jungle and raw power.

Already, supporters of different political parties are engaging in altercations and fights. But can we blame them for this?

The rules must be fairly and judiciously applied, otherwise it is better not to have them.

Unfairness and injustice are painful things. When people see the gross defilement of fairness and justice, they get agitated. When people see the gross violation of rules, they lose hope. They can't see how rules will continue to protect them if they behave.

We Malaysians must maintain that we are a progressive democracy even if bankrupt politicians or their political parties choose to tell us otherwise. We

are not a guided democracy, a dictatorship or a theocracy. The people will decide on the government, period – no ifs and buts.

We have every right to feel outraged. In the past, violation of rules was usually done covertly. Now, it is done openly without shame or having to face the consequences. Just look at the money being thrown around or promised. Just look at the arbitrariness with which decisions were made.

It is a big slap to all of us. Seriously, if we fail to stop the rot now, it will be

even more difficult next time.

There must be consequences for those who choose to violate the rules and rob us of our democratic rights. They cannot be allowed to get away with it.

I guess anyone with some intelligence would know who the abusive ones are, who have perpetrated injustice, and who have tried to corrupt the people. All of us must feel outraged enough to completely obliterate them. - FMT

■ **TK Chua is an FMT reader.**

Politik air mata Mahathir

Oleh IZMIL AMRI

MAHATHIR tidak peduli kalau awak ketawa menonton klip filem pendek dialognya dengan seorang anak kecil yang sedang kian tular di media sosial.

Mahathir tidak menangis untuk tontonan awak. Mahathir menangis untuk mereka yang terkesan dengan politik air mata Mahathir. Dan mereka yang terkesan dengan titis air mata Mahathir akan bertindak di luar jangkaan awak yang ketawa dengan politik air mata Mahathir.

Perdana Menteri Sementara, Datuk Seri Najib Razak beserta aparat media sosialnya berkenduri sakan dengan klip air mata Mahathir itu. Tanpa sedar, mereka menyebarkan rakaman terbabit kepada kumpulan sasaran Mahathir.

Sambil ketawa dan bersuka-ria, Najib Razak, Barisan Nasional dan seluruh jentera yang diberi makan olehnya telah menyebarluaskan propaganda pihak lawan. Mereka tuduh Mahathir berlakon, mereka ketawakan beliau secara berjemaah.

Apa yang mereka tidak sedar ialah Barisan Nasional tidak ada jawapan kepada politik air mata Mahathir. Mereka cuma tahu ketawa, dan mereka sangkakan itu respon yang betul. Alangkah malangnya mereka ini.

AKAL MELAWAN HATI

Sudah banyak kali kita berbincang tentang bagaimana politik itu adalah pertembungan



antara pertimbangan akal dan hati.

Emosi dan logika sering tidak sekata, tetapi dalam pilihan raya kali ini, nampaknya kelaziman itu tertangguh seketika.

Jangan tersalah faham, PRU ke-14 bukan soal memilih wakil rakyat atau mempertimbangkan manifesto siapa yang lebih menarik. PRU ke-14 sebenarnya adalah soal kehendak dan iradat rakyat Malaysia.

Rakyat Malaysia mahu harga barang turun. Kita mahu lebuhraya bebas tol. Kita mahu khidmat kesihatan dan pendidikan yang tidak menjadi beban kewangan. Kita mahu anak muda punya peluang pekerjaan. Kita mahu penjawat awam berhenti makan rasuah, melayan keperluan orang ramai dengan ramah dan tidak marah-marah.

Kita inginkan sebuah negara yang aman makmur sentosa bahagia, tanpa rakyatnya bermusuhan hanya kerana berlainan keturunan dan agama.

Kita tidak mahu dibebani cukai di saat

pendapatan tidak mencukupi untuk dibuat simpanan. Kita tidak mahu agama dan kaum jadi modal politik murahan. Kita juga tidak mahu kedaulatan negara dijadikan barang gadaian.

Rakyat Malaysia mahu melihat mereka yang bertanggungjawab ke atas semua kecelakaan ini dibawa ke muka pengadilan. Dan di atas semua ini, kita pastinya tahu bahawa rakyat Malaysia sudah tidak mahu United Malays National Organisation kekal menerajui kerajaan.

SENTIMEN AKAR RUMPUT MELAYU-ISLAM

Kehendak yang paling akhir itu sebenarnya intipati PRU ke-14 ini. Umno akan terus kekal berkuasa melainkan kuasa politik orang Melayu membuat keputusan untuk membakalsampahkan parti itu.

Inilah faktor yang kita sebut sebagai 'tsunami Melayu' ñ gelombang yang lambat sepuluh tahun.

Air mata Mahathir menitis untuk mereka yang ikut bersama gelombang ini. Bukan sahaja mereka yang sudah ikut serta, bahkan yang masih teragak-agak pun ikut cair sama, berkongsi video itu atau sebagiannya di media sosial, bertanyakan siapa potong bawang sehingga air mata mereka juga menitis.

Itu belum dicampur faktor Nik Omar dan kesannya terhadap pengundi Pas.

Selain video air mata Mahathir, turut tular dan menyumbang kepada gelombang perubahan ini adalah beberapa rakaman anak sulong Almarhum Tuan Guru Nik Aziz Nik Mat ini yang berjaya mengusik jiwa mereka yang merindui Pas di zaman mantan menteri besar Kelantan itu.

Pada tutur kata Nik Omar, mereka temukan jiwa Nik Aziz. Jiwa yang telah ghaib dari politik Pas sejak Almarhum meninggal dunia, dan kemudian mengakibatkan Pas mengubah pendekatan politik mereka menjadi mesra Umno.

Namun soalnya kini, cukupkah air mata Mahathir dan santun kata Nik Omar untuk mendorong tsunami yang lambat sepuluh tahun ini melanggar kubu-kubu Barisan Nasional?

Dengan sembilan hari berbaki, pastinya rakyat Malaysia sudah tidak sabar-sabar lagi untuk memberi jawapan kepada persoalan itu, dan mengusung Umno keluar dari takhta Putrajaya. - Roketkini.com

Subsidi minyak: Najib buli rakyat

Oleh RAFIZI RAMLI

HARGA minyak RON95 yang tidak naik sejak sebulan lalu menimbulkan banyak tanda tanya di kalangan orang ramai, terutamanya dalam keadaan harga minyak mentah dunia telah naik melambung.

Harga minyak mentah telah melonjak naik dari USD67.64 setiap tong pada 2 April iaitu sebelum parlimen dibubarkan, kepada USD75.17 setiap tong PADA 30 April (iaitu peningkatan 11% dalam tempoh sebulan).

Anehnya, harga RON95 yang ditetapkan secara mingguan oleh pentadbiran Najib tidak pula menunjukkan perubahan dan kekal pada harga RM2.20 seliter untuk RON95 bagi empat minggu berturut. Itu memberi gambaran bahawa Najib secara senyap-senyap telah memperkenalkan

kembali subsidi minyak semata-mata untuk menang dalam pilihan raya ini sedangkan beliau juga yang cukup memusuhi subsidi minyak sebelum ini.

Saya telah membuat kiraan berdasarkan formula penetapan harga yang digunakan kerajaan sendiri untuk melihat berapa harga minyak yang sebenarnya sejak 4 minggu yang lalu. Harga minyak mentah dan kadar tukaran wang diperolehi dari sumber Bloomberg, sementara harga rujukan MOPS95 yang digunakan kerajaan diambil dari penerbitan Australian Institute of Petroleum.

Berdasarkan formula yang digunakan kerajaan sendiri, harga RON95 pada 2 Mei sepatutnya RM2.38 seliter iaitu naik 18 sen dari harga yang ditetapkan kerajaan.

Sementara saya



Selama ini, Najib membohongi rakyat apabila beliau berdegil mahu menghapuskan subsidi minyak atas alasan kerajaan tidak berkemampuan untuk menanggung lagi subsidi petrol dan diesel. Beliau juga mencanang kononnya menaikkan harga minyak apabila subsidi dihapuskan adalah satu tindakan yang bertanggungjawab..."

mengalui-alukan keputusan mengembalikan subsidi untuk mengelakkan kenaikan mendadak harga petrol dan diesel, tindakan memanipulasi penetapan harga minyak mingguan demi meraih undi ini adalah satu tindakan membili rakyat.

Selama ini, Najib membohongi rakyat apabila beliau berdegil mahu menghapuskan subsidi

minyak atas alasan kerajaan tidak berkemampuan untuk menanggung lagi subsidi petrol dan diesel. Beliau juga mencanang kononnya menaikkan harga minyak apabila subsidi dihapuskan adalah satu tindakan yang bertanggungjawab.

Apabila Najib sendiri yang menggunakan kaedah subsidi untuk menstabilkan harga

minyak sepanjang musim pilihan raya ini walaupun harga minyak mentah dunia naik melambung, itu mengesahkan kebenaran pendirian Pakatan Harapan bahawa harga minyak boleh diturunkan dan distabilkan melalui subsidi.

Tindakan menarik balik dan memberikan kembali subsidi minyak sesuka hati ikut kemahuan Perdana Menteri adalah satu tindakan yang membili rakyat. Apabila rakyat tidak lagi boleh bergantung kepada satu peraturan yang tetap kerana ia diubah-ubah mengikut kepentingan Najib, ia samalah seperti rakyat dibuli oleh kerajaan kerana nasib rakyat bergantung kepada cita rasa kerajaan pada ketika itu.

Penulis ialah Naib Presiden Keadilan.



Hari penamaan calon meriah dengan sorakan penyokong

Laporan MOHD ALI HASHIM, HUSIN MAHAT, BASHIR ISHAK
Foto MOHD SYAFIQ ISKANDAR, WAN ZAHARI SALLEH

HARI penamaan calon pilihan raya umum ke-14 (PRU14) yang berlangsung 28 April lalu meriah dengan kehadiran para penyokong parti-parti bertanding. Hadir mengiringi calon masing-masing ke pusat penamaan calon, para penyokong parti-parti bertanding bertukar-tukar slogan dan laungan bersemangat sementara menunggu pegawai pengurusan pilihan raya mengumumkan nama calon-calon yang bertanding.

Di POKOK SENA, Kedah Datuk Mahfuz Omar sekali lagi diberi kepercayaan oleh Pakatan Harapan (PH) untuk mempertahankan kerusi Parlimen Pokok Sena yang pernah dimenangnya pada PRU lalu.

Selesai penamaan calon di Pejabat Daerah dan Tanah Pokok Sena, Mahfuz diisyiharkan akan ditentang calon BN, Dato Said Ali Syed Rastan serta Radhi Mat Din (Pas).

Bagi kerusi Dun Bukit Lada pula, calon PH Mohd Aizad Roslan ditentang tiga lagi calon iaitu Datuk Ariffin Man (BN), Salim Mahmood Al Hafiz (Pas) dan Datuk Ismail Othman (Bebas).

Sementara itu untuk kerusi Dun Bukit Pinang pula, calon PH, Che Mat Dzaher Ahmad akan ditentang oleh calon BN, Dr Mohammad Nawar Ariffin serta calon Pas Wan Romani Wan Salim.

Untuk kerusi Dun Derga pula, Tan Kok Yew yang mewakili PH akan mempertahankan kerusi yang pernah dimenangnya dalam PRU yang lalu.

Calon BN pula ialah Dr Cheah Soon Hai dan calon Pas ialah Yahya Saad.

Di BUKIT MERTAJAM, proses penamaan calon Parlimen Permatang Pauh berjalan lancar di Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) Berapit, Bukit Mertajam.

Calon-calon PH Nurul Izzah Anwar (Keadilan - P044 Permatang Pauh), Dr Afif Bahardin (Keadilan - N10 Seberang Jaya), Norlela Ariffin (Keadilan

- N12 Penanti) dan Faiz Fadzil (AMANAH - N11 Permatang Pasir) tiba dengan diiringi hampir 1,000.

Di GOMBAK, Selangor, para penyokong parti yang bertanding berkumpul di hadapan Dewan SMK Sungai Pusu bagi menyatakan sokongan kepada calon yang bertanding.

Para penyokong BN, PH, Pas dan Bebas hanya dipisahkan dengan tape keselamatan.

Sekitar jam 10.30 pagi Pegawai Pengurus Pilihan Raya, Amirul Azizan Abdul Rahim mengumumkan nama-nama calon bagi kawasan pilihan raya Gombak.

Timbalan Presiden Keadilan, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali bertanding di P098 Gombak. Beliau bakal dicabar Datuk Abdul Rahim Pandak Kamarudin (BN) dan Ir Khairul Nizam Khairudin (Pas).

Bagi N17 Gombak Setia, Mohd Hilman Idham (Keadilan) berhadapan pertandingan tiga penjuru dengan Datuk Megat Zulkarnain Omar Din (BN) dan Hasbullah Mohd Ridzuan (Pas).

Di N18 Hulu Klang, calon AMANAH-Keadilan Saari Sungip ditentang Ismail Ahmad (BN) dan Kamalul Hisham Mohd Suhut (Pas).

Bagi N16 Sungai Tua, calon Keadilan Amirudin Saari akan berhadapan pertandingan empat penjuru berhadapan Datuk M Ravisandran (BN), Mohamad Ibrahim @ Ustaz Mat Cina (Pas) dan Badrul Hisham Mat Zin (Bebas).

Di SUNGAI BESAR, Tiga calon PH di kerusi P93 Sungai Besar, N03 Sungai Panjang dan N04 Sekinchan akan berhadapan pertandingan tiga penjuru dengan calon BN dan Pas.

Muslimin Yahaya mewakili PPBM-Keadilan di P93 Sungai Besar manakala Naib Pengurus AMANAH Selangor Mariam Abdul Rashid (AMANAH-Keadilan) di N03 Sungai Panjang dan Ng Suee Lin (DAP-Keadilan) di N04 Sekinchan.

Semua calon mewakili PH, BN dan Pas sudah berada di pusat penamaan calon di Dewan Sri Bernam, Sungai Besar seawal jam 8.45 pagi.

Pegawai Pengurus Pilihan Raya Khairuddin Maksom mengisyiharkan nama calon-calon yang bertanding pada jam 11.00 pagi.





Calon-calon PH bagi kawasan pilihan raya Sungai Besar bergambar bersama penyokong.



Calon-calon PH bagi kawasan parlimen Tanjung Piai bergambar sebelum berarak ke pusat penamaan calon.



Calon-calon PH bagi kawasan parlimen Jasin tiba di pusat penamaan calon.



Calon-calon PH Padang Besar dari kiri Che Mazlina Che Yob (AMANAH-N05 Santan), Poziyah Hamah (Keadilan-N03 Chuping), Izizzam Ibrahim (PPBM-P.001 Padang Besar), Wan Kharizal Wan Khazim (AMANAH-N02 Beseri), Teh Seng Chuan (DAP-N01 Titi Tinggi) dan Lt Kol (B) Azhar Omar (PPBM-Mata Ayer).



Para penyokong PH dari pelbagai kaum sabar menunggu perisytiharan calon di IKBN Berapit, Bukit Mertajam.

PROMOSI TERBARU!!

**JOM IKLAN DENGAN
MINGGUAN AMANAH
SERENDAH RM500
SATU MUKA**

**Mingguan Amanah
meluas ke Singapura,
Sabah dan Sarawak**

**Percuma Mingguan
Amanah setiap keluaran
untuk anda**

**UNTUK PAKEJ
IKLAN YANG
LAGI MENARIK
HUBUNGI:
011 3233 4322**

6 Semua calon AMANAH
lulus cemerlang

10 Halang Suhakam:
Pengerusi SPR patut malu

14 Poster Tun M dikoyak,
presiden China dibiarkan

ms 30&31

Hari penamaan
calon meriah

PP18978/03/2016(034450)


Amanah *Mingguan*

BIL 101 | 6 - 12 MEI 2018

UNDI MELAYU BN JATUH MERUDUM

10 HARI menjadi hari mengundi, kaji selidik yang dibuat oleh Invoke mendapati sokongan orang Melayu untuk BN jatuh merudum kepada hanya 18.1% sahaja. Undi Cina BN pula hanya 9.3% manakala India tinggal 18.7% sahaja.

Kini pecahan pengundi atas pagar paling besar iaitu Melayu (50.7%), Cina (66.3%) dan India (46.9%) yang boleh pergi kepada mana-mana parti dalam PRU 14 ini, kata pengasasnya Rafizi Ramli.



SOKONGAN PENGUNDI UNTUK BN

Laporan penuh
muka 2

Penurunan ketara undi Melayu untuk BN membayangkan tsunami bakal berlaku dalam PRU 14.

WAKTU SOLAT							
BAGI ZON KUALA LUMPUR DAN KAWASAN-KAWASAN YANG SEWAKTU DENGANNYA							
TARIKH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
06.05.18	5:33	5:43	7:02	1:13	4:32	7:20	8:32
07.05.18	5:33	5:43	7:02	1:13	4:32	7:20	8:32
08.05.18	5:33	5:43	7:02	1:13	4:33	7:20	8:32
09.05.18	5:32	5:42	7:01	1:12	4:33	7:20	8:32
10.05.18	5:32	5:42	7:01	1:12	4:33	7:20	8:32
11.05.18	5:32	5:42	7:01	1:12	4:33	7:20	8:32
12.05.18	5:32	5:42	7:01	1:12	4:34	7:20	8:33



**Daim ajak
sokong PH**

BEKAS Menteri Kewangan, Tun Daim Zainudin turun berkempen mengajak rakyat mengundi Pakatan Harapan dalam PRU 14 ini.

Daim bertemu penduduk Pendang, Kedah bersama calon-calon PH di parlimen dan dua kerusi negeri, Sungai Tiang dan Tokai 1 Mei lepas.

"Kita kena ingat pilihan raya kali ini adalah pilihan untuk menentukan masa depan anak cucu kita. Ini penting, jangan kita silap.

"Kita kena pilih Tun Dr Mahathir untuk selesaikan masalah yang ada dan pilihlah PH. Masa depan kita di tangan PH," katanya.

Kenyataan Daim muncul selepas seorang lagi bekas menteri kabinet Rafidah Aziz menghuraikan dengan panjang lebar mengapa pengundi perlu menyokong PH kali kini.



**TEMUI 50 RIBU PEMBACA
MINGGUAN AMANAH
ANDA!!!**

**UNTUK PAKEJ IKLAN
MENARIK HUBUNGI
01132334322**